

3 Siti Aishah pencinta ilmu yang diperalat



7 Mohamad Sabu, saya dan peristiwa 22 April 1974

Thaqif: Pemuda Amanah menuntut siasatan menyeluruh, tawar bantuan guaman



BIL 49 | 30 APRIL - 6 MEI 2017 | HARGA RM2.00 | SABAH/S'WAK RM2.50 | PP18978/03/2016(034450)

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA

Amanah, Bersatu semakin mendapat tempat di hati rakyat Kelantan



ms2


Tanjung Piai, antara perubahan dan kos sara hidup



ms9

Amanah atasi Pas dengan kelebihan 3.6%

Tahap sokongan mengikut parti pembangkang



AMANAH sudah mengatasi PAS dengan kelebihan 3.6%

Kajiselidik Kebekhpindahan Undi Antara Parti Pembangkang (April 2017)
© INVOKE Centre for Policy Initiatives

ms2

PRU MUNGKIN RAMADAN

PILIHAN RAYA umum ke 14 mungkin akan diadakan Ramadhan ini. Inilah khabar angin terbaru yang sedang bertiup kencang. Ia diadakan serentak dengan kempen sentimen Melayu dan Islam yang dijalankan Umno dengan kerjasama rakan barunya, Pas.



Tulisan penuh ➔
muka 2

AMANAH terima kunjungan Majlis Dakwah Negara



Parti Amanah Negara (AMANAH) telah menerima kunjungan 15 anggota dari Majlis Dakwah Negara (MDN) yang diketuai pengerusinya, Prof. Emeritus Datuk Dr Mahmood Zuhrri Ab Majid di Wisma Amanah Negara pada 20 April 2017 lalu. Mereka berbincang selama dua jam selepas disambut presiden AMANAH Mohamad Sabu serta Penasihat Umum Ustaz Ahmad Awang bersama timbalannya Ustaz Abdul Ghani Shamsuddin.

EZKEMBARA
NO. 07/1A-68W

KINI SEMUA BOLEH MENGENGEMBARA

03-6184 1542/013-673 9000

Maldives DEC DARI RM 2899 DARI RM 2599	Ho Chi Minh, Vietnam NOV DARI RM 1299 DARI RM 1099
Turki NOV DARI RM 4899 DARI RM 3899	Padang/Medan NOV DARI RM 1399 DARI RM 1099
Seoul, Korea NOV DARI RM 2999 DARI RM 2490	Bandung DEC DARI RM 1399 DARI RM 1199
Tokyo, Jepun AUG SEP OKT NOV DARI RM 2590	

SILA LAYARI
WWW.EZKEMBARA.com

Pilihan raya dijangka Ramadan

RAMADAN tahun ini dipersiapkan untuk diadakan pilihan raya umum ke 14. Begitulah khabar angin yang sedang bertiup kencang sekarang di kalangan ahli politik.

Walaupun tidak disenangi oleh banyak pihak, namun bagi memenuhi naratif sentimen agama dan kaum yang sedang dibina oleh Umno dan rakan barunya PAS, bulan Ramadhan didakwa bakal dipilih menjadi bulan

pilihan raya ke 14.

Ketika Umno dan BN boleh menggunakan segala media, jentera kerajaan dan balai-balai raya untuk menyampaikan mesejnya kepada rakyat, PAS boleh menggunakan masjid dan surau untuk menyampaikan mesej politiknya.

Ramai membantah cadangan memilih bulan Ramadan, ketika umat Islam berpuasa, sebagai bulan untuk diadakan pilihan raya umum.

"la umpama berperang di bulan Ramadhan.

Ketika umat Islam berpuasa, mereka memilih untuk berperang," kata seorang ustaz ketika kuliahnya di sebuah masjid.

Bagi AMANAH, parti baru berusia setahun lebih itu sedia menghadapi pilihan raya bila-bila masa hatta bulan Ramadhan akan datang yang dijangka hujung Mei ini.

"Jentera kami sudah siap sedia hatta pilihan raya diadakan bulan puasa ini. Kita telah arahkan jentera membuat persiapan sejak

enam bulan lalu lagi," kata Timbalan Presiden AMANAH, Salahudin Ayub.

Beliau bersetuju, Umno bersiap untuk mengadakan pilihan raya Ramadhan ini kerana mereka rasa lebih mudah menang jika diadakan dalam bukan puasa.

"Mereka ada segala jentera dan boleh gunakan masjid dan surau yang mereka kawal untuk berkempen di bulan puasa," katanya kepada akhbar AMANAH.

Thaqif: Siasat menyeluruh, AMANAH tawar bantuan guaman

PEMUDA AMANAH mengucapkan takziah kepada keluarga adik Mohamad Thaqif Amin Mohd Gaddafi yang meninggal dunia petang Rabu 26 April lepas dan menuntut agar siasatan menyeluruh dijalankan ke atas punca kematiannya.

Faiz Fadzil, timbalan ketua Pemuda Amanah Nasional dalam satu kenyataannya selepas menziarahi adik Thaqif ketika menghembuskan nafasnya terakhir di hospital Sultan Ismail, Johor Bahru kesal dengan pemergian adik Thaqif.

"Saya berpeluang menziarahi almarhum adik Mohamad Thaqif Amin Mohd Gaddafi di saat beliau menghembuskan nafas yang terakhir.

"Pemuda Amanah merakamkan takziah kepada keluarga adik Thaqif dan kami mendoakan roh adik Thaqif ditempatkan di kalangan solihin," katanya yang ke hospital bersama Pengerusi Amanah Johor, Aminolhuda Hassan.

Ketika bercakap dengan bapanya, Mohd Gaddafi yang merupakan bekas

pemain bolasepak Selangor, Faiz yang merupakan seorang peguam menawarkan khidmat guaman untuk membantu keluarga malang itu.

Pemuda Amanah, kata Faiz, amat menyenangi semangat adik Thaqif yang mahu mendalami pengajian al-Quran walaupun dalam usia yang masih muda.

"Sungguhpun begitu, Pemuda Amanah berasa amat kesal di atas pemergian adik Thaqif yang dilaporkan mengalami kecederaan serius akibat penderaan fizikal oleh kakitangan sekolah tahfiz berkenaan.

"Kami mendesak siasatan menyeluruh dan adil dijalankan agar pihak dan individu yang terlibat dibawa ke muka pengadilan," katanya.

Katanya, Pemuda Amanah melihat kes-kes penderaan kanak-kanak terutama pelajar sekolah semakin menjadi-jadi dan tidak terkawal dan seharusnya pihak berkuasa memberikan perhatian serius kepada perkara ini agar insiden

yang tidak diingini ini tidak berulang.

"Kita mahu sistem pendidikan diperkasakan dan kasih sayang dan kesedaran menjadi elemen penting mendidik pelajar-pelajar terutama meningkatkan mutu pendidikan dan disiplin.

"Hukuman bukan langkah dan pilihan yang tepat dan bijak. Kanak-kanak dan pelajar-pelajar seharusnya dijauhkan daripada sebarang bentuk hukuman fizikal," katanya.

Thaqif meninggal dunia jam 2.05 petang Rabu 26 April lepas akibat komplikasi jantung selepas kecederaan teruk pada kaki dan tangan.

Beliau yang didaftar masuk ke sebuah pusat tahfiz swasta di Kota Tinggi pada 27 Januari lalu dilaporkan mengalami kesakitan pada bahagian kaki sejak dua minggu lepas akibat dipukul pembantu warden.

Kedua-dua kakinya yang dijangkiti kuman serta darah beku yang kemudiannya terpaksa dipotong dan keadaan



Faiz dan Aminolhuda bercakap dengan bapa adik Thaqif, Gaddafi (bersongkok hitam) ketika anak yang didera itu menghembuskan nafasnya yang terakhir Rabu 26 April lalu.

Thaqif semakin membimbangkan selepas doktor mengesan darah beku di lengan kirinya.

Susulan itu, seorang pembantu warden direman bagi membantu siasatan kes berkenaan.

AMANAH, Bersatu semakin mendapat tempat di hati rakyat Kelantan

AMANAH dan Bersatu semakin mendapat tempat di hati rakyat Kelantan, khususnya di kalangan pengundi muda (21-40 tahun), kata pengkaji politik Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Datuk Dr Mohamad Agus Yusof.

Bagaimanapun, katanya, kepimpinan kedua-dua parti itu kurang padu. Manakala ceramahnya banyak, tetapi penceramahannya orang yang sama dan hanya tertumpu di kawasan bandar sahaja.

"Bersatu dan Amanah perlu melakukan banyak lagi kerja untuk mendekati rakyat Kelantan secara lebih menyeluruh kerana setakat ini aktiviti hanya tertumpu di Kelantan Utara sahaja," kata Agus.

Sehubungan dengan itu, Agus, saintis politik yang berasal dari Kelantan itu berkata, Umno lebih berpeluang untuk merampas kembali negeri Kelantan itu dari Pas.

"Pertanyaan saya cuma satu, setelah menang di Kelantan, siapakah Menteri Besar Umno tersebut?" kata Agus dalam satu tulisan di akaun Facebooknya.

Agus akui Pas mempunyai sokongan akar umbi yang teguh.

"Penyokong tegarnya kekal dengan Pas atas alasan Pas adalah parti agama.

"Begitupun, saya dapati ceramah Pas sudah semakin kurang diminati kerana penceramahnya tidak mampu memberikan gagasan baru untuk memerintah

Kelantan ke depan," katanya.

Katanya, Umno masih sepi dengan kegiatan ceramah, tetapi mempunyai banyak program berfokus.

"Seperti Pas, Umno juga mempunyai penyokong tegar dan jentera akar umbi yang kuat," katanya.

Menurut beliau, bagi anak Kelantan yang tinggal di Lembah Kelang pula, mereka pengundi rasional yang meminati kepada calon dan isu.

"Penyokong tegar setiap parti sekitar 20% sahaja menjadikan 40% pengundi luar Kelantan ini adalah pengundi atas pagar," katanya.

Persoalannya, parti manakah yang akan menang dalam pilihan raya umum nanti?

"Dengan mengambil kira perpecahan Umno dan Pas sehingga lahirnya Bersatu dan Amanah, jika berlaku pertandingan tiga penjur, data yang ada menunjukkan Umno lebih mempunyai kelebihan.

"Betul, rakyat kecewa dan marah berat dengan beberapa isu Umno, khususnya berkaitan dengan kenaikan harga minyak dan kos sara hidup serta rasuah yang sering dilaporkan di dada akhbar," katanya.

Tetapi dalam konteks Kelantan, Agus memberikan tiga faktor utama yang tetap memberi kelebihan kepada Umno untuk menang.

(i) kegagalan kerajaan Pas men-

gatasi masalah rakyat dan memban- gunkan Kelantan menyebabkan rakyat mahukan perubahan kerajaan.

(ii) pemimpin tempatan Umno lebih peka dengan masalah dan isu rakyat.

(iii) parti dan kewangan Umno lebih kukuh untuk memujuk rakyat dalam kempen pilihan raya.

PAS pula, katanya, perlu mengubah pendekatan kempen dan ceramahnya jika mahu kembali mendapat tempat di hati rakyat.

"Isu-isu rakyat perlu dijawab secara berhemah dan berfakta, bukan setakat apa yang PAS lakukan sekarang. Dalam politik, Pas perlu berpijak di alam nyata," katanya.

AMANAH atasi Pas dengan kelebihan 3.6%

ANALISIS Pusat Inisiatif Dasar Invoke (I-CPI) mendapati daripada segi sokongan rakyat, Amanah sudah mengatasi Pas dengan berada pada 16.1 peratus berbanding 12.5 peratus bagi Pas jika berlaku pertandingan tiga penjur antara Umno (BN), Amanah (Pakatan) dan Pas.

Kelebihan 3.6 peratus itu berdasarkan kaji selidik sepanjang Februari sehingga April tahun ini yang dibuat Invoke.

Kajian ini dikeluarkan ketika semua pemimpin Pas akan berhimpun di Alor Setar bagi menyertai Muk-

tamar ke 63, dua tahun selepas Pas berpecah yang menghasilkan parti Amanah.

Para perwakilan Pas dipercayai menghalakan serangan kepada kajian yang dibuat oleh Rafizi ini ketika banyak kawasannya di seluruh negara meluluskan usul agar Pas memutuskan hubungannya dengan PKR.

Mengumumkan dapatan Pusat Inisiatif Dasar Invoke (I-CPI), Rafizi Ramli berkata, Amanah berbeza dengan Pas kerana parti diterajui Datuk Seri Abdul Hadi Awang itu hanya tertumpu di Kelantan dan Terengganu.

OHHH MALAYSIAKU



Keputusan Mahkamah Arbitrasi Antarabangsa London

Rakyat tanggung beban 1MDB

KUALA LUMPUR: Rakyat negara ini terpaksa menanggung beban apabila 1MDB bersetuju membayar ganti rugi kepada International Petroleum Investment Company (IPIC) setelah termeterinya perjanjian timbang tara antara kerajaan dengan syarikat dari Abu Dhabi itu di Mahkamah Arbitrasi Antarabangsa London.

Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, beban itu akan ditanggung oleh rakyat melalui hasil kutipan cukai yang akan dikenakan ke atas mereka bagi meningkatkan pendapatan kerajaan untuk menanggung masalah kewangan 1MDB.

"Persetujuan 1MDB untuk membuat bayaran kepada IPIC jelas menunjukkan bahawa syarikat itu mengaku telah membuat bayaran yang salah kepada satu syarikat yang tiada kaitan langsung dengan IPIC.

"Persetujuan arbitrase yang dicapai di antara 1MDB dan IPIC ini juga jelas menunjukkan terdapat unsur-unsur penipuan apabila 1MDB telah membuat salah pembayaran kepada Aabar BVI," ujarnya dalam kenyataan

yang dikeluarkan lewat petang ini.

Muhyiddin mempersoalkan bagaimana 1MDB telah tersalah membayar wang kepada anak syarikat IPIC Aabar Investments PJS tetapi sebaliknya 1MDB membuat pembayaran kepada Aabar BVI, sebuah syarikat palsu yang mempunyai nama yang hampir sama atau mirip dengan anak syarikat IPIC.

"Sebelum ini, pertikaian timbul di antara 1MDB dan IPIC apabila IPIC menyatakan 1MDB tidak pernah membuat apa-apa pembayaran kepada IPIC sebagaimana didakwa.

"Inilah yang telah menyebabkan IPIC dan Aabar Investments PJS meneruskan tuntutan mereka selepas beberapa kali mengeluarkan kenyataan 1MDB telah memungkiri komitmen mereka kepada IPIC.

"Abu Dhabi telah berulang kali berkata, IPIC atau anak syarikatnya itu tidak pernah menerima sebarang pembayaran atau deposit dari 1MDB walaupun 1MDB bertegas menyatakan bahawa Aabar BVI adalah anak syarikat Kumpulan IPIC," jelas Muhyiddin.

Sehubungan itu, beliau mempersoalkan mengapa pembayaran sebesar itu dibuat

kepada sebuah syarikat yang palsu dan kenapa tidak ada satu pun tindakan diambil terhadap mana-mana pihak yang bertanggungjawab melakukan pembayaran yang salah itu?

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga mahukan kepastian sama ada pembayaran kepada syarikat Aabar yang palsu itu telah dirancang lebih awal.

"Persoalannya, dari manakah sumber kewangan yang akan diperolehi oleh 1MDB dan MOF Inc untuk membayar sebanyak RM25.18 bilion kepada IPIC? Jika ianya menerusi penjualan sebuah unit pelaburan 1MDB bernama Brazen Sky Ltd, siapakah yang membeli unit pelaburan tersebut dan berapakah nilainya? Benarkah unit pelaburan ini wujud?" ujar Muhyiddin.

Beliau turut menggesa kerajaan khususnya Kementerian Kewangan menjelaskan tindakan yang diambil untuk menuntut kembali bayaran yang dibuat kepada syarikat Aabar palsu atau Aabar BVI.

Ini kerana kegagalan 1MDB untuk membuat pembayaran mengakibatkan Kerajaan

Malaysia terpaksa menanggung kesemua bayaran kepada IPIC.

IPIC milik Abu Dhabi melalui satu kenyataan kepada Bursa Saham London mengesahkan telah mencapai persetujuan dalam prosiding timbang tara dengan 1MDB dan Kerajaan Malaysia (MOF Inc) di Mahkamah Arbitrasi Antarabangsa London.

Menurut persetujuan itu, 1MDB akan membayar sejumlah USD1.2 bilion (RM5.28 bilion) pada Julai dan Disember tahun ini.

Di bawah syarat penyelesaian, IPIC akan menerima USD602.7 juta (RM2.64 bilion) pada 31 Julai dan selebihnya USD602.7 juta (RM2.64 bilion) pada 31 Disember akhir tahun ini.

1MDB dan Kementerian Kewangan juga berjanji kepada IPIC untuk membayar bagi semua faedah masa depan dan prinsipal di bawah dua bon yang dikeluarkan syarikat kumpulan 1MDB yang dijamin 1MDB dan IPIC.

Bon pertama bernilai USD1.75 bilion (RM7.7 bilion) pada kadar tetap 5.75 peratus yang dikeluarkan 1MDB Energy (Langat) Limited dan bon kedua berjumlah USD1.75 bilion (RM7.7 bilion) pada kadar tetap sebanyak 5.99 peratus yang dikeluarkan oleh 1MDB Energy Limited.

Kedua-dua bon hanya akan matang pada 2022.

Siti Aishah pencinta ilmu yang diperalat

KUALA LUMPUR: Siti Noor Aishah Atam yang dihukum penjara lima tahun kerana didapati bersalah memiliki 12 buku mempromosi fahaman militan sebenarnya menjadi mangsa keadaan, kata ahli parlimen Kuala Terengganu Raja Bahrin Shah.

Menurut Raja Bahrin, Aishah 'diperalatkan' oleh pensyarah dan pelajar lain di universiti beliau untuk kepentingan peribadi mereka.

"Ini patut menjadi iktibar pada pelajar muda di universiti untuk lebih berhati-hati oleh anasir yang bergiat di kampus yang boleh memangsakan

dengan mengaitkan anak muda yang tidak tahu atau sedar implikasinya. Aishah adalah mangsa," katanya dalam satu kenyataan, 26 April lalu.

Raja Bahrin yang juga ketua Biro Antarabangsa AMANAH berkata, Aishah ialah contoh anak muda yang mencintai ilmu namun kerana mempunyai buku-buku yang dianggap salah, dia menjadi mangsa Akta Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (Sosma).

"Penting diingatkan kepada orang awam supaya berhati-hati memiliki bahan bacaan yang boleh mem-

bawa kepada kesalahan yang serius. Dalam kes Aishah ini buku-buku yang menyebabkan beliau didapati bersalah sehingga hari ini masih boleh dibeli di mana-mana kedai buku.

"Itulah bahaya terhadap orang awam yang didedahkan ke atas mereka hari ini dengan undang-undang negara termasuk undang-undang SOSMA, POCA dan POTA," katanya.

Sementara itu, beliau melahirkan rasa terharu apabila Aishah yang berasal dari Dungun, Terengganu menyampaikan hasrat untuk belajar di dalam penjara sewaktu menjalani

hukuman.

"Dalam menanti saat dijatuhkan hukuman di mahkamah, Aishah minta ayahnya memanggil saya untuk memberitahu beliau ingin memohon kebenaran belajar dalam penjara.

"Ini amat menyayat hati saya yang terasa begitu terharu. Saya berjanji kepada beliau untuk berusaha membolehkan beliau terus belajar. Inilah minda 'innocent' anak muda Aishah," katanya.

Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur 26 April lalu memerintahkan Siti Aishah menjalani hukuman penjara dari hari dia ditahan dan mengarahkan

kerajaan melupuskan serta mengharamkan 12 buku terbabit.

Sementara itu, peguam Siti Aishah, Kamaruzaman Abd Wahab meminta mahkamah mengurangkan hukuman ke atas anak guamnya memandangkan ini kesalahan pertamanya dan ia mungkin berpunca daripada pengaruh pensyarahnya.

"Ini kesalahan pertama dan Siti Aishah ada masa depan cerah. Beliau sudah insaf. Beliau beli buku ini sebab suka membaca sebelum diharamkan KDN (Kementerian Dalam Negeri)," katanya.

BERSAMA RAKYAT... Presiden AMANAH Mohamad Sabu berucap pada majlis pelancaran Pusat Khidmat Permatang Pasir, Permatang Pauh, Pulau Pinang baru-baru ini. Majlis itu turut dihadiri Ketua Menteri Lim Guan Eng, Ahli Exco Kerajaan Negeri Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Pengerusi AMANAH negeri Datuk Dr Mujahid Yusof. Sempena majlis itu, kenduri rakyat turut diadakan manakala masjid di sekitar Permatang Pauh diberi suguhati bagi menyambut Ramadhan Al Mubarak. Dua penggali kubur dari setiap masjid turut diberi suguhati RM200 oleh kerajaan negeri. Pusat khidmat ini ditubuhkan bertujuan menyampaikan bantuan dan maklumat yang disediakan kerajaan negeri.



BERTEMU NGO TIONGHOA... Dengan jadual padat minggu lalu, Parti Amanah Negara (AMANAH) turut memenuhi jemputan bertemu kumpulan badan-badan bukan kerajaan (NGO) kaum Tionghoa. Pertemuan itu berlangsung di Dewan Himpunan Cina Kuala Lumpur Selangor (KLSCAH) pada 20 April 2017 lalu. Antara NGO yang hadir adalah Malaysia-China Chamber Of Commerce dan KLSCAH. Hadir sama wakil Penang Institute. Delegasi AMANAH pula disertai anggota pimpinan pengurusan parti yang diketuai Presiden Mohamad Sabu.



Minda Pengarang

Isu kenaikan kos sara hidup mendominasi PRU14

MENJELANG Pilihan raya Umum ke-14 tidak lama lagi, ada pihak rancak meniupkan kempen mengheret isu perkauman yang menakutkan. Mereka sentiasa mengingatkan rakyat, terutama orang luar bandar, supaya jangan mengundi DAP dan parti yang kononnya bersekongkol dengan DAP. Maksud yang tersirat ialah supaya Umno-BN terus berkuasa.

Dengan makna yang jelas, kononnya jika hendak mempertahankan Islam dan Melayu maka mestilah pertahankanlah Umno-BN supaya terus berkuasa. Sedangkan tujuan sebenar mereka adalah untuk mengalih perhatian daripada isu sebenar yang dihadapi rakyat dan negara.

Sesetengah pihak, terutama di luar bandar, memang ada yang terpengaruh dengan isu ini. Iaitu termakan dengan kebimbangan dan ketakutan yang dicipta, dengan harapan rakyat akan menyokong Umno-BN dalam PRU14, supaya kekalah pemerintahan kerajaan BN.

Tetapi situasi telah berubah, kempen perkauman seperti ini tidak lagi berkesan justeru rakyat lebih memikirkkan kehidupan mereka yang saban hari tambah derita dengan harga barangan yang terus naik, antaranya kerana cukai GST dan nilai ringgit yang menjunam.

Pelbagai pihak – terutama NGO dan rakyat prihatin – bukan saja di bandar, bahkan di luar kota dan seluruhnya telah mengeluh betapa sukarnya meneruskan kelangsungan hidup. Masalah inilah yang menjadi fokus utama rakyat, bukan isu perkauman.

Majoriti rakyat tidak lagi akan terpengaruh dengan dakwah kononnya jika DAP (Cina) menang PRU14, maka negara ini akan diperintah oleh orang Cina. Di tengah isu ini mengiringi

pula isu agama, kononnya agama Islam juga turut tidak selamat jika kerajaan bertukar.

Ini sebuah kejahatan dan sangat tidak munasabah untuk dipercayai. Tetapi, malangnya, isu yang merosakkan segalanya ini sentiasa diulang kembali untuk menanamkan rasa bimbang, khususnya di kalangan orang Melayu.

Pada hal kebimbangan ini sama sekali tidak logik dan berniat jahat. Sudah berulang kali diujikan bahawa adalah mustahil DAP akan memerintah dengan segala fakta yang ada, tetapi malangnya sesetengah pihak masih menguar-uarkan kebimbangan ini, untuk meraih kemenangan politik perkauman dan pelampau agama.

Kini, masalah derita rakyat yang berpunca dari kenaikan harga barang mendominasi pemikiran rakyat kerana isu ini melibatkan kelangsungan hidup masyarakat. Mereka tidak peduli isu perkauman dan ekstremisme agama yang sengaja direka. Justeru, para pemimpin dan pendukung parti politik hendaklah menyedari hal ini dan berusaha menolak politik perkauman.

Pakatan Harapan, sebagai gabungan parti pembangkang hendaknya lebih fokus akan isu derita rakyat ini kerana ia adalah segala-galanya. Parti dalam komponen Pakatan Harapan mesti menjelaskan hal ini kepada rakyat. Kemungkinan masih ada rakyat, terutama di luar bandar, yang keliru dan mudah terpengaruh dengan isu perkauman ini.

PRU14 adalah 'ibu segala pilihan raya' kerana suasana dan pelbagai isu yang berbangkit, begitu juga dengan jumlah bakal calon yang akan bertanding dan riuh-rendah masalah agihan kerusi di antara semua parti.

Jangan hina agama lain

Wacana Santai Fiqh Siyasi Malizi

Dalam semua agama ada orang jahat; politikus jahat, ahli perniagaan jahat, agamawan jahat, pegawai kerajaan jahat, juga yang mengaku sebagai pejuang agama tetapi jahat.

Dalam Islam juga ada insan seperti itu, bukan saja pada zaman ini, tetapi pada semua zaman. Kecuali para rasul, sahabat, *tabien* yang mulia, imam mujtahidin yang agung, dalam kalangan manusia lain pasti ada orang yang jahat.

Kita tentu tidak bersetuju jika orang lain mendakwa Islam itu jahat, mengukur kepada mana-mana Muslim yang jahat tadi.

Seorang ayah tentu tidak bersetuju jika dikata keluarganya adalah keluarga penagih dadah misalnya, hanya kerana ada salah seorang anggota keluarganya penagih dadah.

Seorang guru tentunya tidak bersetuju jika dikata sekolahnya adalah sekolah jahat jika ada salah seorang pelajarinya membuli pelajar lain.

Demikianlah penganut mana-mana agama pun. Dia tentu tidak bersetuju agamanya dipandang buruk kerana perbuatan segelintir pemuka atau penganut agama itu yg berperangai buruk.

Orang Hindu, Kristian, Buddha, Bahai, Sikh, Syinto, bukan semuanya jahat, walaupun aqidah mereka pada



Pencerahan Mingguan
**TANWEER
USBU'II**

USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN
Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAH

ukuran orang Islam adalah terpesong.

Saya tidak setuju jika kita memperlekehkan kepercayaan atau ajaran agama lain menggunakan ukuran bahawa ada penganut agama itu yang jahat. Inilah kefahaman saya terhadap larangan mempersendakan sembah agama lain yang terkandung dalam al-Quran. Apa perasaan kita orang Islam jika orang lain mengukur Islam dengan Khawarij dan ISIS? Dengan ukuran itu orang Islam dilabel sebagai pendahaga darah misalnya?

Begitu juga, jika ada penganut Hindu yang jahat di India; janganlah kejahatan itu ditampal kepada penganut Hindu di negara ini pula. Bukankah seseorang itu tidak wajar dihukum kerana dosa orang lain? Apa salah orang Hindu Malaysia, jika yang jahat itu adalah penganut Hindu di India?

Fokus saya ialah, Malaysia bukan India atau Makkah. Peristiwa Masjid Babri di India, bahkan peristiwa rencana orang musyrikin untuk membunuh Nabi Muhammad s.a.w. wajar menjadi sempadan bukan ikutan.

Jika orang Islam menyimpan dendam dengan peristiwa itu, bagaimana pula perasaan kita jika non Muslim berdendam dengan peristiwa Khaibar? Ya, Khaibar betul pada kaca mata orang Islam, tapi ia boleh dianggap salah pada kaca mata orang lain. Jika begini, bilakah peperangan dan permusuhan antara agama akan mereda?

Inilah idea *Fiqh Siyasi Malizi* yang sedang diwacanakan oleh para intelektual di negara ini. AMANAH sedang menyuburkan fiqh ini melalui penganjuran Nunji.

Ringkasnya, hubungan antara agama dalam negara ini perlu berlangsung dalam ruang dan realiti negara ini, bukan negara lain termasuk Makkah dan Madinah. Jika pada zaman Umar, wilayah Islam ditadbir dengan *Fiqh Siyasi Umar*, negara ini wajar ditadbir dengan *Fiqh Siyasi Malizi*.

“
... hubungan antara agama dalam negara ini perlu berlangsung dalam ruang dan realiti negara ini, bukan negara lain termasuk Makkah dan Madinah. Jika pada zaman Umar, wilayah Islam ditadbir dengan Fiqh Siyasi Umar, negara ini wajar ditadbir dengan Fiqh Siyasi Malizi.

AMANAH mesti berdaya dalam amalan ruhani yang membina watak 'amilin Islam berwibawa. Juga perlu bersiaga dalam melengkapi diri dengan aspek ilmu islami melalui usrah jamaah.

Dan mesti bersikap sabar atas segala tohmahan dan fitnah yang dilemparkan oleh sesiapa pun. Dasar Parti kita adalah Islam. Maka Islam harus diterjemahkan melalui tindakan dan akhlak al-karimah.

USTAZ ABDUL GHANI SAMSUDIN
Timbalan Penasihat Umum AMANAH



Shabery abai isu utama nelayan

Oleh RAJA BAHRIN SHAH


BARU-BARU ini Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Ahmad Shabery Cheek menyatakan kerajaan bercadang menaikkan pendapatan nelayan kepada RM5,000 sebulan menjelang tahun 2020! Ini adalah satu sasaran yang agak amat sukar untuk di capai dalam masa 3 tahun memandangkan kebanyakan nelayan masih di antara golongan termiskin di Malaysia!

Bila muncul musim pilihan raya, menteri dan kerajaan ghairah menabur janji dan projek dengan "pulangan mewah" untuk menarik sokongan nelayan. Berapa banyak sudah projek *aquaculture* seperti di Setiu, Terengganu yang gagal. Ini semua semata-mata menawar projek gula-gula untuk memancing undi nelayan.

Apa yang sangat diperlukan nelayan adalah menambah ikan di perairan kita yang dicuri dan peralatan serta perangkap ikan mereka yang dimusnahkan bot pukat tunda haram nelayan asing Vietnam.

Sudah zaman berzaman masalah ini tidak ditangani beberapa menteri dari masa Tan Sri Noh Omar, Dato' Seri Ismail Sabri dan kini Shabery pula dari Terengganu yang mempunyai komuniti nelayan yang besar.

Kalau peruntukan minyak rondaan bot pihak berkuasa untuk menjaga keselamatan nelayan pun tidak mencukupi, di manakah kesunggu-



han pihak kerajaan? Untuk mengalih pandangan dan memberi janji baru, projek *aquaculture* pulak dijanjikan.

Angka disebut menteri, iaitu RM1,500 hingga RM2,000 pendapatan majoriti nelayan amat diragui. Sebagai menteri yang berasal dari Terengganu, beliau sepatutnya lebih maklum realiti sebenar kebanyakan nelayan kampung yang masih di tahap pendapatan RM400 sebulan.

Kajian Universiti Malaysia Terengganu (UMT), menemui nelayan yang berpendapatan kurang dari RM400 di kawasan Kg Seberang Takir yang terletak bersebelahan kawasan Menteri Besar Terengganu, yang juga hampir dengan ibu negeri, Bandaraya Kuala Terengganu!

Adakah Menteri Pertanian dan Menteri Besar Terengganu mengetahui realiti hasil kajian Universiti yang bertempat di Terengganu sendiri? Hentikanlah janji-janji projek musim pilihan raya dan hadapilah realiti penderitaan keluarga nelayan tempatan yang telah begitu lama belarutan.

Sejak berada di Parlimen, setiap tahun saya menimbulkan isu nelayan, khususnya masalah nelayan Terengganu di Pantai Timur. Pada sesi terbaru Parlimen pada 22 Mac 2017, satu perbahasan yang hangat isu nelayan telah berlangsung di antara Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dengan saya, di Dewan Rakyat.

Harapan nelayan Terengganu dan saya sendiri amatlah tinggi sejak Shabery Cheek, Ahli Parlimen Kemaman dilantik Menteri Pertanian, kerana beliau berasal dari Terengganu. Malangnya kami dihampakan. Sejak berada di Parlimen setiap tahun saya membawa wakil nelayan ke Parlimen berjumpa nenter berkenaan, termasuk tahun lepas untuk berjumpa Sabery.

Oleh sebab kerajaan gagal menangani isu asas masalah nelayan yang terlalu lama tertangguh, berlakulah perbahasan hangat bulan Mac baru-baru ini. Di antara isu-isu yang kami bangkitkan adalah berkaitan pencerobohan nelayan asing Vietnam, penggunaan pukat tunda secara haram yang menyebabkan pupusnya sumber ikan dan kerosakan perangkap nelayan tempatan,

rondaan untuk kuatkuasa dan keselamatan nelayan tempatan.

Mereka bukan meminta tambahan subsidi tetapi perkara paling asas iaitu penguatkuasaan dan keselamatan yang memang menjadi tanggungjawab kerajaan yang telah terlalu lama diabaikan. Hasil pengabaian Kerajaan selama ini menyebabkan ikan amat berkurangan dan harga ikan pun makin naik. Ikan adalah sumber protin utama kebanyakan orang Terengganu terutamanya golongan pendapatan sederhana dan rendah.

Tuntutan serta cadangan kami dipandang remeh menteri dan pihak berkuasa. Isu rondaan pihak keselamatan yang amat lemah yang berpunca dari tidak cukup peruntukan minyak bot ronda sehingga hari ini tidak ditangani. Sudahlah bot rondaan pihak berkuasa usang dan berusia lebih dari 40 tahun berbanding dengan bot nelayan Vietnam yang berkuasa tinggi, peruntukan minyak pun tidak mencukupi.

Penyelarasan di antara pihak-pihak penguatkuasa Marin Laut, Jabatan Perikanan dan Polis Marin amat mendukacitakan dengan masing-masing menyalahkan satu antara lain, tanpa penyelesaian sehingga kini. Mereka meminta nelayan pula memberi bukti yang lengkap di tengah-tengah laut untuk mereka bertindak dengan gambar dan bukti lain yang cukup.

Gambar-gambar telah dihantar

tanpa tindakan sepatutnya bertahun-tahun. Cadangan kami untuk gunakan "drone" - kapal terbang kecil pemantau - tidak di terima dan diperlekehkan menteri di Parlimen semasa perbahasan bulan Mac baru-baru ini.

Sekarang nelayan telah mengambil video bukti bot Vietnam menceroboh yang telah diviralkan luas. Ramai yang melayari laman internet telah melihatnya. Apa lagi bukti menteri nak tuntutan dari nelayan?

Saya minta menteri tumpu perhatian isu masalah utama nelayan Vietnam yang menceroboh perairan kita dan keselamatan nelayan tempatan. Masalah lama zaman berzaman dan sedia ada perlu diatasi dahulu dan cadangan projek baru Shabery ini belum tentu nasibnya.

Janganlah lari dari tanggungjawab utama dan cuba mengalih pandangan kepada projek baru pula dengan janji pendapatan RM5,000 yang tidak munasabah atau realistik. Jangan yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran, kerana akibatnya akan ditanggung oleh nelayan yang sudah pun di antara golongan termiskin.

Bilakah nasib nelayan akan dibela dengan kesungguhan politik dan azam yang ikhlas oleh kerajaan?

• Raja Bahrin Shah, Ahli Parlimen Kuala Terengganu, yang juga Pengerusi AMANAH Terengganu.

Padah apabila pemimpin hilang nama baik

KETIKA menyaksikan gegak gempit medan politik, saya teringat akan sebuah dialog menarik dalam drama 'Hamlet' karya William Shakespeare, iaitu ketika Hamlet mengingatkan rajanya:


"Tuanku, jika tuanku hilang harta, tuanku sebenarnya tidak hilang apa-apa. Jika tuanku sakit, tuanku hanya hilang sebahagian dari apa yang tuanku miliki. Tetapi jika tuanku hilang nama baik, bermakna tuanku hilang segala-galanya."

Ini sebuah ingatan yang sangat mengesankan. Bermakna bahawa 'nama baik' adalah segala-galanya.

Islam sendiri sebagai 'agama rahmat seluruh alam' sangat menekankan mengenai akhlak, di mana Rasulullah s.a.w. menjadi contoh insan yang sangat terpuji akhlaknya dan kerana itu ia diutus menjadi rasul untuk membaiki akhlak manusia.

Maka itu, akhlak dan nama baik adalah sinonim. Tanpa akhlak yang baik akan hilang nama baik dan apabila hilang nama baik, bermakna hilang segala-galanya.

Dalam simpang-siur politik negara yang ada sekarang, maka pemimpin dan pen-



dukung sangat perlu menjaga nama baik. Tutur kata, perkataan yang dikeluarkan, perbuatan, tulisan, kenyataan dan segalanya perlulah dicermati.

Ini kerana segala yang yang ditutur dan yang ditulis oleh pemimpin itu menjadi perhatian pelbagai pihak.

Bermakna di sini, bukan saja pemimpin yang perlu berakhlak mulia, menjaga nama baik, tetapi pendukungnya juga sangat perlu berakhlak baik dengan menjaga nama baik. Justeru, nama baik adalah segalanya.

Pemimpin dan pendukung jangan sekali-kali mengeluarkan kata-kata buruk, melabel seseorang dan sesuatu pihak yang bukan dari golongannya, semata-mata berdasarkan kebencian atau prejudis.

Lebih-lebih lagi mereka - pemimpin dan pendukung - yang bergerak dalam gerakan Islam, keutamaan menebarkan akhlak yang baik adalah menjadi kewajipan setiap ketika.

Walaupun terhadap musuh, atau bukan daripada golongannya, seseorang pemimpin dan pendukungnya jangan sekali-

kali mengeluarkan kata kesat, melabel dan menggelar seseorang atau sesuatu pihak yang dibencinya dengan gelaran yang sama sekali tidak ada dalam kamus akhlak Islam.

Lebih-lebih lagi jika ada pengikut atau 'anak buah' yang berlebihan dan sangat melampau pula dengan mencaci pihak yang dibencinya, maka ini bertambah parah lagi.

Semua perlakuan buruk ini, bukan saja meruntuhkan kemanusiaan tetapi juga merosakkan nama baik Islam. Ini perlu amat difikirkan.

Saya teringat pesan pemimpin Ikwanul-Muslimin, Imam Hasan Al-Banna: "Pendukung gerakan Islam mestilah bersifat seperti pohon yang berbuah ranum. Orang melemparnya dengan batu, ia membalas dengan menggugurkan buah yang ranum."

Analogi ini sangat menarik dan sangat wajar diingat dan dilaksanakan. Sepanjang sejarahnya, medan politik memang sentiasa dilatari pertentangan kerana politik itu ialah merebut dan mempertahankan kuasa.

Namun dalam pertarungan yang sengit itu, tidaklah sampai 'menghalalkan' untuk mengeluarkan kata-kata kesat dan

pelbagai label yang sangat keji.

Perdebatan di dunia politik, boleh saja. Malah sudah menjadi tradisi demokrasi di Barat, khususnya di Amerika. Di Indonesia juga sudah sering diadakan perdebatan antara pemimpin politik yang bertanding dalam setiap kali Pilihan Raya Presiden.

Saya sendiri pernah menyaksikan perdebatan dalam tiga Pemilu di Indonesia dulu. Ia sangat segar dan harmonis. Tidak ada gelar atau label yang dahsyat dari pemimpin politik yang berdebat.

Perdebatan mereka berkisar kepada idea dan perancangan masing-masing jika memenangi Pemilu. Masing-masing berhujuh dengan penuh sopan dan harmonis.

Demikian juga, kalau mengikut laporan, akan perdebatan politik di Barat setiap kali pilihan raya.

Oleh itu kita merindukan sebuah suasana yang sihat, jauh dari kata nista, label-melebel, walau sesengit manapun sengketa politik.

Semuanya ini sedang diperhatikan oleh rakyat dan mereka akan menilai mutu pemimpin dan pendukung dari semua segi. Berhati-hatilah, justeru nama baik itu adalah segalanya.

Mohamad Sabu, saya dan peristiwa 22 April 1974



PENDAPAT
MOHD ANUAR TAHIR

PERISTIWA 'long-march' ribuan siswaswi Institut Teknologi Mara (ITM) dari kampus Shah Alam dan kampus Jalan Othman Petaling Jaya menuju ke Parlimen adalah tindakan kemuncak oleh Kesatuan Siswa ITM (KSITM) yang didokong oleh seluruh pelajar ITM bagi mendesak kerajaan mengangakat taraf ITM ke taraf universiti.

Perarakan tertib di malam hari melalui Lebuh Raya Persekutuan disekat oleh Pasukan Polis Simpanan Persekutuan (FRU) dan para pelajar tidak sahaja dihujani oleh kanister gas-gas pemedih mata malah dikasari dan ada yang cedera akibat dari kekerasan pihak penjawat-penjawat keselamatan itu.

Kami yang disuraikan di Batu Tiga dan di Kampung Kerinchi telah kembali ke kampus masing-masing dan mengisytiharkan kampus Shah Alam dan kampus Jalan Othman di bawah penguasaan para pelajar sepenuhnya.

Semalaman kami merawat perasaan masing-masing dan sepakat di kedua-dua kampus untuk bertindak menduduki kampus sehingga pemerintah bersedia mengambil langkah-langkah awal ke arah memenuhi tuntutan memorandum taraf universiti bagi ITM yang telah disampaikan kepada seluruh pihak pimpinan negara beberapa bulan sebelum perarakan tersebut.

Pada pagi hari, 22 April para pelajar telah mengawal kedua-dua kampus sepenuhnya menghalang para pengawal keselamatan ITM, para pekerja, para pentadbir dan pensyarah daripada memasuki kampus. Untuk selama beberapa hari kampus Jalan Othman diketuai

oleh saya sendiri selaku Pemangku Setiausaha Agung KSITM, dan kampus Shah Alam diketuai oleh Nik Mustapha Shafri, Ketua Gestapo 22 April KSITM.

Kedegilan dan kesungguhan kami menyebabkan semua pihak termasuk YAB Perdana Menteri Tun Abdul Razak begitu runting dengan kebangkitan para pelajar bumiputera ini. YAB Tun telah memanggil semua ibu bapa pemimpin pelajar ITM untuk menemui beliau dan meminta agar semua ibu bapa menasihati kami agar segera memberhentikan tindakan menguasai kampus dan menyerahkannya kembali kepada pihak berkuasa.

Usaha ini bagaimanapun gagal. Para pemimpin pelajar Bumiputera Bertindak enggan berganjak walaupun diminta berbuat demikian oleh ibu bapa sendiri. Beberapa pihak cuba menjadi orang tengah untuk meredakan ketegangan namun keadaan ini terus berjalannya untuk beberapa hari sehinggalah Presiden KSITM keluar dari persembunyian rahsianya dan mengadakan rundingan damai dengan pihak pemerintah.

Kami diminta menyerahkan kampus setelah beberapa syarat yang diletakkan dipersetujui iaitu, kampus ditutup selama sebulan, pihak kerajaan menyediakan pengangkutan percuma untuk semua pelajar pulang ke kampung masing-masing, memorandum tuntutan taraf universiti akan dikaji dengan teliti dan sebuah jawatankuasa penyiasat mengenai kekerasan dan kekerasan Pasukan FRU segera ditubuhkan oleh pihak kerajaan.

Ketika saya menulis nota peristiwa ini, kami

telah meninggalkan peristiwa itu selama 43 tahun yang lalu. Rambut di kepala kami pun sudah berkurangan tidak panjang seperti dulu. Yang hitam lebat bertukar jarang dan putih keubanan namun peristiwa keramat ini tak akan kami lupakan. Justeru, ia adalah sebuah peristiwa sejarah keberanian sebuah generasi menuntut hak bagi masa depan pendidikan bangsanya.

Saya hanya baru tahu kemudiannya bahawa pada 18 April 1969, lima tahun sebelum kami bertindak dalam peristiwa 22 April 1974, para pelajar Afro Amerika di Universiti Cornell, Amerika Syarikat telah merampas Willard Straight Hall selama 36 jam kerana memprotes diskriminasi, rasisme dan kelambatan pihak universiti mewujudkan program "Black Studies".

Menurut Cornell Chronicle seperti yang dilaporkan oleh George Lousley bahawa peristiwa lagendaris itu telah memberi impak yang besar sekali kepada perubahan sosial, budaya dan politik di universiti-universiti Amerika Syarikat.

Oleh itu, peristiwa 22 April oleh KSITM di PJ dan Shah Alam punya banyak persamaan dengan rampasan kampus University Cornell yang dilakukan secara spontan oleh Afro American Society lima tahun sebelum kami walaupun tiada analisis atau disertasi ditulis mengenainya, peristiwa ini punya impak tersendiri.

Rampasan kampus ini adalah julung kali berlaku tanpa dirancang. Ia menggemparkan bukan sahaja para pelajar, pentadbir, pensyarah malah pemerintah dan rakyat seluruhnya. Bahkan kami sendiri para pemimpin

Kesatuan Siswa Institut Teknologi Mara dan siswaswi ITM tidak menjangka ia akan jadi sedemikian rupa.

Suatu peristiwa keberanian, komitmen, kesetiaan para pelajar untuk mempertahankan kehormatan dan memperjuangkan apa yang kami yakini bahawa itu adalah suatu hak yang wajar dituntut walaupun dengan harga semahal mana pun. Kami para pelajar Bumiputera yang berasal dari desa dan kota telah melakukan suatu kejutan besar yang akan diingat sepanjang hayat.

Saya akui ada korban dari peristiwa besar ini. Ada pelajar-pelajar yang tidak sempat menamatkan pengajian mereka di institusi ini selepas kejadian tersebut. Namun ramai pula generasi daripada 22 April ini menjadi ahli-ahli korporat, ahli akademik, usahawan, ahli-ahli iktisad dan ahli politik yang berjaya menempatkan diri mereka di dalam kelasnya yang tersendiri.

Antara tokoh politik yang saya maksudkan ialah Haji Mohamad Sabu, yang pada suatu ketika dahulu menjawat jawatan Timbalan Presiden Pas, beberapa penggal menjadi Ahli Parlimen di Kelantan dan Kedah. Kini beliau memegang tampuk pucuk pimpinan Parti Amanah Negara (AMANAH) sebagai Presiden-nya.

■ Penulis ialah Setiausaha Agung Parti Amanah Negara.

Piawaian status penjagaan anak adalah 'menjaga agama'

PINDAAN Akta Pembaharuan (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 atau 164 yang sepatutnya dibuat dalam persidangan parlimen lalu (Mac-April 2017) telah ditangguhkan. Banyak pihak telah melahirkan rasa bimbang dan ada pula yang menyatakan masanya telah tiba untuk dipinda.

Kontroversi pindaan Akta 164 ini adalah berkenaan status anak bawah umur apabila salah seorang pasangan memeluk Islam. Adapun pindaan terhadap Seksyen 51 berkenaan perceraian dibuat bagi pasangan yang memeluk Islam di mahkamah sivil tidaklah sehangat isu status agama anak bawah umur.

Pindaan mencadangkan status anak bawah umur kekal atas agama asal ketika perkahwinan pasangan jika tiada penyelesaian dari kedua ibu-bapa sehinggalah anak itu memilih agamanya setelah umur 18 tahun.

Dalam hal ini beberapa ketetapan reaksi balas telah dibuat sejak 2009 apabila Kabinet membuat keputusan status anak kekal agama asal jika tanpa penyelesaian.

Persidangan ke-19 Penyelarasan Sivil dan Syariah pada 27-29 April, menetapkan status agama anak hendaklah Islam, mengikuti mana-

mana pasangan yang memeluk Islam. Begitu juga dengan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 25 Jun 2009 memutuskan status anak adalah di atas agama Islam mengikut mana-mana pasangan yang memeluk Islam. Mereka juga berpendapat Artikel 12(4) tidak perlu dipinda.

Tidak syak lagi pindaan ini akan mengundang kontroversi menyentuh sensitiviti agama dan hubungan antara kaum di negara ini. Apatah lagi kes-kes yang pernah berlaku lebih menampakkan kepentingan pasangan daripada membela kebajikan dan pembesaran anak yang terpaksa melalui dilema ini. Diburukkan lagi pihak luar yang mengambil isu ini bagi menyemarakkan sentimen agama dan perkauman.

Saya berpendapat, kontroversi ini perlu dihadapi dengan penuh rasa tanggungjawab terhadap perkara yang lebih besar dari sentimen dan perasaan iaitu nilai Kerahmatan, Keadilan dan Karamatul Insan. Inilah prinsip Maqasid Syariah yang menentukan apa sahaja keputusan yang dibuat di Mahkamah.

Islam mendahulukan nilai rahmah dalam mengelak sebarang persepsi

unsur pemaksaan apatah lagi bagi anak yang belum dapat menentukan pilihannya. Nilai keadilan pula hendaklah merentasi batasan agama dalam keadaan mana-mana pasangan yang tidak Islam perlu diberi haknya sebagai ibu atau ayah. Manakala nilai 'karamatul insan' adalah syarat utama sepanjang proses pertikaian berlaku dari segi kasih sayang, kebajikan dan masa depan anak yang terpaksa membesar dalam situasi sebegini.

Oleh itu pandangan ulama muktabar berbeza dalam memahami prinsip ini. Mazhab Syafie, Hanafi dan Hanbali menetapkan status anak berpandukan keislaman mana-mana pasangan. Pandangan Malik berbeza dengan menyatakan status agama anak berpandukan nasab (jalur keturunan) maka ia mengikut agama bapa. Jika ibunya memeluk Islam, anak kekal agama bapa yang bukan Islam. Imam Al Thawri berpendapat status agama atas pilihan anak setelah akil baligh.

Menelusuri semua pandangan ini, pendirian status agama anak sebelum cukup umur terbuka kepada piawaian semasa atas kepentingan realiti masyarakat berbagai kaum di Malaysia yang unik.

Saya boleh bersetuju jika salah


seorang pasangan yang memeluk Islam tidak menjejaskan kebajikan anak kerana tujuan utama Islam adalah menjaga institusi keluarga sebab itu adanya ikatan perkahwinan dan pertanggungjawaban. Mana-mana pasangan atas nama Islam sekalipun tidak memelihara hal ini pasti akan merosakkan nama baik Islam serta memberi tanggapan yang negatif terhadap kerahmatan Islam.

Pasangan yang berpisah kerana pengislaman salah seorang dari mereka wajib membezakan perasaan marah mereka antara satu sama lain dengan kebajikan anak yang menagih kasih sayang keduanya. Itu lebih besar dan penting daripada tergesa-gesa menentukan status agama anak mereka. Hanya keutamaan ini dapat menentukan kejujuran masing-masing terhadap kasih mereka kepada anak-anak.

Status agama anak dalam pindaan Akta 164 bukan soal menggadaikan akidah ataupun menidakkan kepentingan Islam tetapi ia mesti diletakkan atas piawaian tujuan utama Syariat Islam didatangkan iaitu menjaga AGAMA.

Yang dimaksudkan menjaga AGAMA adalah pilihan agama tidak

PENDAPAT



DATUK DR MUJAHID YUSOF

boleh dicemari dengan pemaksaan, menafikan kasih sayang dan memporak-perandakan kehidupan anak-anak yang tidak berdosa. Sesungguhnya syarat paling utama menerima Islam adalah sempurna akal kemudian barulah syarat lain menyusuri. Bagaimana seorang kanak-kanak yang cukup umur membuat pilihan jika semasa pembesaran dicemari dengan kebencian dan hilang kasih sayang?

Saya akan berbahas apabila dibentangkan melalui penegasan hujahan kepada prinsip KERAHMATAN, KEADILAN dan KARAMATUL INSAN. Saya yakin jika asas ini menjadi keutamaan dalam proses menentukan status agama anak, ISLAM akan menjadi pilihan anak-anak sebaik sahaja mereka boleh membuat pilihan pada umur mumayyiz.

■ Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa ialah Ahli Parlimen Malaysia dan Naib Presiden AMANAH.

Pulau Pinang rintis imbuhan penggali kubur

Laporan NAZRI ABDULLAH

PERMATANG PAUH: Suatu yang jarang-jarang berlaku malah mungkin agak unik bagi negeri ditadbir Pakatan Harapan memberi imbuhan khas kepada penggali kubur.

Selepas memperkenalkan pelbagai jenis bantuan khas kepada warga emas, ibu tunggal, golongan daif dan anak emas, kerajaan Negeri Pulau Pinang merintis pula bantuan kepada penggali kubur.

Dalam satu majlis Kenduri Rakyat sempena Perasmian Pusat Khidmat Kawasan Dun (KADUN) Permatang Pasir minggu lalu, seramai 29 orang penggali kubur di Dun itu menerima imbuhan berjumlah RM200 setiap seorang.

Wang tunai dan hamper itu disumbangkan Pusat Khidmat KADUN Permatang Pasir dan disampaikan Ketua Menteri Lim Guan Eng.

Selain penggali kubur, turut menerima sumbangan serupa adalah 24 keluarga daif

serta bantuan khas RM1,000 kepada lapan masjid dalam kawasan Dun tersebut.

Turut hadir pada majlis itu, Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Exco Kerajaan Negeri Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Chong Eng serta Pengerusi AMANAH Negeri Datuk Dr Mujahid Yusof.

Hadir sama Penasihat Strategik Ketua Menteri Datuk Saifudin Nasution Ismail, Ahli Parlimen Bukit Mertajam Steven Sim, Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah Zulkifli Long, penghulu serta pegawai penyelaras kawasan Dun sekitarnya.

Program ini turut menampilkan Sulaiman Ibrahim atau lebih dikenali sebagai Leman Raja Lawak yang bergandingan dengan penyanyi popular Wan Aishah Wan Ariffin dalam acara pentas.

Lebih 3,000 masyarakat pelbagai kaum hadir pada majlis yang bermula jam 11.00 pagi hingga 3 petang ini.

Guan Eng ketika berucap pada majlis itu mendakwa kerajaan BN di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri

Najib Razak lebih sayangkan jutawan Low Taek Jho atau Jho Low berbanding rakyat terbanyak yang sedang terhimpit dengan pelbagai tekanan ketika ini.

Menurutnya, rakyat di negara ini terpaksa berhadapan dengan tekanan ekonomi yang teruk ekoran kelemahan pentadbiran Najib yang turut terpalit dengan skandal penyelewengan dana syarikat pelaburan negara, 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

«Kita kena buat perubahan kerana kerajaan BN telah buat ekonomi rosak. Harga barang naik, petrol, minyak masak, gula semua naik. Betapa susah kita dengan GST, kita mintak batalkan mereka tak mahu dengar. Kita kena ubah kerajaan baru kita boleh mansuh (GST).

«Isu 1MDB juga. Selagi mereka perintah tidak akan diselesaikan. Semua negara lain ambil tindakan, Malaysia sahaja tak nak ambil tindakan, tak tangkap Jho low.

«Nak paksa dia pulang senang sahaja, batalkan pasport dia. Tapi dia (Najib) tak

mahu buat sebab itu kita mahu tanya kenapa sayang sangat kepada Jho Low, kenapa tak sayangkan rakyat,» katanya.

Sementara itu, Dun Permatang Pasir yang terletak di dalam kawasan Parlimen Permatang Pauh, manjadi antara kawasan tumpuan AMANAH bagi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) akan datang.

Mohamad Sabu yang turut dijemput berucap pada majlis itu berkata, rakyat perlu melakukan perubahan pada pilihan raya akan datang demi menyelamatkan Malaysia yang kini semakin rosak di bawah kerajaan Umno BN.

Terdahulu, Guan Eng turut dibawa melawat adik Nur Amalia Danisya yang terlantar di katil sejak tujuh bulan lalu disebabkan kakinya tidak dapat bergerak dan berjalan.

Pada kunjungan itu, beliau turut memberikan sumbangan peribadi sebagai tanda perihatin dan mengharapkan adik Amalina segera sihat dan kembali meneruskan persekolahan.



Menyampaikan sumbangan hamper dan wang tunai kepada penggali kubur.

Menyerahkan cek bantuan khas RM1,000 kepada pengerusi masjid.



Guan Eng ditemubual petugas media selepas menziarahi keluarga adik Amalina.



Tanjung Piai, antara perubahan dan kos sara hidup

Oleh **ABDUL SHUKUR HATUN**

JOHOR, negeri selatan tanah air yang unik bukan saja dari segi sejarahnya, tetapi juga tradisi seni budayanya, watak anak negerinya dan segalanya.

Kedudukannya sangat strategik. Ia bersempadan dengan Singapura, republik yang termoden di rantau ini, yang nilai mata wangnya tinggi.

Jika anda berada di Tanjung Piai, Pontian, kampung halaman saya dan Timbalan Presiden AMANAH, Salahudun Ayub, berdiri di pantainya, anda akan menyaksikan di depannya Singapura dan di sebelah kanannya Pulau Karimon, Tanjung Balai, Indonesia.

Ertinya anda berada di penjuru tiga buah negara – Malaysia, Singapura dan Indonesia. Di malam hari, lampu di restoran Singapura yang terdekat boleh dilihat.

Dari Tanjung Piai hanya memakan masa lebih kurang satu jam untuk sampai ke Tanjung Balai, antara puluhan pulau di jajahan Riau.

Tanjung Piai kini sedang dibangunkan dengan cepatnya, diberitakan sepanjang pantai itu akan dibina lebuh raya hingga Pekan Nenas dan terus ke Johor Bahru.

Kinipun, kerja membunuh batu dan pasir sudah bermula. Banyak pekerja asing diangkut untuk projek mega itu, Rumah para nelayan yang berdekatan sudah banyak dirobokkan dan diberikan pampasan.

Entah ke mana tuan punya rumah yang dirobokkan itu membawa diri dan tentunya akan berpindah jauh ke darat. Tetapi harga tanah di kawasan itu akan naik.

Tanjung Piai, menurut rancangannya akan dibina menjadi sebuah bandar baru termoden. Kedudukannya sangat strategik, kira-kira 35 kilometer dari bandar Pontian.

Di bandar baru Tanjung Piai itu, menurut rancangannya, akan dibina terminal minyak, pusat membeli belah termoden, hotel, kondominium dan segalanya, ia akan menjadi bandar baru dan pusat pelancongan yang menarik.

Tetapi ada yang bertanya, siapa yang akan memenuhi bandar baru itu?

Tentunya orang luar yang berduit. Dalam keadaan yang ada bolehlah orang Melayu tempatan menumpang berniaga makanan di bucu-bucu pusat membeli belah di situ nanti.

Jika orang Melayu tempatan hendak berniaga secara besar-besaran juga di situ, mereka sewajarnya menubuhkan koperasi yang kukuh dan boleh mengumpul modal yang banyak untuk membuka perniagaan, tetapi persaingan dari peniaga luar yang

banyak modal tentu sengit.

Ketika saya berada di tebing pantai Tanjung Piai itu, pekerja asing sedang menambak batu dan pasir, untuk membina lebuh raya dan bandar baru itu.

Para nelayan kecil yang terjejas teruk sedang mengambil langkah penting untuk menyelamatkan nasib mereka. Khabarnya mereka sedang menuntut pampasan dari pihak yang mengusahakan projek tersebut.

Nelayan kecil tentunya tidak mampu menggunakan kapal atau perahu besar untuk menangkap ikan di laut dalam. Mereka biasanya menggontang (menggunakan pelampung untuk menangkap ikan), menjala atau



Pemandangan indah di Tanjung Piai, depannya Singapura dan kanannya Tanjung Balai, Indonesia.

-menggunakan motor boat, tetapi sukar untuk jauh ke tengah laut.

Penduduk tradisi di kampung itu biasanya mengusahakan kebun kelapa. Tetapi kerana pohon kelapa sudah demikian tinggi dan melawas buahnya pula maka banyak kebun kelapa terbiar begitu saja.

Ramai pula yang menggantikannya dengan kelapa sawit.

Ada sebuah masjid di situ - Masjid Perpat Timbul – bersaiz sederhana, di situlah orang kampung solat berjemaah. Azan masih



Pekerja asing sudah memenuhi negara ini termasuk di Tanjung Piai yang turut menekan pencari kerja tempatan.



Forest City Johor... Siapakah yang mendapat manfaat besar projek mega ini.

berkumandang setiap waktu.

Demikianlah suasana di Tanjung Piai, dataran paling selatan Benua Asia.

Beberapa kilometer dari situ pekan Serkat, dengan deretan kedai.

Kini ada kebimbangan penduduk tempatan melihatkan 'lambakan' pekerja asing dari pelbagai negara untuk projek sekitar.

Tetapi ada masalah yang lebih serius ialah masalah harga barangan naik yang dilihat bukan saja di kawasan Tanjung Piai, bahkan di mana-mana, terutama sekitar Johor Bahru sendiri.

Sudahlah harga barangan begitu mahal, ditambah pula dengan suasana pasar dan kedai berdekatan Johor Bahru di mana penduduk tempatan bersaing dengan pembeli dari Singapura yang nilai dollar mereka tinggi. Di sinilah pembeli tempatan merasa terkalahkan.

Ini kerana peniaga membeli layanan lebih kepada pembeli dari Singapura kerana nilai wang mereka tinggi dan tidak perlu tawar menawar lagi.

Adapun projek raksasa Forest City di Gelang Patah, makah orang di Tanjung Piai tidak banyak menyebutnya, walaupun mereka tahu.

Cuma terdengar suara kebimbangan apabila pekerja dan peniaga dari tanah besar China 'membanjiri' kawasan Forest City itu.

Seperti dikatakan, masalah yang paling terkesan di Johor ialah harga barangan naik di mana rakyat di situ tidak tertanggung dengan beban harga barangan keperluan itu.

Kedai di kampung tidak ada 'jualan murah' atau promosi' seperti di bandar, malah ia lebih mahal kerana kos pengangkutan – harga minyak yang terus naik – menambah mahal harga barangan di kampung. Ini masalah bukan saja di Johor bahkan di negeri lain.

Dalam PRU ke-14 akan datang dijangka isu harga barang akan mendominasi kempen. Rakyat tidak lagi hiraukan isu perkauman dan sentimen agama. Justeru isu periuk nasi inilah yang amat dekat kepada mereka.

Diyakini, isu perkauman, kononnya jika DAP (Cina) menang dalam PRU nanti dan akan memerintah, di mana Umno/BN kalah, tidak akan berkesan. Rakyat tidak akan peduli isu palsu ini.

Ini kerana mereka lebih memikirkan perihalan yang menyentuh kehidupan mereka dengan kenaikan harga barang ini.

Ia berdasarkan kajian oleh Institut Darul Ehsan (IDE) di Selangor yang mendapati penduduknya akan mengundi berdasarkan isu beban sara hidup, kenaikan harga barang dan tatakelola kerajaan yang baik bukan sentimen agama atau kaum yang dianggap cuba menutup isu yang sebenar.

Wartakan Segari sebagai Taman Negeri Perak

Oleh **ARIF ATAN**

KALAU kena penyakit kencing manis, telan sahaja melada pahit yang sudah dijemur tujuh biji. InsyaAllah boleh turunkan kencing manis.

"Kalau dah kurang, ambil seminggu dua kali saja," kata aktivis Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera (Grass), Yusniza Yusof berkongsi khasiat melada pahit yang merupakan antara tumbuhan unik di hutan pantai Segari.

Saya dan beberapa peserta Program Hari Bumi Rakan Segari yang mendengar petua Yusniza yang berdasarkan amalan arwah ayahnya itu hanya memberi reaksi spontan, "ooo..." sambil membelek daun dan buah melada pahit yang kecil sedikit daripada kacang hijau.

Yusniza, 31, yang berasal dari Kampung Sungai Batu itu juga menunjukkan pokok beruas yang buahnya seperti manggis selain mengkuang duri yang mempunyai buah menyerupai nanas.

Itu antara pengalaman baharu kira-kira 40 peserta ketika 'menyapa' khazanah alam di hutan pantai yang terletak di daerah Manjung, Perak dalam program anjuran gabungan 10 badan bukan kerajaan (NGO) alam sekitar pada 22 dan 23 April lalu.

Walaupun menjengah tengah hari, suasana redup menyelubungi laluan yang asalnya cuba diceroboh dipercayai pencuri pasir pada 2015. Mujur, aktiviti peneroka haram berkenaan disedari seorang lagi penduduk tempatan Saufi Ahmad, 25, dan seorang lagi rakannya yang masing-masing pejuang kelestarian Segari.

Namun, perbuatan penceroboh terbabit menyebabkan tumbuhnya 'pokok jahat' yang mempunyai potensi membunuh tumbuhan asal dengan jaringan akar dan sifatnya yang mudah membiak sekaligus mendominasi sesebuah kawasan.

Kami turut berkenalan pula kategori tumbuhan asing ini seperti akasia yang mudah dilihat di kawasan pembangunan bandar baru selain pokok kapal terbang dan pokok tahi ayam yang berduri batangnya.

Sepanjang lebih sejam kumpulan Rakan Segari menjelajah, penyelidik Lapangan Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meor Razak Meor Abdul Rahman mengambil kesempatan mencabut kira-kira 20 pokok akasia daripada setinggi paras lutut sehingga lebih satu meter.

Seorang peserta lagi Anuar yang bertubuh tegap berjaya mencabut akasia setinggi kira-kira dua meter manakala beberapa peserta lain yang datang dari Perak dan Kuala Lumpur juga tidak melepaskan peluang mencabut 'pokok jahat' itu supaya tidak terus membiak memusnahkan tumbuhan sedia ada.

Turut serta dalam kumpulan NGO berkenaan ialah pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Nurul Salmi dan pensyarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Maketab Mohamed.

Sambil meneruskan penjelajahan mengenal pasti jenis tumbuhan di hutan yang sedang diancam kemusnahan itu, Dr Salmi menjelaskan kepentingan hutan pantai yang sudah tidak banyak lagi wujud di Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

'Kuliah' Penasihat Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa) itu menegaskan tentang kepentingan ekosistem hutan pantai yang saling berkaitan dengan kelangsungan hayat hidupan laut.

"Hutan pantai ini banyaknya fungsinya tapi antara terpenting dalam kitaran semula jadi ialah membantu membekalkan makanan kepada haiwan-haiwan di laut. Daun-daun yang terurai kerana faktor hujan lebat dan angin akan dibawa ke laut.

"Nutrien yang terhasil daripada proses penguraian itulah akan dibawa ke laut. Air pasang seterusnya akan membawa nutrien dan makanan ini kepada haiwan di laut.

"Pada masa sama, hutan pantai yang berada di antara darat dan air ini berfungsi sebagai pelindung kepada kawasan darat daripada hakisan dan angin kencang," ujarnya.

Pantai Pasir Panjang yang berpasir halus itu juga menjadi satu-satunya tempat pendaratan penyu di Perak terutamanya spesies penyu agar tetapi jumlah penyu yang bertelur di kawasan tersebut semakin merosot.

Pada tahun 2012, direkodkan hanya 65 ekor penyu mendarat di lokasi itu berbanding lebih 211 ekor pada 1993.

Lebih menempah bencana kepada masa depan penyu yang sudah sedia diancam kepupusan, apabila kerajaan negeri Perak boleh pula meluluskan projek kilang besi dan keluli serta loji membekal gas cecair asli (LNG).

Sehubungan itu, Penyelaras Rakan Segari, Noor Ismady Ahmad Radzuan yang juga wakil Persatuan Aktivis Sahabat Alam Perak (Kuasa) memberitahu sejak 2012 lagi kempen membantah dua projek tersebut digerakkan.

"Kita fokus lokasi pendaratan penyu di Teluk Senangin serta komuniti nelayan setempat. Jabatan Perikanan pun sudah buka mata dengan mewujudkan sukarelawan memungut telur penyu terdiri daripada nelayan di sekitar kampung ini untuk ditetaskan.

"Namun, beberapa aspek perlu diteliti semula. Sebabnya, walaupun banyak kutip telur tetapi telur yang



Peserta mendengar taklimat daripada petugas di Pusat Penetasan Penyu Segari, Nazim Ayub.

menetas itu, kalau dapat pungut 100, kurang 20 yang menetas, 80 biji lagi tak jadi," ujarnya ketika di temui akhbar mingguan Amanah selepas taklimat daripada pensyarah Dr Nadine Ruppert yang berasal dari Jerman, 22 Mac lalu.

Bukan sahaja penyu dan hutan bukit pantai Segari berdepan ancaman rakus pembangunan yang dihalalkan pihak penguasa, penerokaan hutan paya bakau atau hutan paya laut bagi tujuan membina kolam temakan udang turut menjejaskan pendapatan nelayan kecil tempatan.

Azharuddin Tazmi, 58, memberitahu penggunaan kapur dan bahan kimia lain bagi mencuci kolam udang itu menyebabkan banyak hidupan pesisir pantai semakin sukar ditemui bahkan pupus sama sekali.

"Sejak tiga tahun lalu semakin banyak kolam udang secara haram dibina memusnahkan kawasan paya bakau. Siput menyerupai lala yang dipanggil gayam sudah tidak dapat dijumpai lagi.

"Sekarang mahu cari seekor gayam pun payah. Tahun 1970-an dulu, gayam adalah mata pencarian penduduk setempat. Ikan siakap putih dan merah serta ikan belanak besar juga dulunya mudah didapati.

"Sekarang sudah tiada. Ikan lain-lain juga semakin berkurang di pesisir pantai. Akibatnya, nelayan tempatan terpaksa pergi jauh ke tengah laut untuk mencari ikan," luah bapa kepada empat anak itu.

Pernah menjadi jurumudi bot di Pulau Pangkor, Azharuddin dari Kampung Batu Tiga menggesa kerajaan negeri Perak prihatin dengan usaha memelihara alam semula jadi di Segari dan masa depan nelayan pesisir pantai di kawasan tersebut.

Apalah yang dapat diraih daripada operasi kilang besi dan keluli serta pembukaan lautan kolam udang termasuk berstatus haram, jika labanya hanya masuk ke saku golongan korporat juga poket tauke haram?

Memanglah wujudnya kilang itu nanti menyumbang kepada hasil negeri tetapi adakah beroperasinya loji membekal gas cecair asli (LNG) itu berbaloi dengan kemusnahan pantai dan hutan di Segari sekaligus sosio-ekonomi nelayan setempat?

Sehubungan itu, gesaan Rakan Segari pada 23 April lalu supaya lokasi pendaratan penyu dari pantai Pasir Panjang sehingga Tanjung Hantu dengan anggaran keluasan 200 hektar diwartakan sebagai Taman Negeri wajar segera dilaksanakan kerajaan negeri Perak.



Nelayan pesisir pantai di Segari, Manjung bimbang jumlah ikan semakin berkurang akibat pembangunan rakus.



Sempena Hari Bumi 22 April lalu, gabungan NGO Rakan Segari meninjau pelbagai isu alam sekitar.

AMANAHAH Perak lancar jentera pilihan raya

IPOH: Parti Amanah Negara (AMANAHAH) Negeri Perak telah melancarkan jentera pilihan raya sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum (PRU) yang bakal diadakan pada bila-bila masa.

Para pemimpin dan aktivis AMANAHAH negeri yang berhimpun di Wisma Chin Woo, dekat sini, baru-baru ini turut mengikuti pembentangan topik-topik berhubung pilihan raya.

Naib Presiden AMANAHAH, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa telah dijemput membentangkan kertas kerja berkaitan gerak

kerja, strategi dan pendekatan yang sesuai dalam menarik sokongan masyarakat dalam pilihan raya.

Pengerusi Eksekutif ILHAM Centre, Muhamad Hisommudin Bakar turut dijemput bagi membentangkan kajian terkini yang dijalankan pihaknya.

ILHAM Centre turut memberikan pandangan, cadangan dan kritikan yang membina terhadap gerak kerja AMANAHAH selama ini.

Pengerusi AMANAHAH Perak, Asmuni Awi dalam ucapannya sangat berpuas hati dengan kesungguhan jentera pilihan raya

parti di semua peringkat khususnya di Dun-Dun sasaran.

Namun katanya, gerak kerja perlu diperingkatkan dengan lebih efisien dan sistematik agar mendapat keputusan yang disasarkan.

"Biro Pilihan Raya AMANAHAH Perak telah menyiapkan modul untuk diaplikasi dalam gerak kerja pilihan raya di Dun dan parlimen yang kita akan tandangi.

"Kita harap jentera dapat melaksanakan gerak kerja yang sistematik tetapi memberi impak yang cukup besar seterusnya

memberi kejayaan kepada AMANAHAH dalam pilihan raya kelak," katanya lagi.

Dalam pada itu, Presiden AMANAHAH, Mohamad Sabu dalam ucapan di majlis perasmian penutup mengarahkan aktivis di semua peringkat parti memberi fokus se-maksima mungkin dalam gerak kerja pilihan raya.

Beliau yakin, sekiranya aktivis parti berusaha bersungguh-sungguh, matlamat yang disasarkan akan tercapai seterusnya membawa Pakatan Harapan memimpin negara.



Membaca ikrar tanda siap berkhidmat.



Mohamad menandatangani bendera diserahkan kepada AMANAHAH Kawasan.



Menyerahkan bendera parti kepada wakil-wakil AMANAHAH kawasan.



Dr Mujahid diiringi Pengerusi dan Timbalan Pengerusi AMANAHAH negeri melancarkan tabung dana pilihan raya.



Presiden AMANAHAH berucap di majlis penutup.



Bersatu suara untuk "Selamatkan Malaysia".

Keluhan penjual nasi campur

'Budak pejabat pun ikat perut'

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Beban kenaikan kos sara hidup pada masa ini menyaksikan bukan sedikit golongan muda terpaksa mengikat perut ketika di tempat kerja.

Situasi ini diakui peniaga nasi campur di ibu negara apabila sebahagian pembelinya mengambil juadah tengah hari dengan kuantiti dan pilihan menu yang amat terhad.

Faridah Abdullah, 52, berkata, timbul keadaan serba-salah baginya antara menaikkan harga jualan atau kehilangan pelanggan ketika kos bahan mentah semakin melambung.

"Zaman Najib sekarang, (harga) barang makin mahal. Bahan mentah yang kita beli pun sudah mahal. Sotong, udang jangan cakaplah (mahal). Jadi, kita terpaksa naikkan harga.

"Tapi, mereka (pelanggan) 'bising' pula bila harga lauk sudah

jadi macam mampu tengok. Bila kita naikkan 50 sen, esok lusa mereka tak datanglah.

"Orang yang hendak membeli pun kurang. Budak pejabat pun bukan makan sangat. Hanya ambil nasi, ikan atau ayam goreng dan sikit sayur. Agaknya mahu berjimat," ujarnya yang berniaga di Keramat Permai.

Beliau ketika ditemui di Pasar Chow Kit baru-baru ini memberitahu trend itu ketara pada dua fasa iaitu selepas pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan sekali lagi pada tahun lalu ekoran kenaikan harga petrol.

Sehubungan itu, jelasnya, golongan peni-

aga kecil sepertinya memang merasai tempas lonjakan kadar inflasi yang mencecah 4.5 peratus seperti yang diumumkan Bank Negara Malaysia (BNM) baru-baru ini.

"Saya tidaklah tahu sangat tentang inflasi. Apa yang saya lihat nilai duit kita sudah tidak macam dulu lagi. Dengarnya peniaga di sempadan tanah air lagilah tertekan bila ringgit kita jatuh teruk berbanding duit Siam (Bath)," katanya.

Jelas Faridah, harga makanan yang dikenakannya buat masa ini sudah tidak dapat dikurangkan lagi lantaran perlu mengambil kira kos.

"Biasa saya letak harga RM5.50 kalau (pelanggan) letak nasi, ikan goreng dan sayur.

Campur air jadi RM6.50. Kalau naikkan (harga) sikit, orang tak datang. Macam ayam goreng seketul, dulu RM3.50, sekarang jadi RM4," katanya lagi.

RAKYAT SENG-SARA

Hal sama turut diakui peniaga nasi campur di

Chow Kit, Hasnah Rahman, 57.

Beliau memberitahu golongan peniaga kecil sepertinya dan pembeli yang berpendapatan rendah lebih terhimpit dengan lambungan kos sara hidup mutakhir ini.

"Bulan lepas harga sayur, ikan semua naik. Ikan kembung biasa RM14 sekilogram sekarang RM16 hingga RM17. Macam saya yang berniaga ini, sekarang bawa RM200 tidak cukup," katanya.

Hasnah menganggap orang ramai sebenarnya tertekan dan semakin sukar berbelanja untuk keperluan asas sekalipun ketika kerajaan sering mendakwa cakna dengan

suara rakyat.

"TV selalu cakap PM (Perdana Menteri) dengar rintihan rakyat. Tapi, kenapa barang makin mahal? PM dengar tapi rakyat sengsara," keluhnya ketika ditemui.



Harga bahan mentah yang semakin melambung turut memberi kesan kepada penjual nasi campur.

Najib hanya pandai 'transfer' duit

KUALA LUMPUR: Ikrar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk melaksanakan transformasi negara hanya taktik untuk mengabui rakyat tentang kepincangan dan ketirisan yang berlaku, kata Setiausaha Agung Keadilan, Datuk Saifuddin Nasution.

Hakikatnya, menurut Saifuddin, wawasan 2020 yang sepatutnya membawa negara kepada kemajuan, telah dikhianati Najib dan pengikutnya menerusi pelbagai siri skandal termasuk melibatkan syarikat pelaburan bermasalah milik negara, 1MDB.

"Kerajaan Umno-BN juga ada berikrar akan terus berjuang membela nasib orang Melayu dan Bumiputera sama ada bumiputera Islam atau bukan Islam.

"Adakah ikrar ini hanya untuk sedapkan hati rakyat sedangkan berbilion ringgit hilang entah ke mana. Malah ada bukti wang 1MDB di transfer (pindah) ke akaun individu secara berjeramah," katanya dalam kenyataan yang dipetik *Roketkini*.

Saifuddin mengulas ucapan Najib yang berikrar menjadikan Malaysia antara 20 negara termaju di dunia selaras dengan matlamat Transformasi Nasional 2050 (TN50).

"Adakah ini hanya sekadar 'angan-angan Mat Jenin' atau impian Najib yang tidak tercapai dek akal? Jika negara maju tetapi rakyatnya mundur, tiada gunanya," ujar Saifuddin.

Beliau menambah, negara seme-

manjanya mempunyai infrastruktur setanding dengan negara-negara maju, namun ia dimusnahkan oleh mentaliti pemimpin UMNO-BN yang masih di tahap negara ketiga.

"Sudah terlalu banyak ungkapan 'manis' ditaburkan untuk mengaburi rakyat dengan cara mengambill harta rakyat secara sedar.

"Yang menambahkan lagi terencatnya, skandal negara dalam pelbagai isu seperti 1MDB, Menteri dan pegawai rasuah jutaan dan bilion ringgit yang menelan duit rakyat," katanya.

Malah, katanya yang juga Penasihat Strategik Ketua Menteri Pulau Pinang, rakyat semakin sengsara dan menderita di bawah kerajaan kleptokrasi yang dipimpin Najib Razak.

"Adakah cukup dengan kemajuan yang dicanang tetapi kehidupan rakyat marhaen semakin terhimpit dengan harga barangan yang melambung tinggi dan bebanan cukai barangan dan perkhidmatan (GST)?" soalnya.

Katanya lagi, kemajuan sesebuah negara tidak harus diukur melalui unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita semata-mata, sebaliknya perlu seiring dengan kemajuan intelek.

"Negara maju bukan sekadar pembangunan ekonomi sahaja tetapi pemikiran juga perlu dipupuk bagi menyeimbangkan dengan gerakan kemajuan negara kita," katanya.

Khuatir Zakir Naik dieksploitasi Umno

KUALA LUMPUR: Pendakwah dari India, Dr Zakir Naik tidak mustahil dieksploitasi Umno menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), dakwa seorang ahli akademik.

Dr A Zachary S berkata, hal tersebut dapat dilihat pada kenyataan Zakir yang menyentuh isu perpaduan ummah Umno-Pas.

"Jelas menunjukkan 'permainan' Umno yang melihat Dr Zakir sebagai satu aset baru yang boleh dipergunakan. Dr Zakir terhutang budi dengan jasa kerajaan Malaysia yang memberi pelbagai penghargaan kepadanya.

"Seolah-olah dia juga diberi perlindungan oleh pemerintah di sini," ujarnya dalam satu kenyataan.

Sehubungan itu, beliau yakin desakan banyak pihak ke atas

pendakwah kontroversi itu tidak akan dipedulikan kerajaan.

"Saya percaya kerajaan Malaysia akan terus melengahkan permintaan antarabangsa dan bantahan bukan Islam di negara ini dengan memastikan Dr Zakir akan terus dalam perlindungan Malaysia.

"Tindakan kerajaan ini dilihat sebagai 'wira' kerana membela seorang tokoh pendakwah Islam yang dikagumi sedunia," tegasnya.

Zakir diakui Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi memperoleh status penduduk tetap sejak 2012 iaitu sebelum beliau memegang portfolio tersebut.

Walau bagaimanapun, *Hindustan Times* di India pada November tahun lalu mendedahkan Zakir telah diberi kerakyatan

Malaysia.

Mengulas lanjut, Dr A Zachary berpendapat pada masa sama pihak BN akan melemparkan tuduhan buruk terhadap pihak yang menentang penceramah dari Mumbai itu.

"Ini termasuk DAP atau mana mana pemimpin PH (Pakatan Harapan) yang dilihat bersama dengan bukan Islam akan diperlihatkan oleh propagandis pro BN sebagai 'musuh Islam' yang perlu ditolak," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan supaya pemimpin Pakatan Harapan berhati-hati dengan isu status penduduk tetap dimiliki Zakir.

"PH tak perlu terlebih sudu dari kuah. Biar Umno selesaikan isu ini sebab mereka yang beri (status) PR (penduduk tetap) kepada Dr Zakir," ujarnya.

Tetap harga siling minyak

KUALA LUMPUR: Pemuda AMANAH Nasional menggesa kerajaan menetapkan harga siling petroleum dan mengamalkan ketelusan dengan mendedahkan data-data penting yang digunakan dalam pengiraan harga jualan runcit setiap minggu.

Ketua Pemuda Mohd Sany Hamzan berkata, komitmen terhadap harga siling ini perlu ditanggung oleh subsidi yang ditampung pendapatan luar jangka diraih kerajaan.

Pada masa yang sama, ujarnya kerajaan perlu mengamalkan ketelusan dengan mendedahkan data-data penting dalam pengiraan harga jualan runcit bagi minyak RON95, RON97 dan diesel pada setiap minggu.

"Ketelusan ini diharap dapat mendidik

rakyat tentang perkembangan semasa disamping memelihara akauntabiliti kerajaan untuk menguruskan harta negara dengan penuh berintegriti dan adil, tanpa didorong agenda politik kepartian terutamanya pada masa sekarang ini.

"Pemuda AMANAH mengambil serius kenaikan harga petroleum selepas pelaksanaan penetapan harga jualan runcit secara mingguan. Biarpun kenaikannya tidak berapa kelihatan namun saban minggu berlaku peningkatan," ujarnya dalam satu kenyataan media.

Mohd Sany juga berkata, kenaikan harga minyak memberi kesan langsung kepada kos barangan dan perkhidmatan yang menjadi pemula kepada rantaian kenaikan harga.

Kenaikan harga bahan bakar itu ditam-

bah dengan peningkatan harga barangan dan perkhidmatan memberi kesan berganda kepada rakyat yang telah pun terhimpit dengan 'jerutan' GST.

"Dalam keadaan ekonomi yang ada hari ini, harga minyak mentah dunia dilihat menunjukkan trend meningkat, dan harga jualan runcit minyak akan turut naik sama berdasarkan kaedah apungan terkawal.

"Tapi kita juga perlu faham bahawa pada masa yang sama, kenaikan harga minyak mentah ini turut menguntungkan pihak kerajaan. Bajet 2017 dirangka berdasarkan anggaran harga minyak mentah berada pada sekitar USD45 setong, sedangkan harga minyak mentah dunia berada pada paras melebihi USD50 setong sejak awal 2017 hingga sekarang.

"Peningkatan harga jualan runcit secara berterusan dari minggu ke minggu seolah-olah telah menjadi rutin kerajaan BN, tanpa merasakan ia adalah satu tindakan yang jelik hingga menyebabkan rakyat semakin terbeban dengan kos sara hidup yang terus meningkat," ujarnya.

Bebanan yang dihadapi oleh rakyat, katanya lagi, dibuktikan oleh kadar inflasi yang diumumkan telah mencecah 5.1% pada bulan Mac, iaitu kadar tertinggi dalam tempoh 8 tahun.

Beliau menambah, oleh sebab kos bahan api adalah komponen utama yang mempengaruhi kadar inflasi, maka kerajaan harus bertindak segera untuk mengawal kenaikan kadar inflasi dan mengelakkan rakyat daripada terus hidup melarat.

Jangan pilih pemimpin tidak hirau kebersihan

Posted by Pemuda Amanah Kelantan
12,526 Views



Hazmi merakam pengurusan sampah yang teruk di Kota Bharu.

KOTA BHARU: Masalah pengurusan sampah yang teruk di bandar ini perlu dibangkitkan orang ramai kerana ia bukan perkara kecil seperti didakwa pemimpin kerajaan negeri.

"Jangan ambil peduli sanggahan seorang pemimpin Kelantan yang mengutuk mereka yang bangkitkan hal ini," kata ketua Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Hassan.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Abdullah ketika berkuliah di Kota Bharu, 21 April lalu mengecam pihak yang memberi fokus kepada masalah sampah yang tidak terurus di bandar itu sejak sekian lama.

"Sebesar-sebesar bandar Kota Bharu, sampah yang dia nampak.

"Orang macam inilah yang disebut ada mata tidak mahu melihat, ada telinga tidak mahu mendengar dan ada otak tidak mahu berfikir.

"Orang macam ini tempatnya di neraka," kata Mohd Amar dalam rakaman yang tular

di media sosial.

Secara kebetulan pada pagi Jumaat itu, Naib Presiden AMANAH, Datuk Husam Musa sedang menyertai gotong-royong membersihkan kawasan di kawasan penduduk daif tidak jauh dari tempat kuliah itu diadakan.

Hazmi dalam satu kenyataan menyeru anak Kelantan yang pulang bercuti ke kampung menunjukkan rasa tidak puas hati kepada Kerajaan Kelantan berhubung isu sampah.

"Tidak sepatutnya orang nombor dua dalam Kerajaan Kelantan memperlekeh rakyat yang menegur isu sampah.

"Jom ambil gambar atau video dan sebarkan ke alam maya bagi menunjukkan perasaan anak Kelantan yang benci kekotoran," katanya.

Keindahan dan kebersihan, katanya adalah budaya Islam dan milik rakyat Kelantan.

"Sikap itu perlu dibudayakan dan pimpinan yang tidak ada sikap itu perlu ditolak," katanya.

75 ahli Umno Kuala Kedah sertai AMANAH

Oleh MOHD ALI HASHIM

KUALA KEDAH: Akibat muak dan bosan dengan kerehah para pemimpin Umno dan BN, seramai 75 ahli Umno Cawangan Kampung Tepi Laut, dekat sini mengambil keputusan untuk meninggalkan parti dan menyertai Parti AMANAH.

Menurut bekas Ketua Pemuda Umno Cawangan Tepi Laut, Azizan Ahmad Nayan, keputusan yang diambil mereka adalah betul dan tepat pada masanya.

Malah katanya lagi, pelbagai masalah yang dihadapi penduduk kampung tidak dapat diselesaikan pemimpin Umno dan BN, walaupun pelbagai aduan dan keluhan telah disalurkan kepada pemimpin mereka.

Beliau juga berkata, penduduk kesal dengan projek pembangu-

nan yang hendak dilaksanakan di kampung tersebut kerana dibuat tanpa sebarang perbincangan mahupun pemakluman.

Lebih menyedihkan ujarnya, nasib mereka tidak dibela oleh Umno dan BN walaupun rayuan dibuat.

Sementara itu Ketua Pemuda AMANAH Kedah, Asmirul Anuar Aris mengalu-alukan penyertaan bekas ahli Umno itu yang sekaligus membuktikan AMANAH semakin mendapat sokongan di Kedah.

"Ini merupakan suatu isyarat bahawa rakyat semakin dahagakan perubahan dalam kepimpinan kerajaan.

"Mereka semakin yakin bahawa Umno dan BN sudah tidak lagi mampu untuk membela nasib rakyat yang begitu mengharapkan nasib mereka dibela.

"Dengan penyertaan begitu

ramai ahli Umno tersebut terbukti kubu kuat Umno sejak 60 tahun yang lalu berjaya ditembusi AMANAH," jelasnya.

Tambah Asmirul lagi, ramai lagi ahli Umno dan pimpinan parti tersebut khususnya dalam Parlimen Kuala Kedah akan mengambil tindakan yang sama tidak lama lagi.

"Mereka masih menanti masa yang sesuai untuk membuat pengisytiharan tersebut.

"Kita yakin terlalu ramai ahli Umno di Kuala Kedah yang akan keluar parti menjelang pilihan raya umum akan datang," ujarnya lagi.

Dengan penyertaan tersebut katanya, PH mampu untuk merealisasikan harapan rakyat yang mahukan perubahan berlaku di Kedah dalam pilihan raya umum akan datang.

DAP junjung kasih titah permaisuri Johor

KLUANG: DAP Johor menjunjung tinggi titah Permaisuri Johor yang mahu perbezaan anutan agama diraikan dan dihormati segenap lapisan masyarakat khususnya umat Islam di negara ini.

Penolong Pengarah Komunikasi DAP Johor Sheikh Omar Ali berkata, pandangan Raja Zarith Sofia Sultan Idris Shah itu selari dengan gagasan yang digarap DAP sejak awal penubuhannya sehingga kini iaitu menghormati kebebasan beragama sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Malah titah baginda, tambah beliau begitu penting memandangkan landskap sosial semasa hari ini seringkali menyaksikan sentimen sempit keagamaan

dijadikan alat bagi mencapai sesuatu kepentingan sehingga menjejaskan keharmonian beragama sesama rakyat.

"Hal ini juga adalah amat jauh sekali dari apa yang telah diilhamkan oleh bapa-bapa pendiri Malaysia," kata Sheikh Omar.

Sehubungan itu, DAP ujar beliau akan menggembelng usaha untuk bergerak selaras dengan seruan yang dititahkan baginda permaisuri.

DAP juga, jelas beliau akan kekal komited untuk membina Malaysia yang harmoni dengan kepelbagaian tanpa membezakan warna kulit, kepercayaan, bahasa dan budaya serta menolak sama sekali sebarang inisiatif yang berbaur perkauman dan kebencian.

Rombak hukuman pesalah trafik

KUALA LUMPUR: Penguatkuasaan dua bentuk hukuman bagi pesalah lalulintas yang bakal dilaksanakan kerajaan adalah bercanggah dengan perkara 7(2) Perlembagaan Persekutuan yang mencegah dua hukuman bagi satu kesalahan yang sama.

Malah Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional Faiz Fadzil menyifatkan cadangan tersebut sebagai 'tidak berperlembagaan' dan tidak boleh dikuatkuasakan.

"Saya terpanggil untuk menjawab kenyataan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Liow Tiong Lai pada 20 April 2017 bahawa wujud dua hukuman serentak dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu kompaun (AES) dan pemotongan mata demerit (Kejara).

"Ini mengesahkan wujudnya percanggahan terhadap prinsip undang-undang 'double jeopardy' yang mana prinsip undang-undang ini adalah termaktub di dalam Perkara 7(2) Perlembagaan Persekutuan," ujar beliau.

Faiz yang juga Timbalan Pengerusi Protaes (Protes AES) berkata, perlaksanaan sistem

AWAS itu membabitkan hukuman serentak apabila pengguna jalanraya yang melakukan kesalahan trafik dan dirakam melalui kamera AES boleh dikompaun dari RM150 hingga RM300.

Pembayar kompaun pula, katanya akan dipotong mata demerit (melalui sistem Kejara) daripada 20 mata demerit permulaan dan pemilik lesen memandu boleh digantung untuk suatu tempoh tertentu jika kesemua 20 mata habis dipotong.

"Dengan pengakuan Menteri tersebut, adalah jelas peruntukan sedemikian di bawah seksyen 35 dan 35A Akta Pengangkutan Jalan adalah tidak berperlembagaan kerana Perkara 7(2) Perlembagaan Persekutuan mencegah dua hukuman ke atas satu kesalahan yang sama.

"Sesuatu peruntukan Akta menjadi tidak berperlembagaan jika bercanggah dengan Perlembagaan dan ia tidak boleh dikuatkuasakan," tegasnya.

Menurut beliau, rujukan Menteri kepada seksyen 35 dan 35A Akta Pengangkutan Jalan bahawa Ketua Pengarah JPJ berkuasa

untuk menggantung lesen setelah mata demerit habis dipotong menambah kepincangan Akta ini apabila hukuman kedua (penggantungan lesen) dijatuhkan oleh pegawai kerajaan dan bukannya mahkamah.

Peruntukan ini, jelas beliau bukan sahaja merampas kuasa mahkamah malah 'ultra vires' dengan sistem pemerintahan tiga badan utama iaitu eksekutif, legislatif dan kehakiman seperti termaktub dalam perlembagaan negara.

"Kuasa yang tidak terhad ini bila diberikan kepada seorang pegawai kerajaan boleh disalahgunakan di mana Ketua Pengarah JPJ boleh bertindak secara 'arbitrary' dalam membuat keputusan dan pemegang lesen tidak diberikan peluang membela diri dan merayu.

"Menurut seksyen 35 dan 35A Akta Pengangkutan Jalan, Ketua Pengarah JPJ boleh menggantung lesen jika beliau dapati seorang pemegang lesen tidak kompeten untuk memandu kenderaan.

"Adakah adil untuk pesalah trafik had laju dikategorikan tidak kompeten sedangkan

kesalahan memandu melebihi had laju adalah subjektif dan tidak boleh dianggap pemanduan merbahaya untuk semua kes. Maka, peruntukan ini jelas bercanggahan dengan hak asasi dan keadilan prosedur," jelas Faiz.

Tambah beliau, peruntukan hukuman kedua (penggantungan lesen) juga bakal mendatangkan kemudaratan kepada pemegang lesen yang bergantung hidup kepada lesen bagi mencari pendapatan terutama pemandu bas, lori, teksi dan Uber yang rata-rata adalah golongan B40.

Ini katanya ditambah dengan bayaran kompaun mengakibatkan keperitan hidup rakyat yang digantung lesen.

Sehubungan itu, pihaknya yakin pelaksanaan sistem AWAS adalah serampang dua mata yang berselindung di sebalik alasan mengurangkan kadar kemalangan tetapi sebaliknya lebih kepada keuntungan perniagaan.

"Ia secara jelas tidak mempedulikan prinsip keadilan undang-undang, perlembagaan dan bebanan hidup rakyat," katanya.

Ribuan Pati dari China dikhuatiri bekerja di Johor

Oleh **ARIF ATAN**

KUALA LUMPUR: Ahli Dewan Undangan Negeri (Dun) Senai, Wong Shu Qi yakin angka pendatang asing tanpa izin (Pati) dari China untuk bekerja di Johor mencecah ribuan orang dan mungkin berpunca daripada sindiket yang menyamar sebagai ejen.

"Pada 2015, (sidang) Dun (Dewan Undangan Negeri) Johor memberitahu ada 536 Pati dari China didapati bekerja di Johor.

"Namun saya percaya jumlah ini telah melebihi ribuan orang," lapor akhbar Oriental Daily.

Menurutnya, sindiket antarabangsa yang terbabit menyeludup pekerja-pekerja binaan ke Johor itu telah beroperasi sejak beberapa tahun lalu.

Baru-baru ini, seramai 18 petani di China terpaksa bermalam di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai selepas ditipu ejen palsu yang menyalahgunakan nama pemaju hartanah di negara itu yang melabur di Malaysia.

Umpan untuk menjadi pekerja binaan di Johor itu dilapor mendorong mereka terbabit menjual tanah dan ternakan bagi mengumpul sejumlah 20,000 hingga 60,000 yuan

(RM12,700 hingga RM38,300) untuk dibayar kepada ejen China berkenaan.

Mereka selanjutnya mendakwa dibawa dari Guangzhou ke Johor Bahru untuk bekerja di tapak binaan dengan tawaran gaji 9,000 yuan (RM5,745) dan dijanjikan kenaikan sehingga 13,000 yuan (RM8,298) sebulan selepas tempoh percubaan dua bulan.

Projek Forest City dengan tambakan laut di wilayah Johor membentuk empat pulau yang dilapor media luar melibatkan kos mencecah RM100 bilion turut mendapat perhatian bekas Perdana

Menteri, Tun Mahathir.

Beliau bimbang Forest City membuka ruang kepada 'penjajahan' China malah menjual kedaulatan negara dengan hampir 700,000 warga China bakal menetap dan diberi status kewarganegaraan.

Forest City merupakan projek usahasama antara syarikat pemaju hartanah gergasi milik kerajaan China yang berdaftar dalam Bursa Saham Hong Kong, Syarikat Country Garden Holdings Co Ltd dengan anak syarikat Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ), Syarikat Esplade Danga 88 Sdn Bhd.

Majlis perasmian projek yang di-

jangka siap dalam tempoh 20 tahun itu disempurnakan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar pada 6 Mac tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam majlis sama mengumumkan Forest City di Gelang Patah, Johor Bahru sebagai kawasan bebas cukai dan tiada kekangan terhadap ekuiti asing di kawasan itu.

Pada masa sama, Johor juga sedang rancak dengan projek mega Iskandar Malaysia yang menyaksikan China kekal sebagai pelabur terbesar dengan pelaburan berjumlah RM22.2 bilion setakat Jun tahun lalu.

P. Pinang terus mantapkan program kebajikan

GEORGETOWN: BN tidak akan mampu menandingi Kerajaan Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang dalam membela rakyat berpendapatan rendah di negeri itu sekaligus sukar merampas kembali negeri itu, kata Ketua Pemuda AMANAH Pulau Pinang, Mohd Saifullah Abdul Nasir.

Menurut Saifullah, sejak berjaya mendapat mandat rakyat, kerajaan PH negeri telah mempelbagaikan program kebajikan yang tidak pernah dilaksanakan BN sebelum ini.

Antara program kebajikan yang dilaksanakan kerajaan negeri adalah sumbangan RM100 kepada warga emas berusia 60 tahun ke atas setiap tahun dan sumbangan RM1000 kepada waris warga emas yang meninggal dunia.

"Selain itu kerajaan negeri juga menyalurkan sumbangan tahunan sebanyak RM100 kepada pelajar

tahun satu dan tahun empat sekolah rendah di negeri ini bagi meringankan beban keluarga.

"Bagi pelajar tingkatan satu dan tingkatan empat juga diberi perhatian dengan sumbangan RM100 secara tahunan bagi mereka yang berdaftar dengan kerajaan negeri," ujarnya.

Kerajaan negeri, tambah beliau turut melancarkan program bayi emas dengan pemberian RM200 bagi setiap anak yang baru lahir.

"Untuk pelajar yang berjaya masuk ke institusi pengajian tinggi awam, kerajaan negeri turut menyediakan sumbangan sebanyak RM1000 bagi membantu meringankan kewangan mereka," katanya.

Kerajaan negeri, jelas Saifullah turut memberikan insentif bulanan RM100 kepada penarik beca manakala para nelayan diberikan sumbangan pukut dua kali setahun bagi membantu

mereka menambah pendapatan tanpa perlu berbelanja membeli pukut baru.

Di samping itu, katanya para pemandu teksi diberi insentif RM600 setiap tahun bagi memastikan keadaan kenderaan mereka sempurna.

"Operator bas sekolah yang berdaftar juga diberikan sumbangan sebanyak RM600 setahun oleh kerajaan negeri.

"Manakala program ibu emas bagi menghargai suri rumah yang tidak bekerja dengan pemberian sebanyak RM100 setiap tahun.

"Tidak setakat itu sahaja, kerajaan negeri turut memberi pengiktirafan dengan memberi sumbangan kepada guru-guru kafa serta guru-guru sekolah agama rakyat dan juga pondok-pondok," tambahnya lagi.

Kata Saifullah, kerajaan negeri juga memberi perhatian serius kepada para huffaz serta tadika Islam di negeri ini.



Penarik beca juga menerima insentif bulanan daripada kerajaan negeri.

"Kerajaan negeri amat prihatin terhadap keluarga miskin dengan memastikan setiap keluarga mempunyai pendapatan minima RM790 melalui program Agenda Ekonomi Saksama (AES).

"Seandainya keluarga miskin tersebut hanya mendapat pendapatan sebanyak RM600 setiap bulan, maka

kerajaan negeri akan menambah sebanyak RM190 lagi setiap bulan," katanya.

Sehubungan itu, Saifullah menyeru rakyat negeri ini supaya meneruskan sokongan terhadap Pakatan Harapan yang dianggotai AMANAH, Keadilan, DAP dan Bersatu dalam pilihan raya umum akan datang.

Exco terpaksa betulkan fakta

KOTA BHARU: Kegelojohan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan Datuk Ab Fattah Mahmood menyerang Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Salor Datuk Husam Musa dalam isu penutupan premis perniagaan pada waktu Maghrib akhirnya mengundang malu.

Pada 19 April lalu, Ab Fattah cuba membetulkan semula kenyataan asalnya dengan berkata peraturan menutup premis perniagaan pada waktu Maghrib hanya terpakai kepada peniaga Muslim di pasar-pasar malam sahaja.

Malah Husam dalam satu kenyataan 20 April lalu menegaskan tiada sebarang per-canggahan antara kenyataan beliau pada 17 April yang mempertikaikan penguatkuasaan menutup kedai sewaktu Maghrib kepada semua, termasuk peniaga bukan Islam.

"Selari - tidak perlu menutup perniagaan bagi peniaga bukan Muslim. Bermakna saya betul dan Fattah terkhilaf. Kerana itu beliau terpaksa membuat pembetulan demi pembetulan. Pagi ini, sekali lagi beliau memanggil sidang akhbar membetulkan kenyataan beliau sendiri..." ujar Husam.

Husam yang juga penasihat AMANAH Kelantan menambah, Ab Fattah 'secara ter-

sirat' mengakui kenyataan pertama beliau yang menyebut peniaga bukan Muslim juga perlu menutup perniagaan di waktu Maghrib.

Sehubungan itu, Husam hairan dengan tuduhan Ab Fattah bahawa orang lain terkeliru dengan kenyataan beliau sebelum ini sedangkan kenyataan 'pembetulan' itu dikeluarkan selepas ditegur.

Malah tambah Husam, seorang lagi Exco Kerajaan Kelantan, Datuk Anuar Tan turut membuat kenyataan bahawa Ab Fattah tidak berniat berkata demikian.

"Jika Datuk Fattah tidak berniat demikian, kenapa saya perlu diserang oleh Fattah atas kenyataan saya? Kononnya saya sudah lupa dasar yang saya pernah sokong. Seperti kenyataan beliau yang disiarkan oleh Malaysiakini di bawah tajuk 'Husam pun dulu sokong henti niaga sempena Maghribi', disiarkan pada 18 April.

"Sinar Harian pada 19 April menyiarkan di bawah tajuk berita 'Hanya pasar malam sahaja' dengan Fattah berkata, pasar malam di negeri ini hampir 100 peratus dimonopoli masyarakat Islam.

"Jika sudah tahu pasar malam di Kelantan disertai 100% orang Islam, apa perlu

lagi kenyataan 'termasuk peniaga bukan Islam'? Siapa keliru?" soal Husam.

Menurut Husam, peraturan memberhentikan perniagaan pada waktu Maghrib itu diperkenalkan sebelum beliau menjadi Exco apabila Menteri Besar Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat memulakan langkah turun sendiri mengimamkan solat bersama peniaga di Pasar Malam Padang Bas, dekat sini.

"Bila Almarhum Tuan Guru Nik Aziz sebagai Menteri Besar memperkenalkan peraturan ini, ia telah dibincang terlebih dahulu dalam parti dan kerajaan. Dalam isu sebegini, pandangan bekas Exco Kerajaan Tempatan pertama Kerajaan Tok Guru, yang juga seorang peguam dan bekas Penasihat Undang-Undang Negeri iaitu Allahyarham Datuk Halim Muhammad telah dijadikan landasan.

"Beliau telah memberi pandangan bahawa peraturan seperti ini, hendaklah bersifat 'advisory' atau 'galakan' dan bukan bersifat undang-undang atau legal," jelas Husam.

Sehubungan itu beliau mempertikaikan kenyataan Ab Fattah bahawa tindakan undang-undang akan dikenakan kepada peniaga yang ingkar termasuk menarik lesen perniagaan.

Tambah Husam, selama ini peraturan itu dikuatkuasakan dengan cara 'nasihat' dan 'galakan' apabila pihak berkuasa kerajaan tempatan menyediakan tempat solat yang selesa, tempat berwuduk dan bekalan air.

Malah seorang petugas memaklumkan ketibaan azan dan waktu Maghrib dengan menggunakan pembesar suara bergerak dan imam khas sekali sekala.

"Selagi bersifat galakan ia suatu yang baik. Itu sebab saya menyokongnya. Tetapi tidak untuk dikuatkuasakan sebagai undang-undang ke atas peniaga bukan Islam.

"Ia tidak pernah dikuatkuasakan secara undang-undang. Tidak pernah ada ugutan atau pengumuman lesen peniaga yang tidak berbuat demikian akan ditarik.

"Itu sebabnya kenyataan Fattah mengejutkan saya. Itu sebab saya menegur," jelas beliau.

Husam berkata, kini akhirnya Ab Fattah membuat pusingan U hingga "para penyerang termasuk Bala dari Pahang, tersangkut di atas pucuk buluh kerana Fattah mendarat cemas".

Datuk S Balasubramaniam ialah ketua Dewan Penyokong Pas berasal daripada Pahang.

"Flying hours belum cukup. Jauh bezanya kebijaksanaan Tok Guru Nik Aziz dan kegelojohan Datuk Fattah," ujar Husam.

Pengangkutan awam bukan pilihan rakyat



DR DZULKEFLY AHMAD

KUALA LUMPUR: Walaupun kajian yang dijalankan World Economic Forum (WEF) meletakkan Malaysia di kedudukan ke-11 terbaik dunia dalam infrastruktur pengangkutan awam dan swasta, namun tinjauan dibuat Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) mendapati 48% pengguna tidak berhasrat menggunakan pengangkutan awam pada masa hadapan.

Malah kerajaan pimpinan perdana menteri Datuk Seri Najib Razak perlu menyedari bahawa kepuasan pengguna terhadap

pengangkutan awam juga telah merudum sebanyak 13.95% berbanding tahun sebelumnya.

"Ini kerana majoriti rakyat merasakan bahawa kos pengangkutan adalah mahal dan tidak menepati masa mengikut jadual yang dipaparkan," kata Pengarah Strategi AMANAH Dr Dzulkefly Ahmad.

Dalam perkembangan berkaitan Dr Dzulkefly menambah, kekhawatiran berlakunya penyelewengan dalam pengurusan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) kini semakin terasa dan beliau mendesak agar

KTMB dan Kementerian Pengangkutan mendedahkan segera Laporan Tahunan KTMB bagi tiga tahun yang lalu.

"Ke mana perginya RM11.69 bilion wang rakyat dibelanjakan?" ujar beliau menyentuh peruntukan diberikan kerajaan untuk menaik taraf infrastruktur keretapi negara.

Sehubungan itu, beliau menasihati kerajaan Najib agar tidak 'syok sendiri' dan kembali kepada realiti kesusahan yang dihadapi rakyat pada hari ini.

Menurut beliau, komponen pengangkutan adalah penting dalam bakul Indeks Harga Pengguna (CPI) yang terkini melonjak ke paras 5.1% pada bulan Mac lalu -- tertinggi sejak 2008 yang mencatat CPI ke tahap 5.8%.

Dr Dzulkefly turut menyarankan kerajaan mengenakan kos pengangkutan yang berpatutan mengikut tahap bebanan ekonomi rakyat.

"Seperka lagi segera dedahkan laporan tahunan KTMB dan jangan berdolak-daleh lagi," tegas beliau.

SPRM digesa siasat Menteri Besar Johor, Exco Negeri

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) disaran membuka kertas siasatan terhadap Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan barisan Exco Kerajaan Negeri.

Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub berkata siasatan terhadap Khaled dan anggota Exco perlu dilakukan memandangkan beliau adalah individu yang mempengerusikan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri.

"Mana mungkin kelulusan itu dapat diperoleh hanya sekiranya melalui kuasa yang ada kepada Datuk Abdul Latif Bandi. Ia mesti mendapat keputusan kolektif mesyuarat Exco Kerajaan Negeri yang dipengerusikan Datuk Khaled Nordin.

"Amat ganjil dan pelik sekiranya

siasatan ini hanya terhenti terhadap Abdul Latif seorang sahaja.

"Adakah telah ada satu kertas siasatan juga terhadap MB Johor dan exco yang lain," soal beliau dalam sidang media yang diadakan di Wisma Amanah, dekat sini, 20 April lalu.

Salahuddin mengulas mengenai Exco Kerajaan Negeri Datuk Abd Latif Bandi yang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen 19 April lalu bersama seorang perunding hartanah Amir Shariffudin atas 33 pertuduhan membabitkan rasuah hartanah bernilai RM30.3 juta.

"Saya berpegang teguh dengan janji Tuanku Sultan Ibrahim yang baginda tidak sekali-kali bertoleransi dengan mana-mana anggota pentadbirannya yang terlibat dengan amalan rasuah," ujarnya.

Noh gagal beza politik dan pentadbiran

SHAH ALAM: Arahan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar yang membatalkan kelulusan projek kemudahan awam di kawasan Parlimen bukan diwakili BN bersifat kebudak-budakan dan berniat jahat.

Ahli Majlis Bandaraya Shah Alam, Shakir Ameer berkata, tindakan Noh Omar yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Selangor itu mencerminkan kegagalan beliau untuk membezakan di antara politik, pentadbiran dan tanggung jawab.

"Harus disedari bahawa rakyat adalah pembayar cukai dan kerajaan tidak boleh menindas sesiapa atas dasar politik.

"Sebagai kakitangan kerajaan, Ketua Pengarah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan

Kerajaan Tempatan (KPKT), Abu Bakar Johari juga sepatutnya lebih peka dan menasihati Kementerian bahawa keputusan yang diambil oleh Tan Sri Noh Omar adalah tidak bertanggungjawab," katanya dalam satu kenyataan.

Shakir Ameer yang juga Bendahari DAPSY Selangor menambah, tindakan KPKT itu berbeza dengan pendekatan yang dilakukan Kerajaan Negeri Selangor yang ditadbir Pakatan Harapan.

"Kerajaan Negeri Selangor tidak langsung menganaktirikan mana-mana pihak atau kawasan untuk projek-projek pembangunan tanpa mengira kerusi yang disandang oleh mana-mana parti politik.

"Kerajaan Negeri Selangor juga akan memastikan bahawa Adun pembangkang BN menerima peruntukan berpatutan untuk pembangunan

kawasan dan juga kebajikan rakyat Selangor.

"Inilah perbezaan di antara Kerajaan Pakatan Harapan daripada BN, kami tidak menzalimi mana-mana pihak dan memastikan perkhidmatan optimum diberikan kepada rakyat tanpa mengira fahaman politik," jelas beliau.

Kerajaan Selangor juga, tambah Shakir akan memastikan penduduk diberikan khidmat terbaik tanpa mengira latar belakang politik.

"Kami memahami bahawa mereka juga adalah pembayar cukai dan perkhidmatan harus diteruskan tanpa mengira siapa adalah kerajaan.

"Program-program dan projek pembangunan prorakyat juga akan dilaksanakan tanpa sebarang prejudis," katanya lagi.

Pelaku rasuah tidak layak digaji

KUALA LUMPUR: Tindakan menukar pelaku rasuah ke Kementerian lain tidak menjamin terhentinya gejala rasuah, tegas Ketua Angkatan Wanita Amanah Nasional (Awan) Dr Siti Mariah Mahmud.

Beliau berkata, pelaku rasuah tidak layak berada di mana-mana Kementerian sebaliknya harus dipenjarakan.

Menurut beliau, tambah bahaya jika rasuah dilakukan dalam Kementerian Pertahanan yang mempunyai akses kepada keselamatan dan kedaulatan negara.

"Sewajarnya jika golongan yang terlibat dengan rasuah ini dari Kementerian Pertahanan, hukuman lebih keras patut dijatuhkan terhadap pesalah tersebut kerana mereka terlibat dengan pelbagai perkara sulit dan penting ber-

hubung kepentingan strategik negara.

"Bayangkan jika mereka terlibat dengan rasuah untuk pertukaran dokumen sulit negara, tidakkah kedaulatan negara secara terbuka akan terjejas dan dimanipulasi oleh kuasa-kuasa asing yang berkepentingan.

"Jika sekadar ditukar Kementerian sahaja, apakah jaminan mereka tidak akan mengulangi semula jenayah rasuah tersebut?" katanya dalam kenyataan media, 19 April lalu.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein yang mahu warga kementerannya yang didapati bersalah melakukan rasuah ditukar Kementerian.

Mengulas lanjut, Dr Siti Mariah yang juga Ahli Parlimen Kota Raja

kesal dengan pemikiran Hishammuddin yang dilihat tidak serius dalam menangani gejala rasuah yang semakin kritikal.

"Ketika rakyat dari banyak negara mengambil tindakan tegas dengan memalukan dan menjatuhkan pemimpin yang melakukan rasuah, menteri dari Malaysia pula mengambil langkah mundur serta pelik yang tidak pernah terfikir oleh mana-mana negara yang maju pemikiran rakyatnya.

"Barangkali beginilah caranya Kerajaan Umno-BN menunjukkan kepada dunia cara mereka menangani masalah rasuah. Dan tidak hairanlah nama negara ini juga sering diketawakan oleh dunia akibat pelbagai skandal rasuah terutamanya kes 1MDB yang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak," katanya.



DR SITI MARIAH MAHMUD

Tipu rakyat juga haram, tegur Awan pada Ku Nan

KUALA LUMPUR: Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Mansor dinasihati tidak sewenang-wenangnya menjatuhkan hukuman 'haram' kepada para pengusaha restoran mamak yang menaikkan harga roti canai dan teh tarik.

Pengarah Biro Komunikasi Angkatan Wanita AMANAH Nasional (Awan) Anfaal Saari juga kesal dengan sikap Tengku Adnan yang menyamakan tindakan mencatat harga makanan dengan parti pembangkang.

"Saya boleh bersetuju bahawa mencatat merupakan satu tindakan yang wajib dielakkan oleh para peniaga dan saya menyokong sebarang langkah membanteras sikap begini.

"Walau bagaimanapun sebagai parti yang memerintah, pemimpin Kerajaan Umno-BN pula mesti melihat perkara ini dengan lebih mendalam dan menyeluruh. Bukannya bersikap tidak matang apabila menyamakan peniaga yang mencatat dengan pembangkang," katanya dalam kenyataan media, 19 April lalu.

Anfaal mengulas teguran Tengku Adnan terhadap pengusaha-pengusaha

restoran mamak yang mengenakan caj melampau bagi teh tarik dan roti canai pada mesyuarat agung tahunan Kongres India Muslim Malaysia (Kimma), 15 April lalu.

Meskipun bersetuju dengan teguran Tengku Adnan itu, Anfaal mengingatkan menteri terbabit bahawa kenaikan harga barangan dan perkhidmatan turut berpunca daripada kenaikan harga minyak dan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

"Apabila sesuatu barang jualan dinaikkan harga, isunya bukan kepada bahan asas yang digunakan sahaja tetapi turut meliputi pelbagai hal-hal lain seperti GST, ketidakpastian harga pasaran petrol dan diesel, harga barang mentah lain yang meningkat selain gula, tepung dan sebagainya," katanya.

Beliau juga hairan dengan keberanian Tengku Adnan 'membelasah' peniaga mamak secara terbuka.

"Adakah hanya golongan peniaga ini sahaja yang menaikkan harga jualan?"

"Atau adakah kerana golongan

India Muslim lebih kuat berusaha mencari rezeki dan kurang berpolitik, maka beliau menjadikan mereka sebagai 'punching bag' bagi menunjukkan ketegasannya kerana tahu golongan ini tidak berminat untuk membantah ucapan menteri?" soalnya.

Justeru Anfaal mengajukan soalan mengenai hukum pemerintah yang menipu rakyat dengan mendakwa kononnya pelaksanaan GST mampu mengurangkan harga barang di pasaran.

"Ketika ini, tiada rakyat yang tidak terkesan dengan kesan GST yang dilaksanakan kerajaan. Bukan sedikit rakyat yang ditindas akibat sikap gopoh Kerajaan Umno-BN yang mahu mengaut duit daripada rakyat melalui cukai ini bagi menampung kantung negara yang semakin kering.

"Semakin hari, semakin banyak kisah rakyat yang mengeluh tentang kenaikan kos sara hidup sekarang ini manakala Kerajaan pula berbangga dengan pemberian Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M)," katanya.



Jangan kutip cukai di kawasan diwakili pembangkang

KERAJAAN sewajarnya tidak mengutip sebarang cukai dari rakyat dalam kawasan Parlimen pakatan pembangkang bagi mengimbangi tindakan Tan Sri Noh Omar membatalkan projek BP 1 di bawah kementerannya baru-baru ini.

Projek BP1 adalah berkaitan infrastruktur berskala kecil melibatkan kemudahan asas seperti projek naik taraf jalan, parit dan longkang serta lampu jalan.

"Saya mengharapkan kerajaan Umno-BN sewajar mengisytiharkan tiada apa-apa kutipan cukai dari rakyat dalam kawasan Parlimen yang dimenangi pembangkang.

"Ini bagi mengimbangi tindakan kerajaan membatalkan projek BP1 di Parlimen yang BN tewas.

"Adalah adil bagi rakyat jika kerajaan boleh membatalkan projek infrastruktur berskala kecil dan tentunya juga kerajaan boleh membatalkan kutipan cukai dari rakyat," ujar Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar, 20 April lalu.

Mahfuz mengulas arahan Noh yang juga Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) agar semua projek jenis BP 1 di kawasan Parlimen yang tidak diwakili BN dihentikan.

Shafie sedia disiasat SPRM

PRESIDEN Parti Warisan Sabah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal bersedia disoal siasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung penglibatan Majlis Amanah Rakyat (Mara) dalam isu pembelian apartment di Australia.

Bekas Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah itu berkata, beliau terpanggil untuk memberikan respon terhadap beberapa kenyataan yang menjadi tular di laman sosial dan media massa kebelakangan ini.

"Saya terpanggil untuk memberi respon terhadap beberapa kenyataan yang sedang tular di media massa dan media sosial baru-baru ini yang mengaitkan nama saya ketika memegang jawatan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan kes yang melibatkan Mara iaitu agensi di bawah Kementerian saya itu.

"Saya difahamkan kes ini masih lagi di dalam siasatan pihak SPRM dan saya sedia memberi kerjasama pada bila-bila masa sekiranya pihak berkuasa memerlukan maklumat bagi membantu siasatan berhubung kes itu," ujamnya dalam kenyataan, 19 April lalu.

SPRM panggil 24 individu bantu siasatan penyelewengan Mara

SEJUMLAH 24 individu telah dipanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung pembelian pangsapuri oleh Mara Incorporated Sdn Bhd (Mara Inc) di Australia.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM Datuk Azam Baki berkata pihaknya turut menjalankan siasatan meliputi lebih tujuh premis termasuk pejabat Mara Inc, pejabat peguam serta pejabat penilai hartanah.

Beliau berkata siasatan kali ini berdasarkan maklumat baharu dan mempunyai kaitan dengan pembelian hartanah di Australia yang mana SPRM telah membuka kertas siasatan pada tahun 2015.

"Jadi banyak perkara lagi kita kena buat untuk melihat punca wangnya dan ke mana wang itu dibelanjakan dan siapakah pihak-pihak yang terlibat dalam menerima wang ini. Siasatan kes ini kita buka di bawah Akta SPRM 2009 dan Akta Pengubahan Wang Haram, i kata beliau kepada pemberita, 19 April lalu.

Rasuah RM30.3 juta: Exco Johor mengaku tidak bersalah

EXCO kerajaan negeri, Datuk Abd Latif Bandi bersama seorang perunding hartanah mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru 19 April lalu atas 33 pertuduhan membabitkan rasuah bernilai RM30.3 juta.

Tertuduh, 51, bersama Amir Shariffuddin Abd Raub, 44, masing-masing berdepan 33 pertuduhan membuat pengakuan itu apabila pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohd Fauzi Mohd Nasir.

Mengikuti kertas pertuduhan, Abd Latif didakwa bersubahat dengan Amir untuk menerima rasuah daripada beberapa individu bagi mendapatkan kelulusan pelepasan sejumlah rumah lot Bumiputera kepada pembeli awam, serta pengurangan bayaran wang sumbangan Tabung Perumahan Negeri Johor bagi Projek Eco Botanic, Pulaui.

Perasmian pusat khidmat AMANAH Permatang Pasir

Budi ditabur sayuran



8



1



2

1 Penduduk tempatan pembagai kaum hadir pada majlis perasmian Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (Kadun) Permatang Pasir.

2 Gandingan Leman Raja Lawan dan Aishah menghangatkan pentas sebelum majlis perasmian bermula.

3 Presiden AMANAH menyampaikan ucapan.

4 Guan Eng memotong reben tanda merasmikan Pusat Khidmat KADUN Permatang Pasir.

5 Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Faiz Fadzil mengacara majlis bersama Yuhazad Abdullah.

6 Bersama melepaskan belon ke udara.

7 Guan Eng menandatangani plak perasmian Pusat Khidmat KADUN Permatang Pasir.

8 Melawat adik Amalina yang terlantar sakit lebih tujuh bulan.

9 Menyerahkan hamper dan wang tunai bernilai RM200 kepada penggali kubur.



5



7



3

ng melata



4



8



9

Kenapa Annuar Musa tidak batalkan tajaan TRW?

Kelolaan ARIF ATAN

Pemuda AMANAH Nasional mempersoalkan sikap Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara), Tan Sri Annuar Musa yang tidak membatalkan penajaan pasukan bola sepak Kelantan, The Red Warriors (TRW) oleh anak syarikat Mara iaitu Pelaburan Mara Berhad dan Universiti Kuala Lumpur.

Timbalan Ketuaanya berkata, penjelasan Annuar bahawa dirinya tidak dirujuk untuk keputusan tajaan tersebut masih tidak menghapuskan tanggapan bahawa Ketua Penerangan Umno itu tidak mengetahui sebarang keputusan yang telah dicapai.

"Lagipun, selaku Presiden TRW ketika penajaan tersebut, sudah pasti beliau (Annuar) boleh sahaja membatalkan tajaan tersebut kerana wujud percanggahan kepentingan di antara kedua-dua entiti yang dipimpinya.

"Namun, beliau tidak berbuat apa-apa sedangkan penajaan tersebut adalah satu kredit kepadanya dalam memimpin TRW," kata Faiz dalam satu kenyataan, 25 April lalu.

Terdahulu, Annuar mendakwa dirinya tidak terlibat dalam rundingan pakej komersial



Pelaburan Mara Berhad dan Universiti Kuala Lumpur untuk TRW sebaliknya segala keputusan berhubung perkara itu diputuskan oleh pihak pentadbiran.

Beliau berkata demikian pada sidang media di ibu pejabat Mara selepas sejam dipanggil untuk

memberi keterangan kepada Jawatankuasa Audit Dalam Mara diketuai Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam Mara, Prof Emeritus Datuk Dr Abu Azam Md Yassin.

Mengulas lanjut, Faiz berpendapat Annuar pasti boleh sahaja mengarahkan pembatalan

tajaan tersebut jika menyedari kepentingan dana Mara yang harus disalurkan untuk bantuan pendidikan pelajar dan modal perniagaan usahawan Melayu.

"Jika urus tadbir baik (*good governance*) diamalkan, seharusnya penajaan tersebut terus dibatalkan memandangkan selaku Presiden TRW, Tan Sri Annuar Musa mengetahui siapakah penaja TRW.

"Namun, Tan Sri Annuar Musa sanggup meletakkan kepentingan peribadi mengatasi kepentingan rakyat terutama anakmuda Melayu.

"Akibatnya, nasib orang Melayu semakin tidak terbela dan jauh ketinggalan terutama dalam bidang pendidikan dan perniagaan," tambahnya lagi.

Tahun lalu, Pelaburan Mara Berhad mengambil bahagian dalam TRW dengan perbelanjaan mencecah RM200,000 dengan membeli tawaran pakej pengiklanan komersial.

Annuar kemudiannya digantung tugas sebagai Pengerusi Mara dan Pelaburan MARA Berhad (PMB) berkuat kuasa serta-merta pada 31 Januari lalu.

Rakyat Kedah tidak tahu hujung pangkal projek

PROJEK pembangunan yang mahu dilakukan perlu terlebih dahulu mengambil kira kepentingan rakyat dan alam sekitar, tegas Pemuda AMANAH Kedah, Asmirul Anuar Aris (*gambar*).

"Selalunya kerajaan lebih memikirkan tentang pelaburan asing. Kita tidak boleh membuat sebarang pelaburan secara semberono. Mungkin ada kepentingan di pihak tertentu," ujarnya.

Beliau mengulas tentang projek tambak laut dan pembangunan bercampur Aman Laut di pantai Kuala Kedah yang mengancam sumber pendapatan ratusan keluarga nelayan pantai di kawasan itu.

"Kita faham kewangan kerajaan terhad tetapi sepatutnya projek mega berkaitan kepentingan rakyat perlu mengikut prosedur dan peruntukan undang-undang sedia ada.

"Masalahnya, kita tidak dapat melihat butiran perjanjian, tidak tahu hujung pangkal status dan kesannya. Kajian di pihak universiti juga tidak diambil perhatian oleh pihak kerajaan," katanya dalam slot dialog isu semasa di Kedah baru-baru ini.

Dalam hal berkaitan, Sahabat Alam Malaysia (SAM)



pernah mendedahkan aktiviti projek tambak laut berhampiran Kampung Tepi Laut, Kuala Kedah dilakukan tanpa mendapat kelulusan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA).

Mengulas lanjut, Asmirul menyarankan kerajaan negeri mencontohi model pembangunan di negara jiran yang membantu meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat tempatan.

"Di Sungai Mekong, kami lihat kawasan hutan paya bakau dijadikan tarikan pelancong dengan penduduk kampung dibenarkan berniaga kecil-kecilan.

"Tidak perlu projek berskala besar, dibantu sedikit promosi, hal tersebut boleh dilakukan di Kedah tanpa menjejaskan ekonomi penduduk setempat," tegasnya.

Sehubungan itu, beliau menegaskan perbincangan di sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) tidak harus mengelak untuk menjawab isu-isu rakyat dengan menggunakan alasan teknikal.

"Rakyat dua juta di Kedah mahu melihat perbincangan yang baik antara pihak kerajaan dan negeri. Pemimpin mesti berani berdepan dengan isu rakyat," ujar Asmirul lagi.

Anak muda perlu bangkit dari lena

Kelolaan ARIF ATAN

Tanah air tercinta ini politiknya tidak pernah pudar. Kontroversi dan publisiti berlaku seiring khidmat bakti tanpa dipandang sepi oleh pertiwi.

Hari demi hari, kita disajikan dengan budaya politik murahan hasil permainan sang penguasa yang terus bermaharajalela.

Anak muda sudah muak dengan kata nista serta akhlak yang makin binasa dek kerana ketaksuban pada satu satu parti yang ketinggalan masa.

Dahulu yang totok Melayunya memilih Umno dan yang pekat nilai Islamnya memilih Pas. Namun, kini atmosferanya berubah serta-merta kerana ketamakan kuasa, harta dan takhta.

Anak muda sudah buntu tiada harapan malah hala tuju tetapi kemunculan Parti AMANAH membawa idea segar dan baharu malah progresif serta lahirnya Bersatu.

Parti yang ditunjangi bekas penguasa yang kini saki-baki usianya adalah berkhidmat untuk rakyat telah membawa satu anjakan paradigma kepada suasana politik nasional.

Dinamisme inilah yang mungkin mere-

alisasikan hasrat anak muda masa kini untuk terus tekad melakukan perubahan pada tampuk pemerintahan negara.

Hasrat di hati anak muda seperti saya mahu melihat suatu gandingan padu dan mantap antara dua buah parti baharu dalam memikul amanat golongan belia.

Hal ini bagi menjayakan suatu harapan baru yang boleh menjana reformasi kepada tanah air tercinta selaras dengan impian Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Impian tersebut pastinya bukan sekadar tulisan di dada akhbar tetapi mesti terpahat di hati setiap anak muda yang cintakan akan keadilan Islam.

Justeru, saya menyeru agar semua anak muda terutamanya dalam Pakatan Harapan untuk terus bangkit dari lena memandangkan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) yang semakin suntuk.

Kita harus secara konsisten menentang kezaliman Umno-BN dan juga sekutu rapatnya. Kita perlu bersatu hati dan berganding bahu dalam menjayakan agenda perubahan.

• **Penulis adalah aktivis Pemuda AMANAH Negeri Kedah.**



Sampah bertaburan di kawasan riadah Pantai Irama, Bachok.

PEMUDA AMANAH Kelantan menyeru supaya masyarakat di negeri ini berubah dengan memastikan persekitaran bersih dengan tidak membuang sampah di merata-rata tempat.

Tanggungjawab sosial sebagai rakyat yang prihatin itu pula disusuli dengan peranan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam usaha memastikan tong sampah yang disediakan mencukupi.

Pada masa sama, aspek penyelenggaraan kutipan sampah juga

harus dilakukan dengan lebih kerap.

"Selain daripada kita tularkan gambar dan video kawasan persekitaran yang kotor dipenuhi sampah, ayuh kita mulakan perubahan bersama.

"Sampai bila kita mahu berada di takuk lama? Sampah yang dibuang merata tempat itu tidak akan bergerak sendiri masuk dalam tong sampah.

"Gambar dan video sampah bertimbun tidak dikutip yang tular oleh kita, boleh menjadi kuasa pendesak

agar kerajaan lebih prihatin dengan tanggungjawab mereka dan cakna terhadap perkara asas sebegini," dipetik daripada kenyataan di *Facebook* rasmi Pemuda AMANAH Kelantan, 26 April lalu.

Sehubungan itu, sayap AMANAH negeri berkenaan memberitahu sedang merangka program gotong-royong berkala di beberapa kawasan strategik dalam usaha membudayakan amalan hidup sihat dan cakna terhadap negeri sendiri.

Siasat 1MDB sehingga ke lubang cacing

Kelolaan ARIF ATAN

Mahasiswa AMANAH Nasional mendesak sekeras-kerasnya supaya siasatan terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diteruskan dan diasiat hingga ke lubang cacing. Pengerusinya, Fadhli Umar Aminolhuda berkata, pendedahan bahawa 1MDB dan kerajaan Malaysia bertanggungjawab untuk membayar hutang beserta faedah terkumpul kepada *International Petroleum Investment Company* (IPIC) berjumlah hampir AS\$25 bilion amat mengejutkan. "Jika isu Forex yang sudah hampir 20 tahun berlalu pun diasiat dengan begitu mendalam, bagi kami siasatan terhadap



1MDB ini perlulah lebih mendalam dan teliti," tegasnya dalam satu kenyataan.

"Bayangkan sahaja bagaimana dengan jumlah AS\$25 bilion ini, pelbagai manfaat dapat dinikmati oleh rakyat. Sudah tentu peruntukan pendidikan yang mengalami pemotongan RM1.45 bilion tidak dipotong bahkan dinaikkan.

"Seramai 2,000 pensyarah pula sudah pasti tidak dibuang atau diberhentikan. Biasiswa pelajar juga pasti ditingkatkan," tegasnya.

Walaupun kerajaan mendakwa siasatan terhadap 1MDB selesai tetapi perkembangan baharu itu terus menimbulkan kerisauan dan



Fadhli Umar

kemarahan rakyat Malaysia.

"Justeru itu, Mahasiswa AMANAH mengajak seluruh gerakan mahasiswa terus bersuara mengenai isu

1MDB ini sehingga semua pihak yang terlibat dipertanggungjawabkan.

"Kegagalan Datuk Seri Najib untuk menjelaskan isu ini mem-

buktikan Perdana Menteri telah gagal dan perlu bertanggungjawab dalam menanggung segala kerugian negara ini," ujar Fadhli lagi.

Sepintas NEWS

Hasil inovasi sosial

INOVASI sosial termasuk mendampingi masyarakat setempat bermula daripada idea penggunaan sumber geologi tanpa memusnahkan dalam usaha menghasilkan situasi 'menang-menang', kata Pengerusi Pusat Penyelidikan Langkawi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Emeritus Ibrahim Komoo.

Ujarnya, selepas lebih 10 tahun penyelidikan membangunkan geowarisan dan geopelancongan dengan kerjasama jabatan kerajaan berkaitan dan penduduk di Kampung Kilim, idea geopark berjaya diterjemahkan menjadi kenyataan.

"Inilah inovasi sosial apabila pengetahuan baru (sains) berupaya diterjemah menjadi produk (tindakan).

"Inovasi sosial mengambil masa, memerlukan usaha dan iltizam mendampingi komuniti dan pihak berkepentingan," jelasnya dipetik daripada artikel beliau di sebuah akhbar.

Amerika-China berperang?

AMAT sukar membayangkan perang antara Amerika Syarikat (AS) dan China dalam tempoh terdekat, kata pensyarah kanan Sains Politik, Universiti Teknologi Mara (UITM), Mujibu Abd Muis.

Menurutnya, persaingan geopolitik Asia Pasifik dijangka terus meningkatkan ketegangan sedia ada terutama antara AS-China apabila Trump menggantikan Obama.

"AS dan China sebagai rakan dagang utama akan mengalami kerugian ekonomi besar sekiranya berlaku peperangan.

"Pada masa sama, perang di Pasifik juga akan melumpuhkan perdagangan dan penguasaan laut yang amat strategik bagi kepentingan geopolitik dan ekonomi China," dipetik daripada artikel pensyarah di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi itu baru-baru ini.

Bukan sekadar bersedih

Masyarakat bukan sekadar perlu bersedih dengan hukuman penjara lima tahun ke atas Siti Noor Aishah Atam dan kematian murid sekolah tahfiz, Tha'qif Amin Gaddafi pada 26 April lalu.

Aktivis mahasiswa, Anis Syafiqah Md Yusof, berpendapat jauh lebih penting insiden yang menimpa Aishah, 30, kerana memiliki 12 buku yang dikaitkan dengan militan Islam serta Tha'qif yang dipukul pembantu warden di pusat tahfiz swasta di Kota Tinggi, Johor itu menuntut masyarakat untuk berubah.

"Dua berita sedih kita terima hari ini (26 April). Hakikatnya, dua peristiwa ini bukan untuk kita (masyarakat) hanya

bersedih, tetapi lebih jauh daripada itu, berubah.

"Maka sedarlah kita, masyarakat sedang sakit dan kita, hanya tahu bersedih," ujarnya.

Sementara itu, Penyelaras Suaram, Amir Abd Hadi menggesa supaya kesemua buku yang dikaitkan dengan Aishah diharamkan.

"Saya berharap, pihak KDN (Kementerian Dalam Negeri) boleh dengan kadar segera mengharamkan buku-buku tersebut, yang masih bebas terjual hingga hari ini.

"Ia bagi mengelakkan ada individu lain yang menjadi mangsa. Buku-buku tersebut masih belum diwartakan haram hingga hari ini," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan,

peguam akan memfailkan rayuan dan membawa kes bekas penuntut sarjana di Universiti Malaya (UM) itu ke Mahkamah Rayuan dalam masa terdekat.

Aishah sebelum ini pernah dikenakan tahanan tanpa bicara mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Sosma) dan diletakkan di bawah tahanan rumah dengan dipasang peranti pengawasan elektronik (EMD).

Sementara itu, Tha'qif yang meninggal dunia selepas dua minggu menderita juga dipotong kedua-dua kakinya pada 21 April lalu akibat jangkitan kuman dan darah beku dan tidak sempat menjalani pembedahan bagi memotong tangan kanannya.

Memugar makna yang lama cuba difahami

"**Hidup** ini harus difahami secara ke belakang tetapi harus diteruskan secara ke hadapan". Ungkapan kata ahli falsafah Jerman, Kierkegaard (1881-1855) itu antara yang mengisi buku *Kisah 25 Filsuf Barat* terbitan tahun ini.

Pengarangnya, Matluthfi mengakui bukunya itu bersifat pseudo-akademik khusus kepada 'pemula falsafah' iaitu pembaca yang ingin berjinak-jinak dengan falsafah Barat dari Sokrates (470/469SM-399SM) sehingga Foucault (1926-1984).

Walau bagaimanapun, usaha bekas penuntut luar negara ini menyertakan rujukan primer dan sekunder pada nota kaki dalam bukunya yang setebal 229 hala-



man itu harus dipuji. Ada yang sehingga mencecah 16 catatan nota kaki kebanyakannya berkaitan penerangan lanjut karya filsuf, penjelasan tentang latar sesuatu zaman sehingga rujukan petikan surah al-Quran.

Tepatlah dengan bidalan tak kenal maka tak cinta. Rasa ingin mendalami makna kehidupan hanya akan wujud apabila kita didedahkan dengan latar belakang sesuatu kewujudan.

Sesuai dengan usaha mengolah idea-idea utama filsuf Barat secara 'riang dan ringkas', pengarang turut menyelitkan pandangannya sendiri dengan membandingkan realiti semasa dengan masyarakat kita pada bahagian tertentu bagi

tujuan memudahkan pemahaman.

Bidang falsafah yang umpama terjun ke dalam pasir jerlus ini tidaklah menakutkan untuk difahami memandangkan *Kisah 25 Filsuf Barat* telah menyampaikan idea utama dan pemikiran mereka terbabit dengan bahasa yang mudah.

Tambah menarik apabila Matluthfi telah menyertakan cara sebutan nama yang betul bagi sebahagian tokoh. Contohnya, sebutan nama filsuf yang menulis 300 buah buku - Epikurus (341SM-270SM) ialah

"Epi-kiu-ri-yes".

Ahli falsafah kelahiran Austria, Wittgenstein (1889-1951) yang menekankan pentingnya berkongsi 'gambar' yang sama bagi mengelak masalah komunikasi sebenarnya perlu disebut "Fit-ken-stain" manakala pengarang buku 'Kegilaan dan Ketamadunan' atau *Madness and Civilization* (1961), Foucault sepatutnya


disebut "Mis-syel Fu-ko".

Sesuai dengan perwatakan Matluthfi yang menyindir dalam jenakanya seperti dapat

dilihat pada siri rakaman video berkisarkan kehidupan seharian yang dimuatkannya di Youtube sebelum ini, pandangan Foucault tentang layanan terhadap pesakit mental pada Zaman Pembaharuan/Renaissance lebih berperikemanusiaan dianggapnya sebagai:

"Sudah tentulah ia berbeza dengan tempat kita kerana orang gila di tempat kita jangankan berkeliaran, menjadi wakil rakyat juga boleh asalkan punya wang."

Membaca tentang premis hujah filsuf Barat tentang pegangan diri dan interaksi antara manusia dalam buku terbitan Puteh Press ini secara tidak langsung menyursuri idea dan pemikiran 'gila-gila' Matluthfi sendiri.



'Seni alat pembebasan?'

TU tajuk forum yang dipilih oleh pelajar-pelajar Universiti Selangor (Unisel), diwakili oleh Mashitah Sulaiman yang menjemput saya menjadi panel berbicara, pada Khamis 27 April, bersama Yassin Salleh dan seorang wakil pelajar.

Tulisan ini dibuat menjelang forum tersebut, sambil saya berfikir-fikir apakah yang relevan untuk saya bincangkan di hadapan para mahasiswa hari ini - mengenai seni sebagai alat pembebasan. Entah dari manalah timbulnya tajuk ini ñ "Seni Alat Pembebasan?". Ada tanda soal pula.

Saya sebenarnya kurang selesa dengan perkataan 'alat' itu. Saya sendiri sepanjang pengalaman lebih 40 tahun berkarya dan melakukan aktiviti seni-budaya, tidak pernah berasa bahawa seni itu adalah alat untuk saya mencapai kebebasan atau pembebasan.

Saya berusaha menghasilkan karya seni. Saya bekerja untuk menghasilkannya. Dan apabila ia terhasil atau tercipta atau terjadi, saya tidak menganggap ia sebagai alat untuk saya melakukan atau mencapai sesuatu yang lain pula.

Menghasilkan karya seni atau melaksanakan aktiviti seni itu adalah sesuatu yang saya inginkan. Dan apabila ia terhasil atau terlaksana, saya menganggap ia sebagai 'sesuatu' yang telah wujud dan ia mempunyai 'hidup' dan peranannya sendiri. Ya, karya seni itu sesuatu yang hidup dan mempunyai peranannya sendiri.

Contoh, saya menghasilkan 'Teater Atas Pokok'. Kenapa saya menghasilkannya? Pertama, saya menunaikan tuntutan dalam diri saya sendiri. Ini proses kreatif. Mereka yang menjadi seniman ada

proses kreatif ini di dalam diri.

Proses ini kadang-kadang menyebabkan seseorang seniman itu resah dan gelisah, kerana ada sesuatu sedang mengganggu dalaman dirinya, mendesak supaya dia menghasilkan sesuatu, dan sesuatu itu adalah mengikut bakat dan kemahiran yang ada padanya - mungkin puisi mungkin lukisan mungkin novel mungkin filem mungkin lagu mungkin teater dan sebagainya.

Mengapa teater atas pokok? Kerana saya hendak menghasilkan sesuatu yang baru. Karya seni yang hidup itu adalah karya yang baru, yang segar, yang mampu menarik perhatian orang. Kalau ia tidak mampu menarik perhatian orang, ia tak akan hidup. Ia mati, dan ia tak ada peranan. Jadi seniman itu harus sentiasa berusaha mencipta sesuatu yang baru dan mampu menarik perhatian orang.

Teater Atas Pokok sesuatu yang tidak pernah dibuat. Ia menarik perhatian orang. Tetapi apakah isinya? Isinya ialah cerita sebuah kampung Melayu di dalam ibukota Kuala Lumpur yang sedang diancam oleh pihak berkuasa yang hendak memusnahkannya bagi tujuan pembangunan.

Ini cerita benar, dan saya tahu sangat akan cerita kampung ini, dan saya berpendapat bahawa kampung ini perlu dipertahankan, perlu dikekalkan, dan usaha atau cadangan pihak berkuasa hendak memusnahkan kampung itu mesti dihalang.

Dan ini bukanlah suatu proses kreatif atau proses penciptaan karya seni yang biasa. Maksud saya proses kreatif yang ini, bukan proses kreatif yang biasa. Ini satu proses kreatif yang melibat-

kan semacam perjuangan seorang seniman untuk mempertahankan sesuatu yang dipercayainya perlu dipertahankan, perlu diperjuangkan.

Di sini seorang seniman itu berjuang dengan menggunakan bakat dan kemahirannya dalam menghasilkan sebuah karya teater. Apakah perjuangannya itu berjaya? Soalan ini bukan sebuah soalan seni. Persoalan seni sudah selesai apabila teater itu dipentaskan atau dipertontonkan kepada khalayak.

Seperti dikatakan tadi, apabila sebuah karya seni itu telah dihasilkan, ia mempunyai hidup dan peranannya sendiri. Terpulanglah kepada kekuatan karya itu sendiri - sejauh mana kekuatannya untuk terus hidup dan berperanan.

Berjaya atau tidak perjuangan yang disalurkan melalui sesebuah karya seni, itu bukan lagi masalah seni. Itu sudah menjadi masalah lain, itu masalah perjuangan, yang bukan lagi perkara seni.

Saya bagi satu contoh lain. Saya tertarik dengan sebuah novel. Bukan sekadar tertarik yang biasa tetapi lebih daripada biasa. Novel itu hidup dan berperanan dalam diri saya. Bukan novel saya (saya tak tulis novel) tetapi novel yang dihasilkan oleh seorang penulis Jerman bernama Herman Hesse, dan novelnya berjudul 'Siddhartha', diterbitkan tahun 1922.

'Siddhartha' mengisahkan seorang pencari kebenaran hidup. Seorang pemuda India bernama Siddhartha, beragama Budha, menjalani kembara hidupnya (di India) menempuh pelbagai pengalaman - sebagai orang miskin, orang kaya, menjalani kehidupan seks yang diimpikannya dan sebagainya, akhirnya dia meninggalkan



semua kehidupan kota dan meneruskan kembaranya masuk ke dalam hutan, sampai ke sebuah sungai - di situ dia menemui makna hidup yang dicarinya selama ini.

Air sungai itu berbicara dengan dia. Orang perahu atau penambang yang mengambil upah membawa orang menyeberang sungai dengan perahunya, berbicara dengan dia, dengan cara yang tersendiri, dan itu menarik perhatian Siddhartha. Dia pun tinggal bersama penambang itu, dan tidak berasa perlu lagi untuk kembara meneruskan pencariannya. Dia sudah menemui dirinya.

Saya sangat tertarik dengan penceritaan novel ini, hingga kisah Siddhartha itu sangat mempengaruhi pemikiran saya. Ia sebuah karya seni yang hidup dan terus hidup walaupun seniman yang menghasilkannya sudah mati. Karya itu terus hidup dan berperanan mempengaruhi pembacaanya, dengan caranya sendiri.

Apakah seni itu membebaskan? Ya, seni boleh membebaskan. Tetapi tidak semestinya. Ada seniman yang mencapai kebebasan dengan berkarya, dan ada seniman yang tidak mencapai kebebasan. Ada seniman yang berjaya dan ada seniman yang tidak berjaya.

Begitulah juga dengan karya seni. Ada yang menjadi dan ada yang tidak menjadi. Ada yang bermutu dan ada yang tidak bermutu. Ada yang boleh membebaskan dan ada yang tidak boleh membebaskan.

Selami rintihan warga Bakar Bata

SEKALI lagi kembara baru dibuka, menggantikan kolom Kembara Budaya. Kini kembara saya berjejak di negeri selatan Semenanjung Malaysia yakni bumi Johor. Sesuaiilah dengan kehidupan seharian saya yang dihabiskan meneguk udara di sini.

Dalam jejak memetik permasalahan masyarakat, bertemulah saya dengan seorang insan berusia lingkungan 46 tahun. Beliau menyambut saya dengan senyuman dan kami kemudiannya bertemu Cheo Yee How, Adun Perling (sebelum ini Pengkalan Rinting) dalam satu sesi mendengar keluhan penduduk di sekitar bumi Johor.

Norman bin Abdul Hamid menetap di Kampung Bakar Batu, Mukim Pulau, Perling Johor Bahru. Beliau adalah salah seorang mangsa tindakan yang bakal dilakukan pihak pemaju, Nodedua Sdn Bhd yang mengambil alih tapak rumah penduduk kampung tersebut.

Saya perhatikan, penduduk benar-benar buntu dalam usaha menyelamatkan kampung yang bakal diambil pihak pemaju yang telah berurusan dengan pihak Kerajaan Negeri Johor tanpa pengetahuan mereka.

Berdasarkan maklumat yang diterima, pihak penduduk sudah mendiami kampung tersebut sejak tahun 1960-an lagi dan permohonan untuk mereka memiliki tanah itu secara sah telah dibuat turun temurun sejak dari tahun 1960-an hingga

1986. Usaha mereka bagi mendapatkan status penempatan secara sah telah dilakukan.

Saya mengamati apa yang disampaikan Norman dalam bicaranya yang penuh dengan rayuan serta sayu suaranya. Cukup mengesankan. Terdetik seketika kesedihan melihat nasib bangsa yang dikatakan 'tuan' di negara ini yang terpaksa 'berperang' bagi mendapatkan status penempatan secara sah di negara sendiri.

Terkadang suara Norman sebab bila mana ungkapan yang dikeluarkan itu memetik penduduk kampung seperti mengemis dalam usaha bertemu dengan pelbagai manusia yang mempunyai kuasa, seperti Ahli Parlimen Pulau Dato' Nur Jazlan, Menteri Besar Johor, Dato' Mohammed Khaled Nordin dan pelbagai lagi agensi kerajaan yang lain.

Akhirnya dalam desakan hidup untuk sekurang-kurangnya memiliki tempat berteduh ini, mereka mendapat sedikit ruang harapan bila mana seluruh penduduk kampung mengambil keputusan bertemu Adun Perling, Cheo Yee How bagi mendapatkan sokongan.

Dalam pertanyaan saya kepada How, beliau menyatakan suara penduduk kampung itu telah dibawa masuk ke dalam ruang perundangan. Bagaimanapun penduduk terbabit mendapat khabar kurang baik apabila langkah mereka

menjadi 'defendan' sebelum ini dilihat gagal. Penduduk kampung telah membelanjakan wang sebanyak RM44,600.00 dalam usaha menuntut hak mereka di sisi perundangan.

Isu ini menjadi terbeban lagi apabila kemenangan pihak pemaju membuatkan mereka mempunyai kuasa penuh untuk mengusir penduduk kampung keluar dalam tempoh yang ditentukan. Tarikh akhir untuk penduduk kampung ini mengosongkan rumah mereka pada 9 Mei 2017.

Alangkah sayunya hati penduduk kampung kerana sebelum ini pada 1999 mereka telah dijanjikan oleh pihak kerajaan yang membenarkan terus mendiami tanah kampung tersebut dan diberikan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan raya masuk kampung secara sah.

Namun apa yang diimpikan penduduk kampung, termasuk Norman hancur musnah apabila pembangunan berskala besar di sekeliling Sungai Danga dan Sungai Skudai telah pesat berjalan. Penduduk dipaksa berpindah dan yang paling menyayat hati apabila Norman mengeluh: "Entah di rumah siapa kami akan beraya tahun ini?"

Ternyata dari kenyataan Norman itu cukup menggambarkan bahawa penduduk kampung seluruhnya tidak mempunyai rumah selain kediaman di Kampung Bakar Batu itu. Ramai menga-

jukan soalan pada saya: "Adakah pihak kerajaan atau pemaju tidak memberikan pampasan pada penduduk kampung?"


Pampasan itu ada tetapi tidak sebesar mana pun sedangkan penduduk kampung perlu memikirkan soal kehidupan berbdia jika mereka berpindah. Kebanyakan penduduk adalah nelayan dan bagaimana jika seorang nelayan dipindahkan ke rumah baru yang bertaraf pangsapuri? Ini situasi yang tidak masuk akal.

Jika diberikan rumah membumi sekalipun, mereka harus diberikan rumah berdekatan dengan sungai atau kawasan perairan lain. Inilah yang menjadi masalah besar apabila pembangunan dijalankan dengan membunuh segala keperluan kehidupan manusia.

Penduduk juga pernah mencadangkan jika kawasan sekeliling kampung mereka ingin dibangunkan, apalah kiranya jika kerajaan turut menjadikan kampung tersebut sebagai kampung industri pelancongan.

Memang agak tidak munasabah dengan nasib yang menimpa penduduk Kampung Bakar Batu ini. Justeru, saya memaklumkan kepada pihak Parti Amanah Negara kawasan Pulau untuk turun membantu penduduk kerana selain kuasa dari sudut perundangan, kuasa pendesak parti politik pembangkang juga boleh membantu.

Akhirnya aduan saya itu disambut



baik AMANAH melalui ketua kawasan-nya, Suhaizan Kaiat. Lebih mengujakan apabila aduan itu sampai kepada Timbalan Presiden AMANAH, Salahuddin Ayub. Beliau bersedia untuk membantu, termasuk mendesak pihak kerajaan negeri menangani kes ini dengan lebih berhemah.

Sekarang kami sedang nantikan hasil dari gerakan yang sedang dijalankan pihak penduduk bersama-sama dengan Parti Amanah Negara dan DAP. Malah, baru-baru, ia juga disambut baik oleh dua lagi komponen Pakatan Harapan, iaitu KeADILan dan Bersatu.

Moga penduduk kampung mendapat pembelaan sewajarnya di tengah kerancakan skandal rasuah besar di Johor, yang juga berkaitan hartanah.

'Lain dicari lain pula yang jumpa'

SAMI tua itu pernah berkhidmat dalam kerajaan junta sebagai pegawai tadbir di pejabat kerajaan. Belum pun tamat tempoh berkhidmat, beliau mengambil keputusan bersara awal. Tidak beristeri dan berkeluarga, beliau memilih untuk menjadi pengikut Buddha yang taat dengan menjadi sami di sekolah dhamma tersebut sehingga ke hari ini.

Bagitulah antara yang diceritakan kepada kami oleh sami tua itu tentang latar belakangnya. Selain kerana tidak berkeluarga, beliau turut menjadi sami kerana kecewa melihat kerakusan dan kerosakan yang dibuat oleh masyarakat dan orang-orang yang pernah beliau tumpahkan khidmatnya.

Bekerja dengan junta selama dua dekad mendedahkan beliau dengan banyak perkara yang akhirnya beliau sesali. Mungkin sahaja beliau hanyalah seorang pegawai tadbir biasa; namun beliau rasa seolah bersekongkol dalam kezaliman junta di zaman perkhidmatan beliau. Inilah juga antara sebab beliau memilih untuk menjauhi keduniaan dan menjadi sami Buddha di sekolah dhamma tersebut.

Tamat bersurah tentang kehidupan lampainya, saya lantas bertanya soal-soal yang berkait keadaan semasa dan politik. Itu adalah tugas kami, itu adalah tujuan kami. Saya tidak mahu membuang masa yang kian suntuk. Roisai agak keberatan untuk terus bertanya, bimbang kalau menyinggung.

Saya lebih optimis. Dari penceritaan beliau, saya yakin beliau orang terpelajar yang boleh menjawab soalan kami. Kalau pun beliau serang pendukung Ma Ba Tha, beliau tentu ada rasional sendiri.

Sebagai latar bagi memahami apa itu Ma Ba Tha, dan apa yang diperjuangkan oleh mereka, saya terangkan sedikit di sini. Ma Ba Tha adalah kumpulan sami Bud-

dha yang boleh ditakrifkan sebagai pelampau agama berdasarkan kenyataan-kenyataan keras yang mereka keluarkan sepanjang bergiat aktif. Serangan mereka kerap kali adalah ke atas minoriti Muslim yang hanya membentuk sebanyak lima peratus daripada populasi keseluruhan Myanmar.

Jika Pas di Malaysia menggunakan RUU355 sebagai manifestasi perjuangan mereka, Ma Ba Tha menggunakan Nationality & Religion Protection Law, yang mana di bawahnya terkandung empat perkara pokok termasuklah mengharamkan poligami, menyekat pertukaran agama, menyekat perkahwinan rentas agama, dan mengehadkan kadar kelahiran di sesetengah kawasan dalam negara tersebut.

Semua perkara ini dilihat dan dinilai oleh umum sebagai ancaman dan intimidasi ke atas penganut Islam. Ia sudah pun dibenteng dan diluluskan junta dalam parlimen pada Ogos 2015, dua bulan sebelum pilihan raya. Bagaimana pun, pelaksanaannya ditangguhkan. Seperti RUU355, boleh sahaja ia dibenteng dan diluluskan kerajaan, namun tentu sekali ia tidak akan dilaksanakan sehinggalah pilihan raya tiba. Andai dilaksanakan, apa lagi modal yang boleh dijaja dalam pilihan raya kelak?

Mengambil konteks ini, melalui jurubahasa kami Ohn Mar saya tanyakan pendapat beliau tentang akta tersebut dari kaca mata pendukung Ma Ba Tha. Saya turut bertanyakan pandangan beliau tentang peranan minoriti Muslim dalam konteks



pilihan raya. Roisai kurang senang dengan soalan saya. Sami tua itu pula kelihatan erkejut.

Dengan muka yang mengerut, beliau berbalas bicara dengan Ohn Mar. Ohn Mar menunjukkan tapak tangan kepada saya tanda sabar apabila saya mendeak. Ada perkara yang beliau dan sami tua tersebut perlu bahaskan sebelum diterjehkan kepada kami.

Usai bicara mereka, Ohn Mar yang saya kenali sebagai seorang progresif dan sama sekali tidak menyukai Ma Ba Tha tertawa besar. Sami tua itu ikut tersenyum lebar. Saya dan Roisai berasa aneh. Akhirnya Ohn Mar menerangkan segala-galanya.

"Kita sudah tersalah orang. Kita juga sudah tersalah tempat. Beliau bukan seorang Ma Ba Tha, dan ini bukan tempat Ma Ba Tha. Tidak ada Ma Ba Tha di sekolah ini. Beliau sendiri sama sekali menolak gerakan tersebut," dedah Ohn Mar. Saya dan Roisai terkejut besar.

Tambah Ohn Mar, sebagai seorang sami, beliau tidak boleh dan tidak akan terlibat dengan politik dan pilihan raya. Adalah prinsip dalam perlembagaan negara iaitu orang-orang dari institusi agama tidak boleh terlibat dengan politik. Namun sebagai warganegara, beliau mengikuti rapat perkembangan negara. Jika disuruh membuat pilihan, beliau menyokong perjuangan NLD.

Bagi beliau, menurut Ohn Mar lagi, kerajaan tidak boleh menindas seseorang berdasarkan agama. Kerajaan harus berlaku adil kepada semua tanpa mengira

agama dan kaum. Tentang Ma Ba Tha dan Nationality & Religion Protection Law, ia sama sekali tidak mewakili nilai dan ajaran Buddha. Buddha bukan agama yang menindas dan mengajak kepada kebencian. Apa yang ditonjolkan oleh Ma Ba Tha itu hanyalah permainan politik yang lama dirancang.

Saya terutama sekali terkejut dengan apa yang baru sahaja berlaku. Biarpun lain yang dicari, lain yang kami jumpa, saya bersyukur. Tanpa dirancang, tanpa diduga; dipertemukan kami tengah hari itu dengan sami tua berhati mulia tersebut.

Roisai yang juga penganut Buddha spontan bersembahyang di hadapan sami tersebut tanda hormat yang tinggi. Mendengar pandangan beliau tentang hubungan antara manusia, politik dan sosial, malah ekonomi menjadikan tengah hari itu begitu mengasyikkan.

Selesai temuduga yang akhirnya berlarutan panjang, kami meninggalkan sekolah dhamma tersebut dengan hati yang lapang. Sepanjang minggu kami dihimpit dengan kisah-kisah yang tidak pernah baik dan sentiasa negatif, adalah sesuatu yang melapangkan dada apabila bertemu kisah yang sebegini.

Kami pulang ke tuk tuk dan bertanya kembali kepada pemandu tentang lokasi sekolah dhamma milik Ma Ba Tha yang sebenar. Beliau akui bahawa beliau tidak mahu kami ke sana, dan sengaja diturunkan kami ke tempat yang salah. Beliau tidak menyukai Ma Ba Tha dan tidak mahu bertemu dengan mereka. Setelah diyakinkan oleh Ohn Mar, kami akhirnya dibawa ke tempat sebenar - hanya beberapa ratus meter dari tempat yang kami kunjungi sebelumnya.

Jantung saya kembali berdebar.

Dari Trump ke Le Pen, satu realiti politik baharu

Oleh **ABU FIRDAUS**

FENOMENA ini, yang dikatakan sebagai populis boleh dikira bermula dari penyertaan Donald Trump ke dalam persaingan untuk jawatan Presiden Amerika Syarikat hinggalah pada pilihan raya terbaru ini, iaitu di Perancis.

Pada waktu terdekat ini pusingan kedua pula pilihan raya presiden Perancis akan diadakan. Ini diikuti dengan pilihan raya umum Britain pada Jun depan. Kemudian diikuti pula dengan pilihan raya presiden Korea Selatan dan Canselor Jerman juga.

Trump mula bersaing untuk pilihan raya Presiden Amerika pada tahun 2015 untuk menjadi calon bagi mewakili Parti Republikan. Pada tahun lalu Britain mengadakan referendum untuk menentukan sama ada mereka akan keluar

daripada Kesatuan Eropah (EU) iaitu Brexit atau tidak.

Tidak lama kemudian berlaku pilihan raya presiden Filipina. Selepas itu berlaku pilihan raya presiden Amerika. Ini diikuti dengan referendum di Itali. Kemudian berlaku pilihan raya di sebuah negeri penting dalam India. Selepas itu Austria dan Belanda mengadakan pilihan raya. Kemudian berlaku pula pilihan raya bagi jawatan gabenor Jakarta.

Ada satu ciri yang tidak biasa dalam fenomena populis ini, iaitu kesanggupan para pengundi memilih calon yang bukan ditunjangi oleh parti politik tradisional atau arus perdana.

Mungkin calon itu terkenal tetapi gerakan yang menjadi wadahnya adalah baharu dan pastinya tidak mempunyai jentera akar umbi yang mapan. Ada antaranya menggunakan juga parti arus perdana tetapi

kedudukannya tidak bergantung pada fahaman dalam pertubuhan berkenaan.

Contohnya Trump. Beliau bukanlah seorang tokoh politik berpengalaman walaupun namanya sudah terkenal. Parti Republikan memberi ruang padanya tetapi akhirnya berjaya menjadi presiden Amerika. Sebenarnya beliau tidaklah begitu lebih pada satu gerakan populis yang merentasi parti politik.

Di pihak Parti Demokratik pula ada Bernie Sanders, seorang yang mengakui dirinya sosialis. Beliau juga walaupun datang dari kalangan parti arus perdana tetapi memikul satu gerakan populis, walaupun dari jalur politik kiri.

Begitu juga ketika Britain mengadakan referendum. Gerakan Brexit yang walaupun digerakkan oleh parti pinggiran, Parti Kemerde-

kaan United Kingdom (UKIP) tetapi sokongan yang diterima adalah luas merentasi parti arus perdana iaitu Parti Konservatif, Parti Buruh dan Parti Liberal Demokratik. Gerakan populis ini membawa kemenangan pada Brexit.

Gerakan di luar parti arus perdana ini berlaku di Filipina, Itali, India, Austria, Belanda, Turki, Indonesia dan paling akhir ialah Perancis, yang pilihan raya presidennya masih berlangsung.

Sememangnya parti arus perdana meraih kejayaan dalam pilihan raya yang disebut itu. Walaupun Parti Republikan yang mendokong Trump adalah arus perdana tetapi kemenangan beliau adalah atas sebab gelombang populis merentasi parti politik.

Paling ketara ialah pilihan raya presiden Perancis bagi pusingan pertama. Kedua-dua parti arus

perdana, Republikan dan Sosialis tidak dapat masuk pusingan kedua. Undi calon komunis lebih tinggi daripada sosialis.

Calon yang dapat tempat pertama ialah Emmanuel Macron. Partinya bukan arus perdana dan baru ditubuhkan. Sebenarnya ia lebih pada gerakan Le March. Beliau pernah menjadi menteri ekonomi di bawah kerajaan Sosialis. Tetapi dalam pilihan raya ini, beliau dapat mengalahkan kedua-dua Parti Republikan dan Sosialis.

Pesaingannya dalam pusingan kedua pilihan raya itu adalah calon dari Front Nasional, Marine Le Pen yang berfahaman nasionalis. Ia juga bukan parti-arus perdana. Gerakan populis membawa kedua-duanya ke depan. Politik dunia sedang berubah. Parti-parti arus perdana dunia sedang berada pada penghujung hayatnya.

JEMAAH

Oleh AHKARIM

DIA mati di tangga masjid ketika melangkah masuk untuk solat subuh. Langkah kanannya sudah melepasi bendul setinggi tiga inci. Doa masuk masjid dilafaznya agak kuat tetapi setakat Allahummaftahli zunubi..., dan tiba-tiba dia rebah.

Cita-citanya, yang selalu menjadi pengakhir kepada doanya ialah agar Allah menghantar Malaikat maut untuk mengambil nafas akhirnya ketika dia solat di masjid. Lebih baik ketika dia sedang sujud akhir solat Tahajjud. Itu doa dan harapannya.

Anak bungsunya, Aminah, tahu tentang doa dan harapan ayahnya itu. Dalam kesedihan dia gembira apabila ayahnya mati di tangga masjid. Apatah lagi kematian ayahnya di waktu jutaan manusia masih diulit mimpi dalam kedinginan pagi.

"Ayahku Cikgu Haji Ghofuz bin Amar menghembus nafas terakhirnya di hening pagi ini ketika melangkah masuk masjid pada jam 5.02 pagi. Kekawan tolong doakan agar rohnya dicucuri limpahan Rahmat dari Allah yang Maha Kuasa." Itu masukan status Facebooknya.

Dalam masa satu jam selepas berita tentang kematiannya tersebar, rumahnya mula didatangi sahabat dan taulan. Bersama terbit matahari, menghampiri waktu dhuha, penuh perkarangan rumahnya dengan pengunjung dari jauh dan dekat. Kedua-dua isterinya tidak bergerak dari sisi jenazah sehingga diusung untuk dimandikan.

Sembilan orang anaknya sudah sedia dengan wajah murung menyambut pengunjung. Tiga lagi anaknya berada di luar negara: seorang di Pesantren Ciligon, Jakarta dan dua orang di Mesir.

Anak lelaki sulungnya mengimamkan solat jenazah di anjung rumah. Kerana pengunjung terlalu ramai maka solat terpaksa dibuat sebanyak empat kali melimpah keluar ke perkarangan rumah. Di perkuburan kariah masjid Kampung Langgar, Talkin dibacakan dengan penuh suasana kesedihan. Masih ramai pengunjung yang lewat datang terus ke kubur.

Mat Rasid Al-Langgari, kawan karib dan orang harapannya, sentiasa sibuk ke kiri ke kanan dari awal pagi. Dialah yang menguruskan segala-galanya: daripada menyebarkan berita kematian sahabatnya itu ke seluruh pelosok negara, memimpin musyawarah keluarga arwah bagi menetapkan urusan pengebumian sehinggalah selesai jenazah dikebumikan.

Tetapi Mat Rasid Al-Langgari tidak berpuas hati. Dia meradang. Dari mula pengunjung datang dia terancang-cangak tertinjau-tinjau seolah-olah mencari seseorang. Telefon bimbitnya tak henti-henti

berdering. Sambil itu dia terus juga menyambut pengunjung-pengunjung yang datang dari jauh dan dekat.

Dia memastikan mereka dapat masuk ke ruang sempit rumah arwah di mana jenazah terbaring untuk mendoakan si mati. Dia mesti memastikan rakan seperjuangan almarhum dapat masuk menatap buat kali terakhir wajah rakan pejuang yang mendahului mereka.

Tetapi mana Ustaz Min, Datuk Rohaizad, Non Toyu, Ustaz Ilham, Ustazah Sakinah... ah, banyak lagi. Mana mereka semua?

Mat Rasid Al-Langgari hampir memekik menjerak Tok Guru Awang Kecik yang datang selepas jenazah disimpan. Tetapi mujurlah dia sempat beristigfar dan berjaya mengawal diri. Namun dia terlepas cakap juga.

"Ana sungguh tak sangka. Sampai hati puak Tuan Guru, puak Ustad-Ostad tak datang tengok arwah buat kali terakhir. Subhanallah! Ini ajaran apa ni?" Setakat itu keterlanjuran kata-katanya.

Jemaah memilih jalan lain untuk sampai ke syurga. Ayah memilih untuk tidak istiqamah dengan pemimpin lama yang cuba membawa bahtera yang hampir bocor dek bersekongkol dengan musuh yang selama ini mereka cuba kalahkan.

"Ayah kecewa. Semenjak ayah di sekolah lagi ayah memilih wadah Jemaah, menyokong dan berjuang untuk melawan kemungkaran. Ayah kena tukar ke sekolah jauh di ulu banat. Ayah tak naik pangkat. Ayah dibuang daerah. Semua kerana perjuangan bersama Jemaah. Apa yang ayah tak buat demi Jemaah; perhimpunan mana, demo mana yang ayah tak hadir, ceruk mana yang ayah tak masuk berkempen. Lumat!"

Aminah masih ingat kata-kata ayah sebaik sahaja ayahnya membuat keputusan untuk mufarakah dari Jemaah yang sangat disayanginya itu. Keputusan yang cukup berat walau dipujuk dan dirayu ramai rakan seperjuangannya yang masih istiqamah dengan pemimpin lama atas satu alasan ówala'.

Tetapi ada satu perkara yang ayah tidak ungkit. Sehingga dia mati perkara itu tidak pernah terkeluar dari mulutnya. Tetapi semua rakan tahu. Semua anak-isterinya tahu: Dia telah mewakaf sekeping tanah

pun memegang sebarang jawatan rasmi walaupun dari serba-serbi sudut dia lebih layak dari kebanyakan ahli yang memegang jawatan dalam Jemaah. Dia pesara guru berijazah.

Hanya seorang saja yang berani bersuara ó Mat Rasid Al-Langgari. Namun dia juga kecundang walau entah berapa kali memujuk Cikgu Haji Ghofuz agar memegang paling kurang Ketua Cawangan. Apapun, walau tanpa sebarang jawatan, semua keputusan Jemaah cawangan wajib terlebih dahulu merisik pendirian Cikgu Haji Ghofuz. Sungguhpun dia tidak pernah membangkang, namun Jemaah Bahagian tidak pernah membelakanginya.

Apabila dia mengundur diri dari Jemaah lama, Mat Rasid Al-Langgari yang turut mufarakah dan menyeberang ke Jemaah baru, sentiasa mendampingi. Dan apabila Cikgu Haji Ghofuz diambil pergi ke alam baqa, dia orang yang paling sedih.

Sungguhpun jenazah almarhum telah selamat disemadikan selepas solat Zuhur tadi, rumahnya masih ramai selepas waktu Asar dengan saudara-mara, anak-cucunya, jiran-jiran dan sahabat-sahabat yang masih datang dari jauh. Ada yang terus ke kubur dan kemudian datang pula ke rumah untuk mengucapkan takziah.

JANGGUT PUTIH

Mat Rasid Al-Langgari tidak sampai hati meninggalkan keluarga sahabatnya yang paling akrab itu walau seharian sibuk. Jubah dan serbannya kelihatan lusuh kusam. Janggut putihnya kelihatan berceragah tak terurus. Wajah muramnya membuat perawakan bengisnya lebih terserlah. Dua tiga kenalan yang masih datang disambutnya juga walau keletihan.


Hampir azan Maghrib sebuah kereta berjenama mewah memasuki laman. YB Datuk Ustaz Man dan Datin Ustazah Siti keluar dari kereta. Aminah dan ibunya berdiri di pinggir anjung menyambut kedatangan mereka. Setelah mengucapkan takziah dan menyatakan simpati atas pemergian Allayarham, Datin Ustazah Siti menghulur sebuah sampul kepada ibu Aminah.

"Ini dari Jemaah. Tak banyak, satu K sahaja. Buatlah majlis tahlil..." Ibu Aminah tidak mengambil. Aminah menggamit Mat Rasid.

Apabila Mat Rasid menghampiri mereka Datin Ustazah Siti menghulur sampul itu kepadanya. Dia menyambut dan melihat tulisan di luar sampul: Sumbangan Ikhlas Dari Jemaah Buat Keluarga Allahyarham Cikgu Haji Ghofuz Bin Amar ó RM1,000.00.

Dia memicit-micit sampul itu sambil merenung wajah Aminah dan ibunya. Aminah membuat isyarat tangan menolak. Ibu Aminah menggeleng lembut. Tiba-tiba seekor syaitan mencengkam tengkuknya menyuruh dia mencampakkan duit itu ke muka YB Datuk dan Datin. Lidahnya terasa ringan mahu melipat kata nista. Tetapi mujurlah, Mat Rasid Al-Langgari sedar lalu beristigfar dan tidak melanggar susila ukhawah. Dia memulangkan sampul itu kepada YB Datuk Ustaz Man.

"Terima kasih sajalah. Saya bagi pihak waris arwah sedekah balik kepada Jemaah. Jika ada sebarang hutang arwah terhadap Jemaah tolong maklum supaya warisnya dapat membayar. Waris juga minta ampun dan maaf bagi pihak arwah jika arwah Cikgu pernah melakukan sebarang kesilapan terhadap Jemaah. Terima kasih kerana sudi mengunjung."



Mujur Tok Guru Awang Kecik tidak menjawab. Dia menyesal kerana Tok Guru Awang Kecik orang yang baik dan istiqamah dalam perjuangannya. Dia tak seharusnya mengeluarkan kata-kata itu kepada Tok Guru yang dihormati ramai itu yang datang juga walau terlewat.

Aminah tahu dan dapat merasa kekecewaan Mat Rasid. Malah ibunya dan adik-adiknya sedar ramai kawan-kawan seperjuangan almarhum yang tidak hadir. Mereka amat mengenali rakan-rakan seperjuangan ayah mereka yang sama-sama tidur bangun, makan setalam, menderu ke hulu hilir, sejak berpuluh tahun dalam Jemaah perjuangan yang mati-matian mereka turut mendukung. Tak usah kira duit ringgit, entah berapa banyak telah mereka korban untuk Jemaah.

Sungguh mengecewakan kerana mereka semua ibarat satu keluarga besar satu masa dahulu. Ya, satu masa dahulu sehingga ayah memilih untuk tidak bersama setelah pemimpin tertinggi

pusaka seluas lapan relog tiga penjur yang strategik letaknya kepada Jemaah untuk membina sebuah kompleks Jemaah. Dia pernah berpesan kepada anak isterinya agar jangan sekali-kali menyebut perkara itu kepada siapapun. Kini Kompleks Jemaah itu lengkap dengan sebuah bangunan dua tingkat yang besar tersergam dan sebuah bangunan masjid yang tersergam indah di laluan utama. Semuanya hasil pengorbanan Cikgu Haji Ghofuz.

"Ayah kamu akan jadi calon PRU nanti. Kalau menang pasti dilantik jadi exco jika Jemaah dapat memerintah negeri." Aminah ketawa besar apabila diberitahu oleh Ketua Muslimat. Itu cerita tiga penggal yang lalu. Ayahnya menolak bulat-bulat.

"Awak ingat aku berjuang ni untuk jawatan, untuk pangkat, untuk kesenangan dunia!?" Ayahnya menjerak. Selepas itu tidak ada biji mata lagi yang berani mencalonkan dia untuk sebarang jawatan.

Sesungguhnya selama hampir lima puluh tahun dia aktif dalam Jemaah dia tidak

Sambut Aidilfitri tanpa rumah

Oleh AMNI JAGAT

JOHOR BAHRU: "Raya tahun ini kami sambut tanpa rumah berteduh," kata Setiausaha Jawatankuasa Bertindak Kampung Bakar Batu Perling, Norman Abd Hamid.

Norman meluahkan keluh kesahnya apabila notis pengosongan kediaman penduduk telah dikeluarkan dan mereka perlu mengosong rumah sebelum 9 Mei ini.

Beliau serta penduduk kampung telah membuat pelbagai usaha untuk menyelamatkan kampung mereka dari diambil pemaju yang ingin membangunkan tapak kampung tersebut tetapi gagal.

"Sudah macam-macam usaha kami lakukan untuk menyelamatkan kampung kami dari perobohan oleh pihak pemaju tetapi segala usaha kami gagal dan tidak

mendapat jawapan yang baik.

"Ramai penduduk kampung yang tinggal di sini tidak memiliki rumah lain hanya ini sahajalah rumah kami. Ada yang mengeluh termasuk saya memikirkan soal hari raya tahun ini.

"Kami tidak mampu menyambut Aidilfitri seperti sebelum ini dan silap-silap kami mungkin menyambut lebaran di bawah bumbung langit," ujar Norman sayu.

Bagaimanapun katanya, semangat penduduk kampung tidak pernah pudar.

Beliau bersama tiga wakil penduduk kampung sekali lagi bertemu Ahli Parlimen Pulau Datuk Nur Jazlan Mohamad bagi menyerahkan memorandum namun tidak dilayan.

"Dia (Nur Jazlan) kata 'kalau awak semua nak pindah saya tolong tapi kalau awak semua nak



Norman memberi penerangan kepada penduduk tentang perkembangan terbaru kampung mereka.

tinggal lagi terpulanglah pada awak semua'.

"Kenyataan Nur Jazlan itu memang meruntun hati kami sedangkan kami ini semua pengundi beliau dan sehingga hari ini masih

lagi bersemangat mempertahankan kampung kami dari diroboh," ujarnya lagi.

Naib Pengerusi AMANAH Johor, Suhaizan Kaiat menjelaskan kerajaan negeri telah menjual

tanah kediaman penduduk kepada sebuah syarikat pemaju.

Beliau menasihati penduduk agar mengambil 'tindakan politik' dengan tidak mengundi BN dalam pilihan raya umum akan datang memandangkan ruang perundangan tidak menyetujui mereka.

"Selain ruang perundangan yang dibawa penduduk sebelum ini, terdapat ruang gerakan politik bagi mendesak isu kampung ini diselesaikan dan penduduk harus memberikan kata dua kepada kerajaan negeri," tegas beliau.

Ceramah solidariti yang berlangsung di perkarangan surau kampung itu turut dihadiri Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub, Setiausaha Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Johor Datuk Osman Sapian, Pengerusi Keadilan Johor Hassan Karim, Adun Pengkalan Rinting Cheo Yee How dan seluruh penduduk kampung Bakar Batu.

Sembang kedai kopi AMANAH Johor

PULAI: Program Sembang Kedai Kopi siri ke-3 berlangsung di sebuah restoran di Pulau Jaya, dekat sini.

Program yang diadakan hampir setiap minggu ini membariskan beberapa pemimpin Pakatan Harapan (PH).

Untuk tema kali ini, Sembang Kedai Kopi membawa isu 'Rasuah Johor di mana MB Khaled Nordin?' yang menyentuh dakwaan rasuah membabitkan bekas ahli Exco Kerajaan Negeri.

Program yang berlangsung secara santai ini membariskan Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub, Pengerusi Keadilan Johor Hassan Karim, Timbalan Pengerusi AMANAH

Johor Dzulkefly Ahmad dan bekas menteri yang kini aktivis DAP, Datuk Zaid Ibrahim.

Majlis dimudahcarakan oleh Naib Ketua Pemuda AMANAH Johor Mohd Azam Mektar.

Dzulkefly ketika bercakap hairan mengapakah Datuk Abdul Latif Bandi dibiarkan keserongan menjalani 33 pertuduhan yang dikenakan terhadapnya.

Ketua AMANAH Kawasan Gelang Patah itu yakin Menteri Besar Datuk Seri Mohammed Khaled Nordin turut mengetahui penyelewengan kuota bumiputera kepada bukan bumiputera kerana penukaran status hak milik ini di bawah portfolio Jabatan

Hasil Bumi yang dipengerusikan olehnya.

Di masa yang sama, beliau turut khawatir pendakwaan kes ini mempunyai kaitan dengan permainan politik pemimpin Umno pusat dan negeri.

Kerajaan Pusat ujan sperti ingin 'mengkambinghitamkan' kerajaan negeri yang dilihat tidak sealiran dengan Perdana Menteri.

Salahuddin pula mahu kepentingan rakyat didahulukan dalam isu ini dan bukan kelompok politik tertentu.

SPRM tegasnya perlu memberi penjelasan sama ada wujud siasatan membabitkan Menteri Besar dalam isu ini atau hanya



Dari kiri Hasan, Dzulkefly, Salahuddin dan Zaid pada program Sembang Kedai Kopi AMANAH Johor.

AMANAH Nibong Tebal tambah lima lagi cawangan

NIBONG TEBAL: AMANAH Kawasan Nibong Tebal terus berkembang dengan pelancaran lima cawangan penaja di bawah pimpinan Dr Roslan Ahmad dan pasukannya.

Pengerusi AMANAH negeri Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa telah merasmikan pelancaran cawangan-cawangan AMANAH itu dalam satu majlis ringkas

baru-baru ini.

Bersempena dengan majlis tersebut turut diadakan program bantuan kepada golongan asnaf.

Turut hadir Ahli Lembaga Pengarah Zakat negeri Aida Yusof Rawa.

Aida yang juga Ketua Awan Negeri ketika berucap berkata, Zakat Pulau Pinang berjaya mengutip RM96 juta wang zakat daripada orang

ramai dan badan korporat.

Kutipan yang diperolehi, ujarnya diagih secara telus kepada golongan asnaf.

Seusai majlis, Aida melawat golongan asnaf untuk memudahcara permohonan yang masih tertunggak.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai Fadzil Abdullah.



Dr Mujahid berucap melancarkan lima cawangan AMANAH dalam kawasan Nibong Tebal di Dewan JKKK Bandar Tasek Mutiara, 16 April lalu.

Pikat merbuk jadi produk pelancongan

PARIT BUNTAR: Lebih seribu peminat dan pemikat burung merbok berhimpun di Bagan Tiang bersempena Pertandingan Memikat Burung Merbok yang dianjurkan Persatuan Merbuk King.

Pertandingan Memikat Burung Merbok berlangsung di Dewan Serbaguna Mukim Bagan Tiang bermula jam 8 pagi hingga 12 tengahari.

Penyelaras Pertandingan Muhamad Yusuf Ishak berkata, pertandingan kelolaan Persatuan Merbuk King ini telah disertai hampir 200 peserta.

"Pertandingan ini bukan sahaja menghimpunkan peserta dari seluruh

daerah Kerian, sebaliknya turut mendapat sambutan peserta dari Palau Pinang, Kedah dan Perlis.

"Peserta yang bertanding berkongsi kegemaran sama, bertukar pendapat dalam kepelbagaian teknik memikat burung termasuk mendidik burung yang dijadikan denak," katanya yang berasal dari Bagan Tiang.

Menurutnya, pelancaran pertandingan ini disempurnakan Ketua AMANAH Parit Buntar Ir. Muhammad Sufian Ahmad dengan melepaskan 40 ekor burung merbok sebagai simbolik pelancaran.

"Hadiah telah disumbangkan Ahli Parli-

men Parit Buntar dan beberapa ahli politik dan korporat di daerah Kerian.

"Pegawai Khas Ahli Parlimen Parit Buntar, Hamdan Fadel Ahmad mewakili Ahli Parlimen Parit Buntar menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan," katanya.

Sementara itu, Ketua AMANAH Parit Buntar Ir. Muhammad Sufian Ahmad berkata, hobi memikat dan memelihara burung merbok adalah aktiviti golongan bangsawan Melayu pada zaman dahulu

namun generasi muda kini semakin berminat untuk mewarisi aktiviti ini.

"Aktiviti seni tradisional ini selain menghiburkan, memerlukan kemahiran dan kesabaran yang tinggi setiap peserta.

"Saya ucap tahniah kepada penganjur yang berjaya menganjurkan pertandingan yang unik dan menarik ini," katanya ketika ditemui selepas melancarkan pertandingan itu.

Beliau turut menyarankan kerajaan negeri mengangkat aktiviti seni tradisional

ini untuk dijadikan produk pelancongan.



Ir Muhammad melepaskan 40 ekor burung merbok simbolik melancarkan pertandingan.



Hamdan Fadel menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Program dialog dan lawatan dekati masyarakat

TASEK GELUGOR: Usaha AMANAH Kawasan Tasek Gelugor untuk mendekati rakyat diterjemahkan dalam pertemuan santun dengan penduduk bertujuan mendengar cadangan dan masalah yang dihadapi mereka.

Program Santuni Rakyat itu dikendalikan Pegawai Penyelaras Kadun (PPK) Sungai Dua, Rosli Hasan dan ahli jawatankuasanya.

Menurut Rosli, program ini membuka ruang kepada masyarakat untuk berdialog

tentang masalah yang dihadapi khususnya isu keselamatan dan masalah bendang.

Majoriti penduduk di kawasan Sungai Dua mengusahakan sawah.

"Selain itu program ini membuka ruang untuk orang kampung mengetahui pencapaian dan usaha yang dilakukan oleh kerajaan Pakatan Harapan negeri yang peduli rakyat," ujarnya lagi.

Pengerusi AMANAH negeri Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa turut hadir bersama penduduk dan

memberikan taklimat semasa.

Selain berdialog, pemimpin AMANAH turut mengadakan lawatan ke kawasan persekitaran untuk mendengar aduan penduduk bagi diambil tindakan segera.

Ahli Majlis Seberang Perai, Zulkifli Ishak turut hadir untuk mengambil tindakan kepada masalah yang diajukan penduduk.

Turut hadir Pengerusi AMANAH Kawasan Ustaz Fahmi Abu Bakar dan ahli jawatankuasa AMANAH kawasan.



Dr Mujahid menyapa seorang warga emas pada program 'walk about' AMANAH Tasek Gelugor.



Makan malam kumpul dana parti

GEORGETOWN: AMANAH Bukit Bendera bergerak selangkah lagi dengan mengadakan makan malam kutipan dana untuk aktiviti parti.

Pengerusi AMANAH Kawasan Bukit Bendera Ustaz Takiyudin Hamzah melahirkan rasa gembira dengan sambutan orang ramai apabila 50 meja habis dijual dengan kehadiran yang menggalakkan.

Lai (kiri) bergambar bersama Dr Mujahid seusai majlis.

Majlis diadakan di sebuah pusat membeli belah tepi laut di Tanjung Tokong.

Naib Pengerusi AMANAH kawasan Lai Kong Hooi yang juga pengarah program berpuashati dengan kejayaan majlis makan malam AMANAH yang diadakan di tempat tumpuan umum dan mendapat sambutan ramai.

Orang ramai juga, tambah beliau berkesempatan menderma

di majlis makan malam penuh meriah itu.

Presiden AMANAH Mohamad Sabu berucap pada malam itu bersama Ahli Parlimen Bukit Bendera Zairil Khir Johari.

Turut hadir menyantuni para hadirin ialah Pengerusi AMANAH negeri Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa dan para pemimpin AMANAH kawasan.

Ladang Rakyat tiada hak serah tanah pada syarikat pemaju

Mahkamah benar tuntutan Orang Asli

KOTA BHARU: Mahkamah Tinggi Kota Bharu 23 April lalu membuat keputusan memihak kepada Orang Asli dalam kes Pos Belatim, Ulu Nenggiri, Gua Musang.

Pihak mahkamah bersetuju dengan tuntutan masyarakat Orang Asli yang mahukan pengisytiharan bahawa tanah yang diserahkan syarikat perladangan milik kerajaan negeri, Ladang Rakyat kepada pemaju

adalah tidak sah.

Pihak mahkamah juga mengarahkan semua perjanjian antara pihak Ladang Rakyat dan pemaju dibatalkan.

Jurucakap Orang Asli, Musatafa Along yang bercakap kepada media melahirkan kesyukuran atas keputusan bersejarah itu. "Kami Orang Asli amat bersyukur dengan keputusan ini dan berharap pada masa depan kami dirundingi bersabit pembangunan hutan.

"Kes ini telah berlarutan sejak 2011 dan keputusan hari ini amat bermakna," katanya.

Berkenaan isu 'blokade' (sekatan) yang melibatkan pertembungan antara Orang Asli, Mustafa berkata keputusan ini menyebelahi mereka.

"Ini menunjukkan usaha kami menghalang pembalakan adalah betul dan kami akan teruskan usaha pertahankan hutan.

"Apa yang kami buat adalah untuk menjaga alam sekitar dan sepatutnya disokong oleh semua pihak," katanya,

Sementara itu AMANAH Kelantan me-

nyifatkan keputusan tersebut menyebelahi kebenaran yang sepatutnya diperolehi masyarakat orang Asli.

"Mereka adalah penduduk sebenar hutan sejak turun temurun dan tentulah hak mereka tidak boleh dipertikaikan.

"Pihak pentadbiran kerajaan mesti mengkaji semula sebarang keputusan berkaitan kawasan hutan dengan memberi perhatian kepada Orang Asli," kata Naib Pengerusi AMANAH Kelantan, Che Ibrahim Mohamed kepada media selepas mendengar keputusan berkenaan.

Keputusan ini juga kata beliau membabitkan kawasan tanah rizab Melayu yang melibatkan kawasan yang diduduki Orang Asli.

"Akta Tanah Rizab Melayu 1934 juga tidak boleh diguna pakai di kawasan mereka jika keputusan hari ini diambil kira.

"Memang realitinya pendudukan Orang Asli di tempat sekarang jauh lebih lama sebelum kewujudan akta ini," katanya.



Che Ibrahim mengalu-alukan keputusan mahkamah menyebelahi masyarakat Orang Asli.

Konvensyen PH Wilayah lulus enam usul

KUALA LUMPUR: Konvensyen Pakatan Harapan (PH) Wilayah Persekutuan yang berlangsung 23 April lalu mengemukakan enam resolusi untuk diberikan perhatian oleh kerajaan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Konvensyen turut kesal dengan tindakan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Mansor yang secara sengaja tidak mewartakan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020.

Malah Pelan Bandaraya Kuala Lumpur itu digantikan dengan pelan baru di bawah Transformasi Nasional 50 (TN50) yang berakhir pada 2050.

Pakatan Harapan Wilayah Persekutuan yakin pertukaran pelan itu akan menjejaskan dasar asal kerajaan yang ingin menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Kelas Dunia pada 2020.

Pakatan Harapan Wilayah Persekutuan turut melahirkan keprihatinan mendalam terhadap amalan korupsi dalam pentadbiran kerajaan, kemelesetan ekonomi, pengangguran di kalangan orang muda yang meningkat, kadar jenayah yang tinggi dan

pelbagai masalah negara.

Faktor-faktor ini menyuburkan peluang Pakatan Harapan untuk menggantikan tampuk pemerintahan negara.

Konvensyen sehari itu dihadiri Setiausaha Sekretariat Pakatan Harapan Datuk Saifuddin Abdullah, Naib Presiden Bersatu, Datuk Rashid Asari, Ketua Pengarah Pilihan Raya AMANAH Nasional Dr Hatta Ramli dan Naib Pengerusi DAP Teresa Kok.

Enam resolusi yang diputuskan Konvensyen PH Wilayah Persekutuan adalah:

1. Mendesak Kementerian Wilayah Persekutuan mewartakan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 dengan serta-merta, dan DBKL digesa untuk hanya meluluskan pembangunan projek mengikut kegunaan tanah yang ditetapkan dalam Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020.

2. Mendesak DBKL untuk menaik-taraf sistem perparitan di tempat-tempat yang kerap berlakunya banjir kilat di sekitar Kuala Lumpur.

3. Memberi amaran kepada pemimpin Umno-BN supaya tidak menggunakan nama Yayasan

Wilayah Persekutuan untuk membangunkan projek yang bertujuan menjaga kepentingan kroni Umno-BN; serta mendesak pemimpin Umno-BN dan penjawat tinggi DBKL untuk meletak jawatan di Yayasan Wilayah Persekutuan bagi menjadikan Yayasan Wilayah Persekutuan sebagai organisasi yang neutral.

4. Mendesak agar Kerajaan Pusat membatalkan projek insinerator di Kepong yang akan mengancam keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan penduduk di kawasan tersebut; serta menyeru Kerajaan Pusat dan DBKL meneruskan usaha 3R (reuse, reduce & recycle) yang boleh mengurangkan pembuangan sampah ke kadar sifar (zero waste), dan dengan langkah ini keperluan untuk membina insinerator tidak wujud lagi.

5. Mendesak DBKL membatalkan konsesi penswastaaan kutipan parkir kepada Vista Summerose Sdn Bhd yang banyak menyusahkan rakyat.

6. Mendesak DBKL mengkaji dan menghentikan pengeluaran lesen perniagaan kepada warga asing, dan memberi keutamaan kepada warga negara.



Para pemimpin utama Pakatan Harapan di Konvensyen PH Wilayah Persekutuan.

Kerajaan negeri dituntut mohon maaf

KERAJAAN Negeri Kelantan dituntut memohon maaf kepada Orang Asli ekoran keputusan Mahkamah Tinggi Kota Bharu 23 April lalu membenarkan tuntutan penduduk Pos Belatim yang menuntut pengisytiharan pengambilan tanah seluas 9,361.5 hektar di Ulu Nenggiri, Gua Musang oleh syarikat Ladang Rakyat sebagai tidak sah.

Ketua Pemuda AMANAH Kelantan Hazmi Hassan berkata, keputusan ini menunjukkan tuduhan dan tohmahan dari pemimpin Pas Kelantan sebelum ini hanya bersifat jahat dan liar apabila mendakwa Orang Asli termakan hasutan pihak tertentu.

"Oleh itu, Pemuda AMANAH Kelantan mencadangkan Kerajaan Kelantan memohon maaf kepada seluruh rakyat atas kelemahan yang serius ini.

"Tindakan segera perlu untuk membuat ukuran semula garis sempadan tanah yang telah dicerobohi, seterusnya menyerahkan semula kawasan Ladang Rakyat yang telah diisytihar sebagai hak 'tanah adat' itu kepada Orang Asli," katanya dalam satu kenyataan media.

Hakim Mahkamah Tinggi Kota Bharu Datuk Zainal Azman Ab Aziz mengisytiharkan pengambilan tanah oleh syarikat Ladang Rakyat adalah tidak sah sekaligus membatalkan pembangunan seluas 1,000 hektar oleh Kerajaan Kelantan di kawasan terbabit.

Keputusan mahkamah itu kata Hazmi, memberi indikator bahawa kerajaan Pas Kelantan telah melaku-

kan suatu pelanggaran dan pencerobohan serius terhadap hak dan kehidupan Orang Asli di negeri itu.

"Sesuatu yang jelas dilarang keras dalam ajaran Islam," katanya.

Lebih menghairankan katanya, apabila pemimpin Pas Kelantan masih membisu tanpa sebarang respons berhubung keputusan mahkamah itu.

"Sedangkan sebelum ini terdapat pimpinan Pas Kelantan yang dengan angkuhnya menyatakan bahawa isu ini tidak berasas dan Orang Asli sekadar mahu memburukkan kerajaan Pas sahaja," katanya.

Bagi beliau, ini adalah suatu lagi siri kegagalan kerajaan Pas Kelantan dalam membela nasib rakyat.

"Bahkan telah menzalimi rakyat dalam isu pencerobohan tanah Orang Asli ini," katanya.

Beliau bagaimanapun khuatir insiden pencerobohan ini bukan kes terakhir memandangkan pelbagai isu berkaitan hak milik tanah dan kebajikan rakyat, serta salah laku urus tadbir yang masih diperkata rakyat sejak kebelakangan ini.

"Bangkai gajah manakan boleh ditutup dengan nyiru dan kefasihan berceramah bukanlah merit jaminan tatakelola urus tadbir yang baik, walaupun imejnya ditampilkan sebagai watak agamawan, malangnya terselit cakar di sebalik helaian serban," katanya.

Sementara itu laporan lidah rasmi Pas, Harakahdaily hanya memetik sumber tanpa nama sebagai respon kerajaan negeri terhadap keputusan mahkamah itu.

Rahmat Islam jadikan manusia terbela

Oleh ZIKRI ABDULLAH

KOTA BHARU: Amalan Islam khususnya ibadat solat yang difardukan Allah SWT pada malam Israk dan Mikraj sepatutnya menjadikan penganutnya semakin bekerja keras membela golongan daif dan tertindas.

"Semakin kuat seseorang itu beribadat (mengadakan hubungan dengan Allah) sepatutnya akan semakin tinggi usahanya untuk membela orang miskin, anak-anak yatim dan mereka yang daif," kata Ketua Komunikasi AMANAH Kedah, Ustaz Ridhwan Abu Bakar di majlis forum Israk dan Mikraj di Dataran AMANAH, Wakaf Che Yeh, dekat sini, baru-baru ini.

Ibadat solat, kewajipan zakat dan membela golongan daif menurut beliau sentiasa disebut bersekali dalam ayat-ayat al-Quran.

"Malah ada dinyatakan dalam al-Quran, celaka bagi orang yang bersolat tetapi mengabaikan perkara kebajikan lain khususnya membantu anak-anak yatim dan golongan miskin.

"Malah dalam ayat lain lain, al-Quran mendefinisikan dengan jelas pendusta

agama sebagai mereka yang tidak peduli kepada kebajikan anak yatim, orang miskin dan mereka yang diabaikan," katanya.

Dengan menggerakkan misi inilah katanya, perjuangan Rasulullah s.a.w. segera mendapat tempat di kalangan orang ramai.

"Mereka segera merasai dakwah baginda sebagai rahmatan lil alamin (pembawa rahmat untuk semua) selain kebenaran yang dibawa dengan berhujah," katanya.

Menyentuh situasi semasa, beliau kesal kerana kini Islam dimomokkan dengan satu agama yang tidak mesra golongan miskin dan tertindas.

"Lebih parah Islam kini dilabel agama pegganas yang membawa malapetaka kepada dunia.

"Perkara ini perlu difahami dengan serius oleh masyarakat Islam dan usaha membetulkannya perlu dilakukan oleh semua peringkat umat Islam," katanya.

Beliau turut menegur definisi ulama dalam masyarakat masa kini.

"Ulama kini dikaitkan dengan bentuk pakaian dan penampilan sedangkan dalam definisi zaman mana pun, ulama mesti ditentukan dengan ilmu," katanya.

Pas Sabah perlu berani lapor polis dakwaan Rafizi

KOTA KINABALU: Pemuda AMANAH Sabah mencabar Pas Sabah membuat laporan polis terhadap Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli berhubung akuan bersumpah yang mendedahkan bekas pemimpin kanan Pas menerima dana melibatkan 1MDB melalui akaun Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Gesaan itu dibuat ekoran tindakan Pas Sabah membuat laporan polis terhadap Pengerusi AMANAH Sabah Hamzah Ab-

dullah ekoran status di laman Facebook beliau yang mendakwa Pas bukan hanya menerima RM90 juta tetapi RM200 juta dari sumber dana anak syarikat 1MDB.

"Kenyataan yang dibuat oleh Rafizi yang juga Ahli Parlimen Pandan boleh diakses ke seluruh dunia dan merupakan satu tuduhan yang serius.

"Tuduhan terhadap seorang individu yang dikaitkan langsung dengan Pas adalah lebih wajar diberikan perhatian berbanding sebuah 'posting' di Facebook," kata Ketua Pemuda AMANAH Sabah Khairuddin Daud.

Menurut beliau, sekiranya akuan berkanun Rafizi adalah fitnah seperti didakwa Pas, ia adalah satu kesalahan di bawah Kanun Keseksan dan boleh dihukum penjara sehingga tiga tahun dan seterusnya hilang kelayakan sebagai ahli parlimen.

Namun katanya, sekiranya tiada laporan dibuat oleh Pas siasatan tidak dapat dimulakan.

Tindakan sivil juga, tambah Khairuddin boleh menjadi pilihan kepada Pas untuk menghentikan Rafizi daripada terus membuat kenyataan yang merosakkan nama baik Pas.

"Kami hairan kerana tidak ada satu pun laporan polis atau tindakan sivil dimulakan oleh mana-mana sayap Pas atau pimpinan Pas setakat ini, oleh itu Pemuda Amanah Negeri Sabah mencadangkan agar Pas Sabah mendahului Pas negeri lain di dalam isu ini dengan membuat laporan polis," katanya.



KHAIRUDDIN DAUD



Ustaz Ridhwan (dua dari kiri) dalam majlis forum Israk Mikraj di Dataran AMANAH, Wakaf Che Yeh.

Laporan mingguan Amanah tarik simpati bantu Kamil



Oleh KHAULAH MUHAMMAD

RANTAU PANJANG: Kedaifan keluarga Kamil yang dilaporkan mingguan Amanah baru-baru ini mendapat perhatian dan pembealan aktivis AMANAH dan badan bukan kerajaan (NGO).

Penyelaras gabungan NGO Haris Mahmud berkata, pihaknya menyelaraskan kerja-kerja gotong-royong bagi menjadikan rumah Mohd Kamil Ghani sesuai dan selamat untuk diduduki.

"Kini Kamil mendapat kebenaran untuk tinggal di sebuah rumah lain setelah rumah yang dia dan keluarga duduki dahulu terlalu uzur dan perlu dibaiki.

"Rumah itu sebenarnya disewa RM50 sebulan oleh Kamil dalam keadaan yang tidak sempurna," katanya.

Menurut Haris, pemilik rumah tersebut membenarkan ianya dibaiki dan kos penambahbaikan itu akan ditolak dari harga sewa bulanan.

"Sehingga ini, kami sudah menukar atap bocor dengan atap baru dan sedang dalam

proses membaiki pulih bahagian dapur dan menyiapkan tandas.

"Kami juga sudah menyiapkan sistem bekalan air dengan menyediakan pam air bermotor dan sistem paip.

"Bagi menampung perbelanjaan harian dan persekolahan anak-anak, pihak kami juga memberi bantuan bulanan berbentuk wang tunai dan keperluan dapur," katanya.

Sementara itu Angkatan Wanita AMANAH (Awan) Kelantan turut menyampaikan derma orang ramai kepada keluarga daif ini.

Bendahari Awan negeri Ramlah Che Musa berkata, sumbangan itu diberi dalam bentuk peralatan binaan dan wang tunai.

"Kita bersyukur atas sikap prihatin pihak NGO dan ahli-ahli AMANAH yang tidak putus-putus membantu supaya keluarga ini dapat hidup seperti orang lain," katanya yang juga Ketua Awan Rantau Panjang.

Rombongan Awan turut disertai Datin Khadijah Majid, isteri pengerusi AMANAH negeri, Ahli Jawatankuasa Awan negeri Ustazah Hasnah Ibrahim serta wakil Wanita Muda AMANAH.



Laman ini disediakan untuk para pembaca memberikan idea, ulasan, aduan dan membincangkan isu-isu semasa. Surat perlulah ditulis dengan ringkas dan padat. Hantarkan tulisan anda ke wartaamanah@gmail.com untuk diterbitkan.

Mahasiswa bukan boneka parti

MINGGU lalu, saya melihat perbalahan di antara dua mahasiswa penyokong parti AMANAH dan Pas. Polemik terjadi akibat penarikan diri Presiden Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia (Gamis) ke satu diskusi yang dianjurkan oleh Prihatin Politik (Pripol).

Melihat daripada poster yang telah dimuat naik di media sosial, Presiden Gamis tersebut akan dipasangkan dengan Pengerusi Mahasiswa AMANAH Nasional. Bagi saya ia sesuatu yang menarik kerana bukanlah mudah untuk melihat dua wakil daripada kedua-dua parti yang selalu bertelagah ini untuk duduk bersama.

Apabila Presiden Gamis menarik diri daripada acara tersebut, saya tertanya-tanya apakah sebab utama penarikan diri beliau sedangkan jemputan telah pun diterima. Lebih malang sepengetahuan saya belum ada kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh Gamis berhubung isu ini.

Pengerusi Mahasiswa AMANAH Nasional telah mengeluarkan kenyataan rasmi berhubung isu ini, dan menurut beliau salah satu sebab yang diberikan adalah kengangan Presiden Gamis untuk duduk semeja dengan Mahasiswa AMANAH.

GENERASI BAHARU

Saya rasa hanya mereka yang suka dengan kontroversi mengarut sahaja yang tidak muak dengan perbalahan tanpa fakta yang berlaku diantara penyokong Pas dan AMANAH. Pergaduhan kedua-dua penyokong parti ini sering disertai dengan emosi yang melampau dan tidak mendatangkan apa-apa hujah yang bernas. Umpama suami isteri yang sudah bercerai, tapi periuk belanga masih bising dilempar ke sana sini di dapur akibat pergaduhan mereka.

Perkara yang paling teruk apabila ada penyokong fanatik kedua-dua parti cuba untuk membuktikan bahawa Islam mereka lebih 'baik dan tulen' berbanding Islam penyokong seteru politik mereka.

Mahasiswa kedua-dua parti ini harus keluar daripada kepompong kejumudan ini. Kita adalah generasi yang seharusnya 'move on' dan fokus untuk memberikan khidmat kepada mahasiswa dan rakyat.

Sekiranya kita berpeluang untuk menjadi peneraju utama parti politik kelak, hal-hal seperti ini perlu dihapuskan kerana ia tidak akan membantu kemajuan dan keharmonian negara. Apabila kita tidak puas hati atau tidak setuju dengan sesuatu yang dilakukan oleh lawan politik kita, maka kita harus mengkritik seperti orang yang waras.

Kita wajib kemukakan hujah yang kemas, berfakta dan tersusun tanpa perlu lancang mengkafirkan atau memunafikkan sesiapa. Saya berharap semoga kedua-dua mahasiswa parti ini akan mengajar dan memberikan contoh-contoh kepada mereka yang lebih tua di dalam parti bahawa kita sudah bosan dengan pergaduhan sia-sia yang tidak ke mana-mana ini. Pergaduhan ini hanya akan mengelirukan dan menyusahkan rakyat.

PARTI POLITIK SEBAGAI JARUM HALUS

Saya mengerti apabila mahasiswa telah berjanji dan bersumpah setia kepada sesuatu parti maka mereka perlu tunduk di bawah jari telunjuk pimpinan parti. Namun yang demikian kebanyakan parti politik harus memberi ruang kepada persatuan-persatuan sayap mahasiswa mereka untuk membuat keputusan sendiri setelah menilai tempat dan keadaan.

Sukar untuk persatuan mahasiswa itu untuk menjadi lebih berdikari dan kritis sekiranya 'mereka ingin buang air' tapi masih perlu mendapatkan keizinan dan ditunjukkan arah tandas. Berikan kepercayaan kepada pimpinan persatuan itu untuk menentukan hala tuju persatuan yang mereka pimpin dan saya percaya hala tuju itu boleh diasimilasikan dengan kiblat parti tanpa perlu parti ini bersifat terlalu 'possessive'.

Saya percaya sikap memberi kepercayaan kepada mahasiswa untuk menentukan perjuangan mereka merupakan satu pelaburan jangka masa panjang yang menguntungkan.

Kebanyakan aktivis mahasiswa parti ini berpotensi untuk meneruskan kerjaya politik mereka ke peringkat yang lebih tinggi, dan jika didikan berdikari mula diajarkan daripada peringkat awal lagi, pasti lebih

mudah untuk mereka mencari solusi pada krisis-krisis nasional yang dijangka semakin runcing pada masa hadapan.

Tapi jika sejak dari atas buaian para mahasiswa ini disuap secara membuta tuli, maka kita akan melihat memimpin yang sama 'fesyen' dengan pemimpin silam dihasilkan, dalam erti kata lain; tiada penambahbaikan atau keistimewaan.

MAHASISWA PARTI DAN NON-PARTI

Saya adalah orang yang gagal menerima idea perlunya mewujudkan mahasiswa parti, bagi saya mahasiswa perlu bersikap non-partisan sehingga mereka bergraduasi. Saya berpandangan demikian kerana melihat kebanyakan mahasiswa yang menyertai parti di zaman kampus hanya dijadikan kuda politik; disayang ketika perlu dan dibuang ketika sudah habis nilai.

Namun saya tetap menghormati dan mengakui kewujudan mereka. Saya fikir mahasiswa parti perlu lebih tegas dalam menerima arahan-arahan yang datang daripada pimpinan parti yang mereka sertai. Mereka tidak boleh mengikut arahan tanpa menerima justifikasi yang jelas berkenaan arahan tersebut, dan sudah tentu mereka perlu meminta ruang untuk melakukan

keputusan sendiri terhadap perkara-perkara yang difikirkan wajar.

Paling utama untuk mahasiswa parti adalah memastikan parti-parti ini menyediakan 'safety net' untuk mereka sekiranya aksi-aksi yang bakal dilakukan memungkinkan untuk mereka dihukum.

Bagi mahasiswa non-parti pula, kita bebas untuk melakukan apa sahaja yang kita ingini tanpa dikekang oleh sesiapa. Namun kelemahan utama kita adalah kita tidak memiliki 'bapa' untuk membantu dan memberikan sokongan sepanjang perjuangan yang sukar ini. Oleh sebab itu, kita seharusnya sedar ramuan yang akan memberi kejayaan adalah solidariti dan kebergantungan antara satu sama lain. Kita boleh meninggalkan mahasiswa parti dengan jauh sekiranya kita memiliki ekonomi dan struktur persatuan yang sistematik.

KESIMPULAN

Mahasiswa bukan sahaja pemimpin hari esok, tapi merupakan seorang pemimpin pada hari ini. Seorang pemimpin tidak mungkin akan mencetuskan idea atau solusi yang bernas sekiranya tangan dan akalunya dirantai oleh pihak-pihak tertentu. Biarkan mahasiswa melakukan keputusan dan menentukan hala tuju mereka, jangan dicorak mahasiswa mengikut acuan lama.

■ RAHMANIMUDA
melalui e-mel



IKLANEKA @ AMANAH

JOM IKLAN!

LUASKAN PASARAN PERNIAGAAN ANDA

MENAPA KAMI RAKAN PENGIKLAN TERBAIK ANDA?
 Akhbar Amanah dipimpin oleh beberapa jurnalis yang berpengaruh dan dipadatkan dengan beberapa artikel dari pemimpin utama dari arus perdana parti pembangkang Malaysia.

Masa depan akhbar Amanah memperlihatkan peluang capaian pembaca yang tinggi disebabkan kualiti artikel dan rencana yang disiarkan. Capaian pembaca yang tinggi akan meningkatkan jumlah jualan produk pengguna yang memberangsangkan jika mana-mana syarikat berminat untuk mengiklankan produk mereka dengan akhbar Amanah.

Amanah juga mempunyai pembaca merentasi pelbagai golongan dalam masyarakat serta cuba mengambil ruang kosong yang ditinggalkan oleh beberapa akhbar pembangkang yang lain pasca PRU13 yang lalu.

PENGENALAN AKHBAR AMANAH

Pada 18 Mac 2016, KDN secara rasmi mengeluarkan permit untuk akhbar ini dengan dinamakan Amanah. Sehingga kini, permintaan masyarakat kepada akhbar ini sangat baik dengan jumlah langganan yang senantiasa meningkat. Akhbar ini diedarkan di seluruh Negara dengan capaian hampir 500,000 pembaca dari pelbagai latar belakang.

ia bukan sekadar tertumpu menyiarkan berita berkaitan Parti Amanah Negara, malah turut menyiarkan berita berkaitan parti pembangkang yang lain serta menyiarkan apa saja berita yang tidak mendapat liputan yang adil oleh akhbar arus perdana.

SAIZ IKLAN

MUKA SURAT DEPAN	IKLAN 2	IKLAN 3	IKLAN 4	MUKA SURAT BELAKANG
IKLAN 1				IKLAN 5

PROMOSI HEBAT 2017
DISKAUN 20%

MEDIA ALTERNATIF PILIHAN RAKYAT MALAYSIA

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Rakan Media Akhbar Amanah:

HUBUNGI

+6019 207 6801 (En. Amim)

+6013 267 5766 (En. Hadi)

saadamediahq@gmail.com

Mengapa tolak pendidikan seks?

RAMAI yang salah faham tentang istilah pendidikan seks ini. Saya pun silap guna istilah ini. Istilah yang tepat ialah PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF.

Apa yang sering terlintas dalam fikiran kebanyakan orang bila menyentuh tentang pendidikan seks adalah sesuatu perbuatan yang berbentuk atau mendorong kepada perbuatan lucah.

Sudah tentu sukar untuk mereka terima kerana bertentangan dengan nilai dan norma agama dan masyarakat Timur.

Sebenarnya, pendidikan seks bukan mengajar teknik perlakuan seks atau teknik bersengama tetapi lebih berbentuk pendidikan kepada golongan remaja untuk memahami bagaimana menghormati diri sendiri dan memelihara amanah Allah SWT.

Ia mengajar remaja untuk mengatakan 'Tidak' kepada perlakuan-perlakuan yang boleh mendorong kepada hubungan kelamin yang tidak diinginkan atau di luar pernikahan. Pendidikan ini juga sebenarnya sarat dengan nilai keagamaan dan moral.

Sifat ilmu ini seperti pisau, boleh digunakan

untuk baik dan buruk. Jika ada yang hendak menggunakan ilmu yang dipelajari untuk melakukan persetubuhan haram dan menggunakan ilmu ini untuk melindungi diri dari mengandung, maka bagi saya itu pilihan dia.

Barangkali apa yang saya sebutkan ini mungkin agak kontroversi dan mengundang kecaman pelbagai pihak. Tetapi bagi saya, itu lebih baik dari golongan remaja ini termengandung dan kemudian membuang anak di merata tempat atau membunuh janin.

Sudah tentu perbuatan ini menambah lagi dosa yang sedia ditanggung. Anak tidak sah taraf pun meningkat dan akan menyusahkan ibu bapa.

Saya masih teringat semasa mendidik anak-anak saya dulu yang kini semuanya sudah berkeuarga. Alhamdulillah.

Bila mereka sedang membesar ke arah umur baligh, saya berpesan kepada mereka yang Allah SWT sedang menyediakan mereka untuk menjadi ibu dan bapa.

Bila lelaki dan wanita berintimasi melampau (tidur bersama) maka seorang lagi insan akan tercipta di dalam rahim perempuan. Perkara ini

tidak boleh berlaku sebelum diijab kabul.

Saya gunakan buku-buku untuk menunjukkan prokreasi pelbagai jenis binatang dan cara pembiakan mereka. Saya tak perlu menunjukkan perlakuan manusia pun.

Maka jagalah perlakuan kamu. Hubungan lelaki dan perempuan mahram atau tidak, sudah ditentukan agama. Jangan dekati zina sebab kamu tak akan tahu bagaimana hendak brek nanti.

Jika kamu ketelanjangan bukan sahaja setakat dosa tapi tanggung jawab yang bakal dipikul.

Saya tekankan ia adalah utk melindungi mereka bukan kerana takut mak dan ayah malu. Mereka yang akan menanggung segala musibah yang negatif nanti. Jangan kerana sedap sesaat maka derita sepanjang hayat.

Alhamdulillah saya tak perlu tunjukkan lebih dari itu dan mereka memahami. Jika ada bertanya apa-apa mengenai the "birds and the bees" saya akan beri jawapan yang berterus terang menggunakan bahasa yang mudah. Mungkin kerana saya seorang doktor dan seorang penyarah maka mudah bagi saya.



DR SITI MARIAH MAHMUD

Tapi saya selalu berkongsi tips dengan sesiapa yang ingin pelajari kaedah untuk memahami anak-anak tentang perkara yang agak tabu dalam masyarakat ini.

Ibu bapa perlu tegas mengawal dan memantau pergaulan anak-anak. Saya seorang ibu yang agak 'kolot'. Saya tidak membenarkan anak-anak perempuan saya untuk keluar dengan kawan-kawan sekolah untuk meronda atau ke kompleks membeli belah.

Mereka boleh berjumpa kawan-kawan di sekolah atau datang ke rumah. Anak-anak lelaki pun dilayan sama. Cuma anak lelaki ini bahayanya kurang sikit. Tetapi tetap ada syarat.

Semua kena berada di rumah sebelum waktu Maghrib. Kalau ada keperluan hendak ke pusat membeli belah saya akan iringi.

Sudahlah cakap-cakap yang mengatakan pendidikan kesihatan reproduktif ini sebagai suatu yang liberal, menggalakkan perzinaan dan sebagainya. Kita hidup dalam kurun ke-21, maka pendekatan pengajaran dan pembelajaran juga perlu berubah.G



KEBANYAKAN pesakit yang sebaya atau lebih muda akan tertarik bila mengetahui Amal Ali, 30, ialah seorang doktor gigi.

Tanpa diminta, para pesakitnya itu secara terbuka akan berkongsi cerita dan impian mereka yang menyentuh pelbagai perkara seperti cita-cita, pendidikan dan kehidupan.

Bagi memupuk motivasi itu supaya berterusan, Amal akan menyatakan sokongan dan menggalakkan para pesakitnya untuk berusaha mencapai semua impian itu.

Ada pesakitnya yang merupakan lelaki dewasa Somalia. Mereka akan meminta izin beliau untuk membawa anak perempuan mereka bertemu dengannya untuk menunjukkan memang wujud doktor perempuan yang berasal dari Somalia.

Pendedahan begitu akan menjurus kepada soalan-soalan lain seperti bagaimana Amal boleh memakai tudung semasa belajar di universiti, apa strategi beliau untuk mencapai cita-cita serta bagaimana mereka boleh memperoleh peluang yang sama untuk melanjutkan pelajaran di universiti.

Sebenarnya, semua perkara ini tidak dicapai dengan mudah oleh Amal.

Amal Ali ialah anak kelahiran Somalia yang berhijrah ke Sweden selepas berlaku keganasan di negara tersebut.

"Kumpulan profesional asing yang tinggal di Sweden perlu bekerja keras sepuluh kali ganda berbanding

Pelarian perlu cipta kejayaan di negara baharu



Amal tetap menunaikan solat walaupun dalam kesibukan tugas.

orang Sweden sendiri.

"Tidak mudah untuk masuk ke universiti dan berusaha menjadi doktor gigi, mengekalkan keimanan sebagai orang Islam dan memakai tudung," katanya.

Amal Ali senantiasa mengingatkan dirinya untuk membentuk komuniti 'Somalia Kecil' di Oslo bagi membantu bangsanya.

Jika melawat Somalia, Amal sedaya upaya akan membuat tugas sukarela sebagai doktor gigi kerana beliau juga mempunyai pelan yang besar untuk masa depan kerjayanya di negara itu.

"Saya mahu membalas budi dan membuat sesuatu yang membuktikan saya masih berdarah Somalia

dan pada masa yang sama, memiliki identiti Sweden.

Amal cintakan Sweden sebagai rumahnya yang memberi peluang dan harapan selepas berhijrah dari Somalia. Ada masanya, dia terasa dirinya lebih Sweden berbanding orang Sweden sendiri.

Walau bagaimanapun, dia mahu menggabungkan kedua-dua identiti ini walaupun tahu langkah tersebut tidak mudah untuk dilakukan.

■ **Diterjemah secara bebas dari laman sesawang www.unhcr.org**



AMAL ALI

AWAN Nasional lancar program bedah buku

f LIVE
AWAN Nasional

Siri AWAN Baca Buku





PLF Muna Puan Azlin Hezri

28 APRIL 2017 JUMAAT 9.00-10.00 MALAM

**TAJUK :
ACT LIKE A LADY, THINK LIKE A MAN**

PENULIS : STEVE HARVEY

Sembang santai apa yang lelaki fikirkan tentang **Ginta, Hubungan, Keintiman dan Komitmen.** Ayuh bersama **Puan Azlin Hezri** dan **PLF Muna** mengupas kandungan buku ini!

Layari FB page: <https://www.facebook.com/awannasional/>

**Anjuran:
BIRO KOMUNIKASI, ANGKATAN WANITA AMANAH NEGARA (AWAN) NASIONAL**

KUALA LUMPUR: AWAN Nasional mengorak langkah baharu dalam usaha membentuk masyarakat pembaca buku yang aktif melalui pelancaran program bersiri bedah buku.

Program yang dinamakan 'Siri AWAN Baca Buku' itu akan bersiaran di laman Facebook rasmi, AWAN Nasional pada 28 April jam 9 malam.

Dalam siri pertama ini, dua panelis undangan ialah Azlin Hezri dan Nura Muna Abdul Halim yang memiliki pengalaman dan kepakaran dalam bidang runding hal ehwal rumah tangga serta aktif dengan kegiatan kemasyarakatan.

Mereka berdua akan membincangkan buku popular tulisan Steve Harvey berjudul "Act like a lady, think like a man".

Pengarah Biro Komunikasi AWAN Nasional, Anfaal Saari berkata, penganjuran program seumpama ini meru-

pakan usaha penting sayap wanita AMANAH untuk memupuk semula budaya membaca dalam kalangan masyarakat.



ANFAAL SAARI

Katanya, perbincangan tentang sesebuah buku akan meningkatkan tahap kefahaman serta minat masyarakat dan sekaligus akan mendorong mereka berfikir dengan lebih kritis ketika mengutarakan pandangan.

"Ini langkah awal AWAN Nasional untuk mendekati masyarakat secara progresif. Buku yang kita pilih untuk dibincangkan lebih berbentuk santai tetapi menarik dan penting untuk difahami.

"Saya mengharapkan program seperti ini boleh diadakan secara berterusan dan mendapat sambutan yang lebih menggalakkan dari pelbagai pihak," katanya.

Poster Siri AWAN Baca Buku.

Pilih Pas atau Umno pemikiran politik kuno

SAYA tersenyum lebar apabila membaca kenyataan Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang meminta rakyat memilih sama ada untuk bersama Umno atau Pas demi untuk mengekalkan penguasaan politik Melayu Islam di Malaysia.

Saya faham kenyataan beliau bukan bertujuan untuk menyeru rakyat untuk mengundi sama ada Umno atau Pas pada pilihan raya akan datang. Sebaliknya ianya merupakan anggapan meleset terhadap realiti politik negara di mana mengikut anggapan ini, hanya Pas dan Umno sahaja mewakili rakyat berbangsa Melayu dan beragama Islam.

Oleh itu maka demi mengekalkan penguasaan politik Melayu Islam di Malaysia maka rakyat mesti memilih antara gabungan yang dipimpin Pas atau gabungan yang dipimpin Umno. Dalam erti-kata lain, kerajaan yang dibentuk semestinya sama ada di bawah pimpinan Pas atau Umno.

Konsep sistem dwi-parti yang sesuai bagi Malaysia, mengikut Abdul Hadi, adalah gabungan parti yang dipimpin Umno berhadapan dengan gabungan parti yang dipimpin Pas.

Kata-kata beliau menggambarkan keadaan pemikiran yang terkongkong pada satu zaman yang telah berlalu. Keadaan di mana hanya Pas dan Umno adalah pilihan bagi masyarakat Melayu telah lama berlalu. Mungkin beliau masih tidak sedar hakikat perubahan lanskap politik negara.

LANDSKAP POLITIK NEGARA BERUBAH

Telah wujud Parti Keadilan Nasional pada tahun akhir 90-an dan tiada yang waras akan mengatakan ianya bukan satu parti yang boleh menjadi pilihan bagi orang Melayu dan Islam. Dengan wujudnya Keadilan maka suasana edwi partif Pas dan Umno untuk pengundi Melayu Islam sudah tidak lagi realistik dan lanskap politik telah mula berubah. Hanya mungkin ada yang tidak sedar kerana masih berpegang kepada senario yang lama.

Semangangnya sebelum Keadilan, telah wujud parti-parti pembangkang Melayu lain seperti Semangat 46 yang boleh menjadi pilihan untuk masyarakat Melayu juga. Malangnya mereka tidak bertahan lama. Semangat 46 sendiri tidak dapat bertahan apabila pimpinan utamanya kembali ke pangkuan Umno.

Akan tetapi keadaan Keadilan tidak begitu dan ia terus menjadi satu pilihan bagi Melayu Islam.

Mungkin Abdul Hadi melihat Keadilan sebagai parti yang tidak ada apa-apa kekuatan. Ini diperkukuhkan lagi oleh kata-kata beberapa pimpinan Keadilan sendiri yang terus menggambarkan ketidakmampuan Keadilan untuk bertanding tanpa kebersamaan Pas. Oleh itu, mungkin Abdul Hadi boleh dimaafkan kerana tidak sedar bahawa Keadilan turut merupakan sebuah parti pilihan bagi Melayu Islam.

Mungkin juga disangkakan selama ini Melayu Islam hanya mengundi Keadilan atas sebab Keadilan bersama Pas. Undi yang diperoleh Keadilan, mengikut pemikiran ini, adalah sebenarnya undi untuk Pas! Maklumlah, minda yang tercorak oleh suasana politik di Terengganu dan Kelantan.

Mungkin atas sebab itu beliau terus berkeras untuk keluar dari Pakatan Rakyat dan untuk Pas bertanding secara bersendirian termasuk di Selangor. Beliau yakin Pas akan menang semua kerusi yang ditandinginya di Selangor termasuk yang sedang disandang Keadilan.

Mengikut minda beliau Keadilan menang oleh kerana Pas. Dalam ertikata lain, rakyat yang mengundi Keadilan sebenarnya ingin mengundi Pas tetapi oleh kerana Keadilan yang bertanding di kerusi berkenaan, maka mereka terpaksa mengundi Keadilan.

LANDSKAP POLITIK YANG TERUS BERUBAH

Apabila Abdul Hadi terus mengeluarkan kata-kata "sama ada Pas atau Umno sahaja" beliau seolah-olah menganggap bahawa AMANAH dan PPBM juga tiada apa-apa kekuatan.

Sama sahaja seperti Keadilan, mengikut mindanya.

Mustahil beliau tidak sedar akan kewujudan dua parti baharu ini yang turut merupakan pilihan bagi masyarakat Melayu Islam dewasa ini! Namun beliau masih berpegang kepada realiti politik 80-an dan awal 90-an di mana pada masa itu hanya Pas merupakan satu-satunya parti pembangkang Melayu.

Dalam keadaan minda yang masih terkongkong pada zaman yang telah lama berlalu, tidak hairan kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan kedengaran janggal dan tidak selari dengan keadaan sebenar. Hakikatnya lanskap politik sudah lama berubah. Bukan setakat Pas tidak lagi satu-satunya parti pembangkang Melayu, ia semakin kehilangan sokongan di kalangan masyarakat Melayu.

Sekarang ini sokongan Melayu pembangkang, iaitu yang menolak Umno/BN telah banyak beralih kepada Keadilan, AMANAH dan PPBM. Lebih-lebih lagi apabila dilihat tiga parti itu telah bersama dalam satu gabungan iaitu Pakatan Harapan.

Oleh itu pilihan bagi Melayu pembangkang tidak lagi tertumpu kepada Pas kerana bukan Pas sahaja yang ada sebagai pilihan untuk mereka. Pakatan Harapan sendiri telah menjadi gabungan parti pembangkang yang mewakili pembangkang Melayu.

Tanpa disedari Abdul Hadi, wawasannya untuk diwujudkan sistem dwi-parti di mana dua gabungan yang bertarung diketuai parti Melayu telah hampir menjadi kenyataan. Akan tetapi wawasan ini mengambil bentuk tanpa Pas!

SISTEM DWI-PARTI KALKAN KEDUDUKAN MELAYU-ISLAM

Keinginan Abdul Hadi adalah supaya satu sistem dwi-parti terbentuk dengan Umno memimpin satu gabungan dan Pas memimpin gabungan yang kedua. Yang penting bagi

LAUT
BUDI
TEPIAN
AKAL
KHALID SAMAD



Abdul Hadi adalah dua-dua gabungan itu mesti dipimpin oleh parti Melayu Islam supaya mana satu sekalipun menang, kedudukan Melayu Islam di negara ini tidak terancam.

Hakikatnya, sistem

dwi-parti sedang mengambil bentuk, dulu melalui BN berhadapan dengan Pakatan Rakyat dan sekarang ini BN berhadapan dengan Pakatan Harapan. Pas atas sebab terperangkap dalam minda politik 80-an dan awal 90-an, telah tidak sedar bahawa pada hakikatnya mereka telah mengamalkan sistem dwi-parti yang diinginkan pada PRU ke-12 dan 13 yang lalu.

PR dahulunya disertai Pas dan Keadilan. Kerusi yang ditandingi Umno kesemuanya ditandingi calon Melayu Pas atau Keadilan. Ini bererti sekiranya Umno ditumpaskan maka pengganti-pengganti kepada semua Ahli Parlimen Umno adalah Melayu Pas atau Keadilan! Namun Pas tidak berpuas hati kerana diinginkan hanya Pas sebagai pengganti Umno! Itu yang saya maksudkan minda yang terperangkap dalam zaman 80-an dan awal 90-an.

KESIMPULAN

Dalam keadaan minda terus terperangkap dalam zaman yang telah berlalu, sepak terajang politik Abdul Hadi telah sekarang ini menjadikan Pas tidak lagi relevan kepada sistem yang diinginkan Abdul Hadi sendiri!

Perwakilan Melayu dalam PH tidak berkurangan tanpa Pas. Dengan adanya AMANAH dan PPBM sebagai pengganti kepada Pas, maka Umno tetap akan digantikan oleh calon-calon Melayu dari parti-parti Melayu dan majoriti Melayu dari PH. Maka kemenangan PH walaupun tanpa Pas akan tetap mengekalkan kedudukan Melayu dan Islam dalam politik negara. Hanya bezanya ialah Melayu korup dan kleptokrat akan diganti dengan Melayu yang lebih amanah dan telus.

Malangnya Pas akan tidak kelihatan. Semua ini berlaku kerana Pas terus menganggap hanya dirinya parti pembangkang Melayu untuk pilihan masyarakat Melayu.

Penyelewengan istilah kafir harbi dan kafir zimmi

ISTILAH kafir harbi dan zimmi digunakan dalam Islam dalam konteks kedudukan dan taraf mereka dalam sebuah negara Islam. Tidak ada nas atau dalil serta amalan yang menunjukkan istilah harbi dan zimmi adalah merujuk kepada kedudukan mereka dalam konteks ketundukan dan kepatuhan kepada ajaran Islam.

Bila kita merujuk seorang mukallaf atau sesorang yang boleh menanggung beban syariah ini, istilah yang digunakan untuk mereka adalah muslim, kafir, syirik dan munafik, bukannya harbi atau zimmi.

Apabila mereka menerima Islam, mereka dipanggil sebagai muslim. Jika mereka menolak Islam, mereka dipanggil sebagai kafir. Jika mereka menyekutukan Allah, mereka dipanggil syirik dan jika mereka berpura-pura beriman, mereka dipanggil munafik.

Dalam sejarah pemerintahan Islam silam, sempadan negara Islam adalah akidah, bu-

kannya negara bangsa atau geografi seperti yang diamalkan hari ini. Hanya pemerintah yang berkuasa dan berhak untuk mengisytiharkan seorang bukan Islam itu sebagai zimmi atau menanggung mereka sebagai harbi.

Mana-mana kelompok masyarakat yang mendiami kawasan tertentu memeluk Islam, maka mereka adalah warganegara Islam walau pun berada di luar pusat pemerintahan Islam.

Mana-mana individu atau kelompok masyarakat yang enggan menerima Islam, maka mereka kekal atas agama asal anutan mereka dan bukan warganegara Islam walaupun berada berdekatan atau di dalam pusat pemerintahan Islam, kecuali musyrikin Makkah yang telah diarah oleh Allah SWT supaya diperangi sehingga mereka menerima Islam atau pun dibunuh.

Mana-mana kelompok masyarakat yang enggan menerima Islam, mereka bebas un-

tuk meneruskan amalan hidup dan tinggal di tempat asal mereka menetap. Tidak ada permusuhan atau jaminan perlindungan kepada mereka. Mereka bebas berurusan dengan masyarakat Islam tanpa apa-apa sekatan dan halangan, tetapi jika mereka mengganggu atau mencerooboh kedaulatan Islam, mereka boleh diperangi, sebab itu mereka dipanggil sebagai harbi.

Jika masyarakat non-muslim ini sanggup patuh dan berada di bawah pemerintahan Islam, maka mereka adalah sebahagian daripada watan atau warganegara Islam. Mereka akan dilindungi dan diberi hak seperti mana yang dinikmati oleh orang Islam. Sebagai balasan mereka dikehendaki membayar jizyah kepada kerajaan Islam. Kelompok inilah dipanggil zimmi.

Malangnya hari ini ada kelompok masyarakat Islam yang telah menyelewengkan istilah ini. Mana-mana orang bukan

PENDAPAT

CHE IBRAHIM MOHAMED



Islam yang tidak setuju atau menentang perjuangan politik mereka, non-muslim tadi dianggap kafir harbi. Mana-mana non-muslim yang bersedia taat dan menerima perjuangan politik mereka, non-muslim tadi dianggap zimmi walaupun mereka tidak ada kuasa untuk memungut cukai jizyah dan memberi hak sebagai warganegara kepada golongan ini.

Maha dahsyatnya penyelewengan Islam yang telah diperkudakan oleh kumpulan ini demi mencari sokongan dan pengaruh politik kepartian. Hindarilah golongan bahaya yang menganuti pemikiran khawarij moden dan pelampau Islam ini.

Che Ibrahim Mohamed ialah Naib Pengerusi AMANAH Kelantan dan bekas Hakim Syarie.

PH lebih dahulu wujud di Simpang Renggam

Oleh AMNI JAGAT

SIMPANG RENGAM: Sebelum wujudnya gabungan Pakatan Harapan (PH), AMANAH Kawasan Simpang Renggam sudah lebih dahulu mewujudkan kerjasama dalam gerak kerja membantu masyarakat serta hubungan politik yang baik.

Komponen tiga parti – AMANAH, DAP dan Keadilan telah mengadakan kerjasama dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dalam satu pertemuan bagi menguatkan lagi gerak kerja bersama dalam mendepani isu masyarakat.

Menurut Pengerusi AMANAH Simpang Renggam, Mohd Said Jonit, hubungan baik di Simpang Renggam itu adalah kesinambungan kerjasama yang selama ini telah pun dipupuk.

Tambah Mohd Said, kerjasama yang baik dalam Pakatan Rakyat kini diteruskan dalam Pakatan Harapan apabila sebahagian besar aktivis Pas kawasan menyertai AMANAH.

Pengerusi PH Simpang Renggam itu juga berkata, seluruh penggerak yang menjalankan kerja sama politik di Simpang Renggam



Mesyuarat Pakatan Harapan Simpang Renggam merangka strategi menghadapi PRU.

telah saling mengenali malah kebanyakannya rakan sekampung.

“Ini adalah kesinambungan daripada gerak kerja politik sebelum ini walaupun kami parti baru tetapi jentera kami terdiri

daripada kawan-kawan yang sudah lama

berkecimpung dalam dunia politik. “Kami dulu sudah lama bergerak bersama sewaktu dalam Pakatan Rakyat. Jadi tidak timbul rasa kurang senang untuk bekerja antara jentera kami dengan jentera parti komponen yang lain.

“Selain kami adalah rakan politik, kebanyakan di antara kami yang berbeza parti ini adalah di kalangan kawan-kawan sekampung, maka dari situlah talian atau hubungan silaturrahim ini wujud,” tambah Mohd Said.

Mengulas tentang pelantikan beliau sebagai Pengerusi PH Simpang Renggam, Mohd Said mengangapnya sebagai pengiktirafan kepada AMANAH.

“Ini suatu penghormatan dan penghargaan yang tidak terhingga terhadap AMANAH dan membuktikan hubungan baik yang sedia terjalin,” kata Mohd Said.



JAWATANKUASA AMANAH KAWASAN SIMPANG RENGAM SESI 2016 - 2018

Amanah		Ahli Jawatankuasa
KETUA	MOHD SAID BIN JONIT	- SAIRAN BIN SAMINGAN
TIMBALAN KETUA	KHAIRUDDIN BIN AHMAD SEKAK	- AHMAD BIN PANJAN
NAIB KETUA 1	AHMAD MAULANA BIN STAT	- AZMAN BIN MD DESAH
NAIB KETUA 2	SIS BIN HASSAN	- MUALIP BIN MAKPOL
KETUA PEMUDA	MOHD FIRDAUS BIN AHMAD	- REDUAN BIN ABDULLAH
KETUA AWAN	KHATJAH BINTI SALAMUN	- RAMLY BIN ADAN
SETIAUSAHA	MUHAMMAD HALIZI BIN PAIMAN	- ZAINAL ABIDIN BIN SIDI
PENOLONG SETIAUSAHA	MOHD RASHID BIN MD SALLEH	- SHARIFAH BINTI AHMAD
BENDAHARI	MOHAMMAD ZAKI BIN ABDUL KADIR	- MOHD FADLI BIN OTHMAN

Aktivis AMANAH rapat dengan penduduk

AMANAH Kawasan Simpang Renggam mempunyai aktivis yang komited dan ahli yang berkualiti serta berkemahiran mendepani isu-isu rakyat, kata Naib Ketua 1 Maulana Stat.

Menurut beliau, kebanyakan isu membabitkan penduduk di Simpang Renggam adalah berbentuk kemasyarakatan seperti pencemaran, kemudahan infrastruktur yang kurang memuaskan dan masalah setempat.

“Jentera kita banyak yang sudah terbiasa dan terlatih dengan permasalahan masyarakat.

“Banyak isu yang diluahkan penduduk seperti pencemaran, infrastruktur yang kurang memuaskan dan permasalahan berbentuk

setempat.

“Sebelum ini pun kami memperjuangkan masalah dihadapi penduduk hingga ke parlimen contohnya isu gangguan lalat akibat pembuangan tahi ayam yang berlaku di sekitar kawasan Machap sehingga mengganggu peniaga-peniaga makanan di kawasan rehat dan rawat (R&R) Machap,” ujar Maulana.

Hubungan akrab antara aktivis AMANAH dan masyarakat di sekitar Simpang Renggam telah terjalin sejak berpuluh tahun kerana kebanyakan aktivis AMANAH Simpang Renggam adalah penduduk tempatan.

Kelebihan ini, katanya memudahkan pergerakan AMANAH untuk mendekati masyarakat.



Mengedar risalah di pasar malam.



AMANAH Simpang Renggam mengetuai demonstrasi menuntut bekalan air yang bersih dari pencemaran.

Punca air tercemar jejas penduduk

PENCEMARAN punca air menjadi isu utama di Simpang Renggam dan masih gagal diatasi kerajaan, kata Ketua AMANAH Kawasan Simpang Renggam, Mohammad Said Jonit.

Pencemaran punca air ini, kata beliau disebabkan kewujudan tapak pelupusan sampah yang melepaskan air sisa kumbahan ke sungai berdekatan sehingga air sungai yang mengalir ke loji rawatan air Simpang Renggam menjadi keruh dan berbau busuk.

Menurut beliau, walaupun air itu telah dirawat sebelum disalurkan kepada pengguna namun kandungan amoniaknya tinggi.

"Simpang Renggam banyak mengalami masalah alam sekitar dan perkara paling membimbangkan adalah punca air atau aliran sungai yang tercemar teruk," ujarnya.

Selain pencemaran air yang berlaku di Simpang Renggam, masalah lalat hasil dari pembuangan najis ayam yang terlalu banyak dari ladang-ladang berdekatan telah lama mengganggu penduduk.

Mohammad Said berharap penduduk Simpang Renggam mampu membuat pilihan tepat bagi mengubah nasib mereka pada pilihan raya umum akan datang.



Demonstrasi membantah pusat pelupusan sampah yang mendatangkan pencemaran.

Cara berkesan perangi musuh no. 1 negara

DALAM satu kaji selidik, kepercayaan masyarakat awam terhadap orang politik begitu rendah. Mereka disyaki mengamalkan rasuah, sering menyalahgunakan kuasa dan mengambil kesempatan untuk kepentingan diri dan suku-sakat. Tinjauan rawak terhadap anak-anak muda yang tidak berminat mendaftar sebagai pengundi juga disebabkan kecurigaan yang sama, iaitu orang politik tinggi kerakusannya kepada kuasa dan wang.

Semasa mendedahkan kes-kes tumbuk rusuk seorang menteri besar pada tahun 2001, saya menekankan bahawa bukan hanya kerana senarai salahlakunya yang panjang, maka tokoh itu merupakan menteri paling korup di Malaysia. Kebetulan ada sumber yang dekat dengan MB berkenaan yang menyalurkan maklumat dan fakta kes kepada saya.

Dan saya percaya, ramai lagi personaliti besar dalam Umno-BN yang terbabit atau sekurang-kurangnya terpalit dengan amalan makan suap itu. Cuma mereka bernasib baik kerana jenayah terkutuk itu sukar dikesan dan tiada maklumat yang bocor.

Sesungguhnya rasuah merupakan jenayah yang paling sukar dikesan berbanding, misalnya jenayah bunuh atau rompak, apabila saksinya tidak bersedia ke depan dan mangsanya pun payah dikenalpasti. Hampir tiada "mangsa" dalam jenayah korupsi kerana dalam banyak keadaan pemberi dan penerima mendapat habuan-kepentingan masing-masing.

Atau, walaupun sudah ada laporan yang dibuat kepada SPRM (dulu BPR), tetapi ia didiamkan begitu sahaja kerana pengadu tidak menghebohkannya. (Saya difahamkan, mengikut undang-undang, menjadi kesalahan bagi pengadu yang membuat hebahan kepada awam kandungan laporan rasuah).

Manakala banyak juga kes, terutama berprofil tinggi, yang memerlukan restu-izin pihak tertinggi untuk membuat pendakwaan di mahkamah walaupun fakta kesnya lengkap dan mencukupi. Jabatan Peguam Negara dilihat tertakluk sepenuhnya dengan kehendak Perdana Menteri. Kes



berkaitan skandal mega 1MDB merupakan contoh klasik apabila hampir semua institusi strategik yang terbabit dalam siasatan diceroboh dan pegawai terbabit dipindahkan atau disingkirkan.

Saya turut dimaklumkan oleh sumber, dalam kes rasuah membabitkan seorang pegawai tinggi kerajaan dan tokoh yang dekat dengan menteri berkaitan, SPRM dikatakan terpaksa memilih untuk mendakwa kakitangan awam itu dan melepaskan orang politik. "Seseorang harus dikambinghitamkan kerana kes ini sudah terdedah luas kepada media. Pegawai itu dan anaknya pula tidak segan silu mempamerkan kekayaan luar biasa kepada awam," jelas sumber itu.

Seolah-olah ada mekanisme tersendiri oleh perdana menteri untuk menangani kes-kes rasuah menterinya. Dan pilihan ke mahkamah adalah opsi terakhir yang amat jarang digunakan kecuali apabila kesetiaan tokoh politik itu kepada PM sudah hilang. Kerap juga fail kes korupsi dijadikan bahan ugutan atau tarik-tali untuk sesuatu motif politik PM.

Bayangkan, untuk memulakan tindakan undang-undang kepada menteri rasuah terpaksa rujuk perdana menteri, maka usahlah berangan-angan untuk melihat orang paling berkuasa di negara ini dihukum kerana kesalahan mencuri puluhan bilion ringgit wang rakyat. Tiada lagi doktrin pengasingan kuasa apabila ketua eksekutif memonopoli segalanya, dengan kuasa tanpa sempadan. Hilang fungsi semak dan imbang.

Malah dalam kes menteri besar yang saya adukan 16 tahun lalu itu, seorang menteri memberitahu:

"You pun faham Lutfi, kes besar seumpama ini hanya akan diselesaikan menerusi

kaedah-kaedah politik juga, atau jika terpaksa akan digunakan daleh kesihatan sebagai sebab untuk mengundurkan diri. Atau mungkin hanya selepas pencen dan tidak berkuasa lagi barulah kita berpeluang dia dibicarakan."

Saya teringat wawancara eksklusif dengan bekas menteri Dr Rais Yatim, ketika itu Timbalan Presiden Parti Semangat 46, di pejabat guamannya, Jalan Tuanku Abdul Rahman, sekitar Jun 1997. Saya bertanyakan kaedah terbaik menangani masalah korupsi. "Cara meminimumkan rasuah ialah mengurangkan kuasa menteri, pegawai pentadbir atau kuasa itu disahamkan bersama," jelas Rais.

Beliau memberi contoh, selain perdana menteri, kuasa menteri besar atau ketua menteri itu begitu besar, terutama berkaitan tanah, hutan dan hasil bumi. "Kuasanya melebihi bidang menteri persekutuan kecuali Menteri Kewangan dan Menteri Dalam Negeri," katanya. "Cuba kita senaraikan semua kuasa mereka dan bahaskan senarai itu dalam satu jawatankuasa khas untuk dinilai semula bagi meminimumkan kuasa yang jatuh kepada seseorang," tambah Rais.

Merujuk kes rasuah terkini, khususnya membabitkan projek hartanah di Johor, saya terkesan dengan bicara seterusnya Rais, 20 tahun lalu itu: "Rumah merupakan industri yang pekat dengan rasuah. Dari mula memohon tanah, rasuah diberi. Menukar syarat tanah, rasuah diberi. Mendapat sijil kelayakan (CF) rasuah diberi. Sampai kepada siapa yang harus menghuni rumah, rasuah juga diberi. Rasuah berlaku di pelbagai peringkat, dari Pejabat Daerah sampailah kepada pejabat pemegang kuasa tertinggi."

Apabila berkunjung ke Johor baru-baru ini, saya agak hairan bagaimana menteri besar boleh berlepas tangan dengan kes korupsi Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatnya. Antara dakwaan ke atas anggota exco terbabit adalah penipuan dan rasuah dalam penukaran status Lot Bumiputera kepada "Bumi released" (pelepasan daripada status lot Bumi).

Sambil minum pagi, saya minta penjela-

san Timbalan Pengerusi AMANAH Johor, Dzulkefly Ahmad. Mengikut Dasar Perumahan Rakyat Johor, 40% daripada unit-unit kediaman yang dibina pemaju hendaklah dikategorikan sebagai Lot Bumiputera dengan harga diskaun 15% lebih rendah daripada harga jualan pemaju.

Walaupun ada kelonggaran diberikan jika selepas sembilan bulan daripada tarikh jualan dibuka atau projek perumahan telah siap 50% maka jika ada unit Lot Bumi yang masih belum terjual, maka pihak pemaju boleh mohon pertukaran status lot itu kepada "Bumi released" daripada kerajaan negeri.

"Bila kerajaan menerima permohonan pemaju, Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan membuat kertas kerja untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hasil Bumi yang dipengerusikan Menteri Besar untuk kelulusan.

"Setelah diluluskan Jawatankuasa Hasil Bumi sekali lagi kertas ini akan diangkat dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (MCK) Negeri Johor yang juga dipengerusikan MB Johor untuk diluluskan," kata Dzulkefly, yang berpengalaman luas dalam bidang hartanah.

Kesimpulannya, tambah beliau, dalam proses penukaran syarat status Lot Bumi, Menteri Besar Johor yang meluluskannya sama ada di peringkat JK Hasil Bumi atau MMK. "Ia boleh dikaitkan sama ada ber-subahat, jika dalam pengetahuannya rasuah itu berlaku, atau 'negligence', jika tidak mengetahui rasuah itu berlaku, kerana sebagai pengerusi mestilah mengambil langkah-langkah yang munasabah dalam meluluskan sesuatu permohonan," tambahnya.

Sesungguhnya proses reformasi institusi strategik, termasuk meminimumkan bidang kuasa menteri, amat diperlukan segera untuk memerangi rasuah. Selain itu, media yang independen serta hak rakyat untuk mengetahui maklumat yang tersorok di bawah "rahsia kerajaan" mesti dikembalikan. Itu langkah awal jika kita benar-benar serius mahu menangani musuh nombor 1 negara.

24 Pikat merbuk jadi produk pelancongan **29** Pilih Pas atau Umno pemikiran politik kuno **31** Catatan Hujung: Cara perangai musuh no. 1



PP18978/03/2016(034450)

Amanah

BIL 49 | 30 APRIL - 6 MEI 2017

WAKTU Solat
BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DEKATNYA
SILBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
30.4.2017	5:35	5:45	7:03	13:13	16:31	19:20	20:31
1.5.2017	5:35	5:45	7:03	13:13	16:31	19:20	20:31
2.5.2017	5:34	5:44	7:02	13:13	16:31	19:20	20:31
3.5.2017	5:34	5:44	7:02	13:13	16:31	19:20	20:31
4.5.2017	5:34	5:44	7:02	13:13	16:32	19:20	20:32
5.5.2017	5:33	5:43	7:02	13:13	16:32	19:20	20:32
6.5.2017	5:33	5:43	7:02	13:13	16:32	19:20	20:32

HANYA SKRIP LAKONAN

PRESIDEN AMANAH, Haji Mohamad Sabu menyifatkan pemimpin Pas hanya mengikuti satu skrip lakonan dalam Dewan Rakyat ketika usul rang undang-undang 355 dibentangkan.

"Sewaktu saya ahli Parlimen Kuala Kedah dulu, menteri Zainudin Maidin pernah keluar kenyataan mengharumkan nama negara lebih penting dari sembahyang.

"Saya bangun suruh dia tarik kenyataan, saya tendang meja, speaker suruh saya sabar tapi saya kata tak boleh sebab melibatkan hal agama. Akhirnya dewan ditangguhkan. Selepas dewan bersidang semula, Zainuddin tarik balik kenyataan dia dan saya pun duduk.

"Tapi dalam kes RUU355 ini kenapa ahli parlimen Pas tak sungguh-sungguh minta bahas? Dah bentang, sokong kemudian tangguh. Seorang pun tak bangun bertegas suruh bahas.

"Yang suruh bahas ahli parlimen Pakatan Harapan. Ini menunjukkan RUU355 ini satu skrip lakonan sahaja," kata Mohamad ketika berceramah di Bagan Serai baru-baru ini.



MAHATHIR bercakap dengan presidennya Muhyidin dalam sidang media Rabu lepas. Beliau mahu hanya calon yang boleh menang diberikan peluang bertanding.

Hanya calon boleh menang bertanding

KETIKA menghadapi tindakan keluar parti dari sesetengah pihak, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) menetapkan pendirian hanya calon boleh menang sahaja akan berpeluang untuk menjadi calon dalam pilihan raya Umum ke-14 akan datang.

Pengerusinya Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, calon pilihan raya itu pula sama ada daripada gabungan parti dalam Pakatan Harapan atau daripada Bersatu.

"Kita nak ingatkan sekali lagi sekiranya menjadi ketua bahagian tidak bermakna anda

akan menjadi calon parti Pribumi Bersatu.

"Kita beri kepada calon yang boleh menang. Orang yang dijangka boleh menang ini sama ada daripada calon dalam gabungan parti atau dari Parti Pribumi sendiri," katanya dalam sidang media Rabu 26 April lepas.




"Kita nak ingatkan sekali lagi sekiranya menjadi ketua bahagian tidak bermakna anda akan menjadi calon parti Pribumi Bersatu Kita beri kepada calon yang boleh menang. Orang yang dijangka boleh menang ini sama ada daripada calon dalam gabungan parti atau dari Parti Pribumi sendiri," katanya dalam sidang media Rabu 26 April lepas.

**BUKU TERBARU
KOMBO BUKU NUNJI
TEMPAH SEKARANG!**



01132334322
UNTUK URUSAN PEMBELIAN

**HANYA
RM65**



WAKTU Solat

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN -
KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
30.4.2017	5:35	5:45	7:03	13:13	16:31	19:20	20:31
1.5.2017	5:35	5:45	7:03	13:13	16:31	19:20	20:31
2.5.2017	5:34	5:44	7:02	13:13	16:31	19:20	20:31
3.5.2017	5:34	5:44	7:02	13:13	16:31	19:20	20:31
4.5.2017	5:34	5:44	7:02	13:13	16:32	19:20	20:32
5.5.2017	5:33	5:43	7:02	13:13	16:32	19:20	20:32
6.5.2017	5:33	5:43	7:02	13:13	16:32	19:20	20:32